



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA

Shah Alam, 11 Julai (Rabu)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Liu Tian Khiew

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali

YB Tuan Ng Suee Lim

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar

YB Tuan Lee Kim Sin

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei

YB Tuan Lau Weng San

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman

YB Tuan Haji Saari bin Sungib

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay

YB Tuan Philip Tan Choon Swee

YB Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz

YB Tuan Amirudin bin Shari

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam

YB Puan Lee Ying Ha

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan

YB Puan Gan Pei Nei

YB Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK.

YB Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc)
YB Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK.

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK.

YB Dato' Haji Amiruddin bin Setro,
DPMS.,ASA.

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA.

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK.

YB Dato' Haji Warno bin Dogol
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK.

YB Dato' Marsum bin Paing,
DPMS., SSA., ASA.

YB Dato' Sri Subahan bin Kamal,
SSAP., DIMP.

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus,
KMN., SIS., ASDK.

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,
DMSM., JP., AMS.

YB Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,
DPSM., AMS.

YB Tuan Yap Ee Wah

YB Tuan Wong Koon Mun,
JMN., SMS., PJK.

YB Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak
SMS., PPN.

YB Tuan Ismail bin Sani,
SMS., PJK.

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah

TIDAK HADIR

YB Tuan Yap Lum Chin

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DPMS., DIMP., SMS.

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Md. Saref bin Salleh
Bentara

Encik *Ratezuan* bin Adam
Encik Ibrahim bin Mat Mom
Penolong Bentara

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Selangor Ke Dua Belas pada hari yang kedua 10 Julai 2012 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA.

TUAN SPEAKER: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Dipersilakan.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat Kedua. Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

YB DATO' DR KARIM BIN MANSOR : Soalan No. 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PROGRAM KESIHATAN RAKYAT

21. Kerajaan negeri mengadakan pelbagai program untuk khidmat kesihatan warga negeri Selangor dengan pelbagai sasaran selaras manifesto Pakatan PRU 12 memberi khidmat kesihatan percuma kepada rakyat.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Apakah program yang diadakan, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dan jumlah rakyat yang telah mendapat manfaat?
- (b) Apakah mekanisme bagi memastikan program kesihatan dinikmati oleh semua rakyat tanpa ada yang terpinggir?
- (c) Adakah kerajaan negeri bercadang memperkenalkan perkhidmatan perubatan seperti Klinik1Malaysia?

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Tanjung Sepat. Tuan Speaker, program kesihatan rakyat kerajaan negeri telah mengadakan program kesihatan untuk rakyat miskin di negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan. Program ini bertujuan untuk meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan untuk menampung belanja rawatan kesihatan mereka. Program bantuan ini hanya terhad kepada pembiayaan kos rawatan bagi penyakit katarak mata. Pembedahan kecil, *minor surgery*, dialisis buah pinggang dan lain-lain permohonan yang wajar dipertimbangkan. Lain-lain permohonan bantuan kesihatan yang dipertimbangkan ialah perubatan kanser, keperluan pembeli alat berkaitan

kesihatan. Pembelian ubat-ubat bagi penyakit kronik dan lain-lain. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan mulai tahun 2010 sehingga Jun 2012 bagi menjayakan program ini adalah sebanyak RM581,734.00. Perincian adalah seperti berikut, untuk dialisis sahaja di dalam dua setengah tahun ini, kita telah bagi dana, seseorang yang ada dialisis *one of payment* tiap tahun RM2,000.00 seorang kita telah belanja kepada 214 orang, jumlahnya ialah RM295,498.00. Untuk katarak mata, 64 orang ialah RM36,832.00. Untuk pembedahan kecil, 21 penerima RM54,977.00 dan kos untuk rawatan lain-lain di bawah kesihatan, 70 orang penerima RM194,426.00 keseluruhannya ialah 369 penerima dengan RM581,734.00.

Selain itu, kerajaan negeri telah melancarkan program skim kesihatan wanita di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita. Skim ini merupakan satu program pemeriksaan mamogram yang diberikan secara percuma kepada warga wanita di negeri Selangor bagi mengesan awal barah payu dara, *breast cancer* ya sehingga kini jumlahnya yang telah kita belanja ialah RM1,502,250.00 telah dibelanjakan di dalam program ini dan seramai 15,817 peserta telah mendapat manfaat dari program ini.

Kerajaan negeri juga turut melancarkan program pusat dialisis rakyat yang merupakan satu program yang memberikan perkhidmatan dialisis secara percuma kepada golongan yang pendapatan rendah dan kurang berkemampuan. Walau bagaimanapun kos peruntukan bagi program ini dilaksanakan melalui *Smart Partnership, Smart Partnership* dengan sebuah syarikat swasta di mana Kerajaan Negeri hanya menyediakan premis yang bersesuaian dengan kadar sewaan yang minima sahaja. Manakala bagi kos kelengkapan dan tenaga pakar diuruskan oleh syarikat berkenaan sehingga ini terdapat tiga (3) buah pusat dialisis rakyat yang telah beroperasi sepenuhnya. Seramai 53 orang telah mendapatkan khidmat yang disediakan. Pusat dialisis ini, ditempatkan di Ampang, Taman Medan dan juga Sementa. Mekanisme yang digunakan bagi memastikan program kesihatan dinikmati oleh semua rakyat tanpa ada terpinggir ialah dengan menggunakan agensi-agensi kerajaan seperti Pejabat DUN, Pejabat Daerah, Jabatan Kebajikan, di Hospital di dalam Negeri Selangor sebagai agen yang menyalurkan maklumat kepada golongan yang memerlukan bantuan. Selain itu, hebahan melalui laman web dan akhbar turut digunakan bagi tujuan promosi program-program yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Pada masa yang sama, program-program kesihatan ini atau lain-lain program yang disediakan oleh kerajaan negeri turut dilibatkan di dalam acara-acara karnival rakyat yang dijalankan oleh kerajaan negeri. Melalui mekanisme seumpama ini dapatlah membuka peluang dan ruang kepada rakyat Selangor untuk mendapatkan manfaat khususnya bagi program kesihatan.

Tuan Speaker, buat masa ini kerajaan negeri belum bercadang untuk memperkenalkan perkhidmatan perubatan seperti klinik 1Malaysia. Bantuan ini kena disalurkan oleh kerajaan pusat sepenuhnya dan saya harap kita boleh bekerjasama dengan kerajaan pusat untuk mengadakan satu *safety net mechanism. Mechanism safety net* untuk orang-orang yang tidak boleh bayar untuk rawatan kesihatan. Ramai lagi sekali dan ini kena di kerja dan dilakukan oleh kerajaan pusat dengan juga kerajaan negeri. Sekian.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih, Tuan Speaker. Negeri Selangor ramai dengan pendatang-pendatang dari luar termasuk pendatang haram. Apakah penyakit-penyakit berjangkit yang dikenal pasti yang dibawa oleh pendatang-pendatang haram ini. Apakah tindakan dari segi kesihatan terutama oleh kerajaan negeri dari segi kemanusiaan. Kalau ada, berapa ramai mereka ini dan berapa peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri? Terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Bangi. Memang kita ada masalah sedikit dengan orang-orang asing yang datang ke negara kita. Yang datang dengan permit-permit yang dibiarkan oleh Pejabat Imigrasi saya ingat kita tidak ada masalah sebab kita lakukan *medical check up* untuk orang-orang yang datang dan melalui pemeriksaan kesihatan ini kita boleh dapatkan adakah mereka kronik *illness* yang diminta oleh Bangi ialah *infected diseases* yang dikatakan dibawa dari luar. Ada dua jenis, *infected diseases* yang kita kena bagi tumpuan, satu ialah malaria dan lagi ialah *tuberculosis*. Di dalam rekod kita di Jabatan Kesihatan memang malaria ini dikatakan kita dalam satu taraf yang dikontrol tidak ada masalah. *Tuberculosis* ini kita kena bagi perhatian lebih sebab ada peningkatan dia sedikit dan kita sekarang bekerjasama dengan semua pakar-pakar dan juga pegawai-pegawai kesihatan untuk kita jaga. Tetapi orang asing yang datang tanpa izin di dalam negara kita, itu ialah kita tidak boleh dapatkan data-data yang diminta oleh Bangi sebab orang-orang ini kalau dia jatuh sakit mereka pergi kepada swasta ataupun langsung tak pergi mana duduk di rumah juga so ini kita ada sedikit masalah dengan orang-orang yang masuk tanpa izin yang kita tidak ada rekod dan sebagainya tetapi kalaulah kesakitan dia memang serius bawak saya minta mereka di bawa kepada hospital-hospital kerajaan untuk kita boleh buat pemeriksaan dan boleh dapat *detail* dari mereka yang datang tanpa izin ini.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR: Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh EXCO. Pertama saya nak minta penjelasan lanjut mengenai Pusat Dialisis ni. Setakat ini dimaklumkan ada tiga (3) pusat dan kebanyakannya yang ada sekarang ialah di kawasan bandar tapi saya fikir buat masa ini masalah juga banyak berlaku di kawasan luar bandar. Ada tak cadangan daripada pihak kerajaan negeri untuk menubuhkan lebih pusat-pusat dialisis di kawasan luar bandar terutama di kawasan seperti di tempat saya di kawasan Tanjung Sepat? Kedua, kita ketahui dalam keadaan yang moden, negeri yang makin moden masalah generik iaitu masalah sakit warga tua akan bertambah. Setakat ini ada ke apa-apa perancangan daripada kerajaan negeri untuk mengadakan bantuan ataupun pusat rawatan khusus kepada masalah-masalah pesakit yang terlibat dengan warga tua dan yang ketiga mengenai masalah sakit jantung iaitu sakit jantung yang kebanyakannya sekarang ini banyak dirujuk kepada pusat jantung negara. Institut Jantung Negara, yang mana kebanyakan rakyat memohon bantuan untuk membuat bayaran di Institut Jantung Negara. Ada ke kerajaan negeri menyediakan dana untuk membantu mereka-mereka di kawasan luar bandar yang tidak mampu untuk mendapatkan rawatan di khususnya di Institut Jantung Negara ini. Sekian, terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Tanjung Sepat. Pusat Dialisis ini kita ada tiga ini yang kita buat *Smart Partnership* ini ialah untuk *Public Private* ini inisiatif yang kita ambil. Pengetahuan Tanjung Sepat sekarang Kementerian Kesihatan ketat sangat ya, *very strict* dengan lesen-lesen yang dikeluarkan untuk pembukaan pusat-pusat dialisis di seluruh Malaysia. So dengan syarat-syarat dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan kita nampak kurang orang-orang swasta minat untuk buka klinik ataupun *dialysis centre* di dalam kawasan tetapi Kerajaan Malaysia membelanjakan untuk membukakan *dialysis centre* di seluruh kawasan tapi malangnya di dalam Pelan 10, 10 Malaysia *Plan* tak ada satu pun yang dibuka di dalam negeri Selangor. Yang ada sudah pun cukup penuh sekali mereka jalankan tiga sesi pun tak cukup dan sebab itulah kita tengok ramai swasta dan juga NGO-NGO yang telah bukakan pusat dialisis di dalam negeri Selangor. Pada masa sekarang kerajaan negeri tidak ada kewangan cukup untuk buka klinik ataupun lab dialisis di semua tempat tetapi kita bekerjasama dengan beberapa NGO-NGO yang tetap dan juga hospital-hospital berkenaan untuk bagi rawatan dialisis. Yang kedua ialah penyakit-penyakit yang dikatakan oleh Tanjung Sepat iaitu obesiti, darah tinggi dan juga diabetes yang ialah tiga penyakit yang katakana penyakit bandaran lah... *its an urban disease* yang kita katakan. Kerajaan negeri bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan untuk adakan program-program, program-program di mana rakyat diberitahu kesan-kesan dengan obesiti, darah tinggi dan juga diabetes. Ini ada melalui risalah melalui program di bawah dan semua sekali bila kita membuat peperiksaan percuma. Yang kita selalu ada peperiksaan ialah untuk darah tinggi dan kencing manis dan lepas tu kita akan nasihat penyakit-penyakit ataupun orang-orang demikian. Yang tiga itu soalan yang...yang *quite interesting* yang betul yang ditanya oleh Tanjung Sepat ialah adakah negeri sediakan bantuan kepada orang-orang yang minta untuk buat rawatan katarak di negeri Selangor. Pada masa sekarang kerajaan negeri tidak ada bantuan begitu tetapi dalam apa yang saya katakan tadi di dalam lain-lain kategori lain-lain itu negeri boleh salurkan sampai RM5,000 untuk pendapatan rendah, orang-orang yang berpendapatan rendah dan buat *treatmentnya* di dalam hospital kerajaan sahaja. Yang itu IJN ataupun di Selayang ataupun di UKM, UM tempat-tempat yang ada perbezaan katarak yang dilakukan. Bukan di hospital swasta. Kalau sesiapa yang buat di hospital swasta dia tak lulus syarat-syarat yang ditetapkan oleh negeri untuk bagi dana. Tetapi ini soalan penting ni, apa yang kita nampak sekarang ialah sudah ada "*safety net*" untuk golongan yang berpendapatan rendah untuk dapatkan rawatan di IJN ataupun di hospital-hospital kerajaan juga di mana kalaulah *you* bukan seorang kerja dengan Kerajaan *you* patut bayar bayaran besar untuk operasi-operasi ini yang jangka dekat empat puluh lima ribu dan atas. So ini jadi satu masalah. Tetapi melalui Jabatan Kebajikan yang tetapkan dalam hospital-hospital berkenaan ada satu pejabat di dalam Kementerian Kesihatan yang memberikan dana-dana untuk penyakit-penyakit yang tidak boleh bayar. Dan saya ingat ini kena diwar-warkan juga *this has to be expanded interms* untuk *safety net* yang kita ada untuk penyakit-penyakit yang berkenaan dengan pembedahan katarak yang di dalam negeri Selangor. Tetapi sekarang yang kita dapat ialah yang maksima yang kerajaan negeri boleh bagi kepada penyakit-penyakit ini ialah RM5,000, yang kita....siling kita ialah RM5,000 sahaja.

TUAN SPEAKER: Sabak.

YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK : RUMAH URUT

22. Terdapat kes-kes serbuan rumah-rumah urut, pusat spa atau pusat hiburan di Selangor dan didapati aktiviti pelacuran berselindung melibatkan warga asing dari negara Thailand, China dan Indonesia.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar kelulusan dan kawalan sesebuah rumah atau spa?
- b) Nyatakan bilangan rumah urut, spa dan pusat hiburan berlesen di Selangor pada waktu ini mengikut PBT dan berapakah anggaran rumah-rumah urut, spa dan pusat hiburan yang beroperasi secara haram?
- c) Adakah EXCO dan ADUN kerajaan negeri turun padang membanteras masalah ini bersama agensi kerajaan terbabit?

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Soalan ini akan dijawab oleh saya bersekali dengan soalan 70 dan 78. Tuan Speaker, terdapat kes-kes tersebut. Tuan Speaker secara dasarnya pengeluaran lesen untuk rumah urut dan pusat hiburan tidak lagi dikeluarkan sejak tahun 2006. Polisi ini dasar ini diteruskan sehingga hari ini. Semua lesen untuk rumah urut yang sekarang ada adalah dikeluarkan pada zaman Barisan Nasional. Walau bagaimanapun kelulusan dan kawalan bagi sebuah rumah urut adalah berdasarkan undang-undang kecil pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan 2007 yang terdapat di semua pihak berkuasa tempatan. Kelulusan juga akan diberikan kepada sesebuah premis setelah ulasan diterima dari agensi-agensi luar seperti Jabatan Bomba, Polis Di Raja Malaysia serta Jabatan Kesihatan Malaysia. Tuan Speaker, sebanyak lima ratus tujuh puluh satu buah rumah urut atau Spa telah mendapat lesen dan sebanyak tujuh ratus tujuh puluh lima buah pusat hiburan telah mendapat lesen daripada PBT. Berikut adalah pecahan mengikut setiap PBT di Negeri Selangor. Untuk MBSA rumah urut atau spa ada 32, Pusat Hiburan 39. MPPJ 77 rumah urut atau spa, 218 pusat hiburan. MPK, Klang ya, ada 83 lesen rumah urut atau SPA, 89 pusat hiburan. MPAJ, 54 rumah urut, 96 pusat hiburan. MPSJ, Subang Jaya , 69 rumah urut, 154 pusat hiburan. MPS, Selayang...80 rumah urut atau SPA, 61 pusat hiburan. MPKJ, iaitu Kajang, 118 rumah urut, 35 pusat hiburan. MDKL, Kuala Langat 13 rumah urut atau spa, 23 pusat hiburan. MDKS Kuala Selangor, 8 rumah urut atau Spa, 13 pusat hiburan. MDHS iaitu Hulu Selangor 12 rumah urut atau Spa, 11 pusat hiburan. MDSB iaitu Sabak Bernam 11 rumah urut atau spa, 21 pusat hiburan. Ini bermakna jumlah rumah urut atau spa di negeri Selangor adalah 571 dan pusat hiburan jumlahnya 775. Walau bagaimanapun pihak PBT negeri Selangor tidak mempunyai rekod premis yang tidak sah kerana pemantauan sentiasa dijalankan bagi memastikan

tiada premis yang tidak sah menjalankan operasi secara haram. Selain itu pemantauan juga turut dilaksanakan agar premis sedia ada mematuhi segala syarat dan undang-undang yang telah ditetapkan. Memang banyak yang melanggar undang-undang atau pun peraturan telah....lesennya telah dibatalkan. Tuan Speaker, bagi memantau aktiviti dan operasi rumah urut, spa, dan juga pusat hiburan semua ahli-ahli EXCO dan ADUN sentiasa bersediaTuan Speaker, semua ahli-ahli EXCO dan ADUN sentiasa bersedia untuk menyertai operasi penguatkuasaan bersama agensi penguatkuasa kerajaan ke atas rumah-rumah urut dan pusat hiburan yang terdapat di sekitar negeri Selangor. Ini kerana operasi penguatkuasaan secara bersepadu merupakan salah satu kaedah terbaik di dalam menangani masalah yang melibatkan rumah urut serta pusat hiburan haram. Operasi bersepadu maksudnya kita akan melibatkan agensi luar seperti polis dan imigresen dan sebagainya. Semua lesen yang sekarang ada itu adalah dikeluarkan termasuk lesen rumah urut adalah lesen untuk pusat kesihatan ataupun kecantikan. Tuan Speaker, saya ingin memberitahu Dewan Yang Mulia ini di Johor Baharu sahaja ada rumah urut lebih daripada tujuh puluh. Maksud saya semua negeri BN masih terus mengeluarkan lesen rumah urut tanpa masalah. Tumpuan media di situ pun tidak ada. KL, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan sebagainya. Ini adalah kerana mereka tidak menganggap rumah urut sebagai satu tempat aktiviti maksiat. Dan ...untuk pelancongan juga. Jadi kalau pergi ke Kuala Lumpur *you* boleh nampak di lorong di sepanjang jalan ke Bukit Bintang ada rumah urut dan sebagainya. Jadi saya minta kawan-kawan di sebelah situ janganlah sekali-kali gunakan isu rumah urut lagi. Kalau berani buatlah cadangan untuk tutup semua rumah urut di seluruh Malaysia. Janganlah selalu salahkan negeri Selangor sahaja. Terima kasih.

YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Sabak....

YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL: Saya telah mendapat penjelasan daripada Pandamaran yang mana kerajaan negeri Selangor telah tidak mengeluarkan lesen rumah urut sejak tahun 2006 tetapi saya lihat di Sg. Besar dan juga di Pekan Sabak rumah-rumah urut telah dibuka selepas tahun 2008 yang mana sebelum ini rumah urut tidak pernah ada di Sg. Besar dan juga di Sabak Bernam. Jadi oleh itu saya lihat dari segi pengeluaran lesen yang mana telah dibekukan daripada tahun 2006 kenapa 2008 lesen dikeluarkan. Dan saya lihat sejak kerajaan Pakatan Rakyat memerintah kenapa ramai sangat orang di negeri Selangor ni yang sakit. Dan akhirnya apabila banyak rumah-rumah urut dibuka saya lihat bukan sahaja masyarakat Cina dan juga masyarakat Melayu yang jumpa kepada saya mengadu yang mana ada berlaku penceraihan daripada kalangan orang-orang Melayu dan juga daripada kalangan Masyarakat Cina yang tidak berpuas hati dengan adanya rumah-rumah urut ini oleh kerana dia datang ke pejabat Dato kalau boleh ini rumah urut di kawasan kita kena tutup. Saya punya suami kalau malam sekarang sudah jarang duduk rumah. Jadi saya harap agar kerajaan negeri Selangor menepati sepertimana yang telah dimaktubkan agar lesen-lesen rumah urut ni tidak dikeluarkan. Terima kasih.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, tadi saya sudah jelaskan semua lesen rumah urut yang sedia ada itu dikeluarkan zaman Barisan Nasional. Tadi saya pun sudah berbuat cabaran adakah kalaulah kawan-kawan di sebelah itu

memanglah dalam hatinya tanya seratus kali pun rasa rumah urut ini harus diharamkan buatlah cadangan untuk seluruh Malaysia, boleh. Jadi apa yang dikatakan Sabak ke, mana ke masih ada rumah urut yang haram itu, itu isu penguatkuasaan. Saya minta semua PBT sentiasa menjalankan tugas buat serbuan, buat operasi bersepadu. Ini adalah jawapan, ini isu penguatkuasaan. Ada...ada yang...memang ada benar ada orang yang dapat lesen yang ada....tetapi buat aktiviti yang lain pula. ...memang ada...sebab itu kita buat serbuan, operasi dan batalkan lesen mereka. Itulah cara kita. Terima kasih.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya, Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Kebelakangan ini banyak permohonan bajet hotel. Adakah kajian sama ada bajet hotel yang ada ini dijadikan tempat maksiat, pelacuran dan urut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ini luar sedikit tetapi bergantung kepada Speaker, boleh jawab.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Untuk hotel bajet kita jangan menganggap semua bajet hotel adalah tempat maksiat. Kalau katakan aktiviti maksiat, kita perlu mengaku hotel 5 bintang pun boleh adakan aktiviti maksiat. Mana-mana tempat pun boleh adakan aktiviti maksiat. Ini juga adalah isu penguatkuasaan, sebab itu kita minta semua PBT sentiasa menjalankan tugas mereka buat serbuan dan sebagainya. Kita tidak boleh anggap semua bajet hotel sebagai tempat maksiat sebab memang ada keperluan untuk pelancongan dan juga bukan semua golongan di masyarakat ini adalah orang kaya yang boleh pergi hotel atau bukan semua tempat ataupun kota kecil, bandar kecil itu boleh *survey* dengan ada hotel yang besar-besar itu. Jadi hotel bajet itu sebenarnya satu keperluan. Terima kasih.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: CADANGAN TAPAK PERKUBURAN BERSEPADU DI DAERAH SEPANG

23. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapa dua bidang tanah di Daerah Sepang dicadangkan oleh kerajaan negeri untuk tapak perkuburan bersepadu?
- b) Kenapa Daerah Sepang dipilih sebagai tapak perkuburan bersepadu untuk penduduk Selangor Selatan dan Wilayah Persekutuan ?

c) Apakah perkembangan semasa cadangan tapak perkuburan ini?

YAB DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahhir Rahmannir Rahim.* Dato' Speaker, Sungai Pelek bertanya tentang cadangan tapak perkuburan bersepadu di Daerah Sepang. Untuk menguatkan soalan Sungai Pelek pagi ini, Sungai Pelek telah mengetuai beberapa rakan untuk mengemukakan memorandum tentang satu memorandum tentang protes tentang menyediakan tapak perkuburan bersepadu terkena di kawasan Sepang. Kedua *this is* suatu yang aneh juga permohonan tapak kubur cina yang tidak cukup. Satu ialah minta melarang bersepadu, kedua minta perkuburan yang tidak cukup, jadi itu macam mana kita nak kita selesaikan. Satu ialah, jadi Yang Berhormat Dato' Speaker salah satu usaha yang kita lakukan, kerajaan ingin lakukan ialah menyelesaikan masalah ini sebelum dua perkara ini berlaku sejak begitu lama, sebelum 2008 lagi terdapat jangkaan yang menyatakan jumlah tanah untuk perkuburan tidak cukup dan dia memang tidak cukup untuk beberapa daerah. Jadi oleh sebab itu untuk menyelesaikan perkara ini kita telah meminta Perancang Bandar untuk membuat kajian. Kajian dibuat secara terperinci, kajian itu melihat berapa ramai jangkaan penduduk di semua daerah di Selangor, kemudian jangkaan penggunaan perkuburan mengikut agama dan budaya semuanya itu telah dilakukan dan menjangkakan bagaimana kita menyediakan tapak perkuburan untuk hingga 2060. Jadi kalau kita dah buat pada tahun 2000 sudah tentu perkara ini tidak dibincangkan dalam Dewan ini. Tetapi saya minta supaya kita sediakan perancangan sehingga 2060. Dari kajian-kajian tersebut kita tahu apa permintaan untuk perkuburan dan kedua kita kena juga membuat kajian tentang berapa jumlah tanah yang boleh kita kenal pasti untuk menyelesaikan masalah ini. Itu yang telah kita lakukan, sudah tentulah dalam perancangan ini terdapat tempat-tempat yang dulunya dan kawasan-kawasan itu yang dulunya sepatutnya ada peruntukan perkuburan tidak dibuat.

Umpamanya di Subang Jaya, ada juga di Petaling ke semua ini sepatutnya dalam perancangan yang dibuat dia mesti ada kawasan-kawasan perkuburan yang dikhaskan supaya menampung kehendak masyarakat *local* atau pun di kawasan tersebut tetapi tidak dilakukan. Jadi oleh itu kita tidak hendak menyalahkan sesiapa tetapi kita buat perancangan untuk masa depan. Dan perancangan itu juga mengambil kira tanah-tanah yang kita boleh ambil untuk kawasan perkuburan. Jawapannya adakah umpamanya kita tidak boleh mengambil tanah yang sudah kita dibina *supermarket* atau pun sudah dibina masjid, surau dan seterusnya untuk dijadikan tanah perkuburan. Jawapannya itu tidak munasabah. Kedua kita juga nak mencari apakah lagi tanah-tanah yang boleh kita lihat sudah tentu kita juga tak nak mengambil tanah-tanah hutan. Maknanya *forest reserve* untuk dijadikan tanah perkuburan jadi itu pun tidak boleh gunakan, jadi jawapannya kita melihat beberapa banyak lagi tanah-tanah yang boleh dalam perancangan pembangunan. Jawapannya kebanyakan daripada tanah-tanah yang masih boleh dibangunkan adalah tanah-tanah dalam bentuk milikan pihak swasta yang akhirnya kita boleh simpulkan ialah tanah-tanah yang dimiliki oleh syarikat-syarikat ladang. Jadi maknanya syarikat-syarikat ladang ini mempunyai tanah-tanah yang melebihi 500 ribu ekar dan seterusnya.

Jadi apabila mereka membuat perancangan pembangunan, Perancang Bandar sudah menetapkan peruntukan bagi jumlah tanah perkuburan yang perlu dimasukkan dalam kelulusan perancangan tersebut. Jadi itu dia punya latar belakang usaha itu. Dan dokumen itu sangat tebal kita telah beberapa kali mengedarkan supaya dapat difahami dan juga diketahui oleh semua pihak dan untuk menyelesaikan masalah, ada daerah yang tidak cukup tanah untuk perkuburan untuk menyelesaikan masalah, ada daerah seperti Petaling, ada daerah seperti kawasan-kawasan di Subang Jaya yang sudah penuh dengan pembangunan. Jadi jawapan kita ialah mengapa tidak kita adakan yang dipanggil pusat perkuburan, tapak perkuburan bersepadu maknanya tiga daerah berkongsi kawasan yang untuk dikatakan kawasan perkuburan. Konsep ini sudah diterima sebelum 2008, konsep ini terdapat kawasan-kawasan di persekitaran Kajang apa semua sudah ada konsep dan konsep ini juga telah dijadikan juga konsep apa yang dipanggil pusat, kawasan perkuburan swasta yang juga telah menampung kehendak-kehendak berbagai daerah. Jadi bukan konsep ini tidak diterima, konsep ini pun sudah dilaksanakan di Kuala Lumpur sendiri telah membeli tanah di kawasan di Semenyih atau pun di Kajang, kawasan Hulu Langat untuk dijadikan tempat perkuburan bersepadu. Jadi ada juga yang mula digunakan. Jadi jawapan saya perkara penempatan tapak perkuburan yang bersepadu di Daerah Sepang ini ialah hasil daripada kajian. Ini yang dinyatakan oleh Perancang Bandar, dia bukan berbincang cara politik, ini pegawai kerajaan yang profesional yang membuat kajian, apa kata dia. Sebagai langkah awal dia kata, dua tapak perkuburan dicadangkan di Daerah Sepang, iaitu di Mukim Labu dan Mukim Sepang dengan keluasan sejumlah 202 hektar 500 ekar telah dikenal pasti berpotensi dan dibangunkan sebagai tapak perkuburan Wilayah bersepadu bagi kawasan zon selatan di negeri Selangor itu.

Terdapat tapak-tapak lain juga dikenal pasti di kawasan Hulu Selangor dan Sungai Buloh bagi zon negeri Selangor. Jadi maknanya dia telah kenal pasti kerana dia tahu tapak-tapak itu boleh kita ambil alih sebab pemilikannya itu ialah secara menyeluruh. Apa sebab? Daerah Sepang sebagai salah satu kawasan untuk perkuburan wilayah bersepadu untuk menampung Zon Selatan iaitu Sepang, PBT-PBT berjiran, Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Kuala Langat. Ianya tidak dirancang untuk menampung keperluan kawasan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur seperti yang diandaikan oleh Sungai Pelek.

Kawasan di Sepang itu dipilih berdasarkan kewujudan tanah ladang yang luas, berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa dan tertakluk kepada kawalan pembangunan dari segi pembangunan yang dibenarkan di tapak-tapak ini. Dengan kawalan pembangunan tersebut tapak-tapak ini tidak sesuai untuk sebarang pembangunan berinsentif tinggi seperti pembangunan perumahan dan komersial yang akan melibatkan penduduk dan pembangunan berstruktur tinggi. Jadi kawasan-kawasan itu di *bypass* apa semua itu telah diambil kira dengan demikian tapak-tapak ini adalah sesuai digunakan sebagai tapak perkuburan. Tapak-tapak tersebut didapati sesuai berdasarkan lokasi yang berjiran hampir dengan kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Daerah Kuala Langat serta mudah dihubungi melalui jaringan dan jalan raya yang baik. Ia memungkinkan perkongsian antara PBT-PBT berjiran di peringkat wilayah bagi menampung sebahagian keperluan di Wilayah Selatan.

Jadi jawapannya kita berikan maknanya kita rancang kita ambil kira, ini bukan cara tengok Sepang, atau pun lihat muka Sungai Pelek. Jadi kita letakkan kubur di sana, bukan, ini bukan cara yang dilakukan. Jadi kita buat dengan cara kajian dan saudara boleh tengok kajian ini ialah dibuat oleh profesional iaitu sekurang-kurangnya orang yang membuat ini mempunyai ijazah *town dan country planning*. Jadi bukan satu orang dan dibuat oleh penjawat awam, bukan dari ahli politik yang rasa oleh kerana Sepang tidak di bawah Pakatan Rakyat, Sepanglah yang kena. Tak ada itu tidak ada tujuan. Tidak ada tujuan kalau saudara terfikir dalam itu saudara memalukan penjawat awam jadi saudara jangan fikir macam itu jangan buat kenyataan sebegini kerana sebagai memalukan kita walaupun saya rasa status ahli politik mesti lebih tinggi daripada itu jadi jangan kita gunakannya. Jadi saudara mesti, saya sendiri menyatakan saya tidak nak campur dalam perancangan *team* ini supaya dia dibuat dengan betul, dia ada alasan, dia ada map, dia ada apa semuanya dilakukan apa bukan satu perkara yang dilakukan mengambil kira ada lobi dari mana-mana, tidak ada. Dia dibuat dengan cara sebegini, jadi dan tidak pula saya dan juga Teresa Kok kerana takutkan orang-orang dari Bandar Tun Razak tidak cukup kubur, jadi oleh sebab itu saya gunakan tidak ada. Tidak ada tujuan langsung, saya tidak ada jadi berhati-hati dengan perkataan, jadi jangan surat khabar pula tulis menyokong saudara, jadi tidak payah.

Jadi taklimat perkuburan kita telah buat, kita telah buat taklimat, jadi sebab itu saudara telah dengar taklimat boleh protes, saya pun boleh protes, kubur tidak cukup, saya nak kubur. Jadi kubur tidak cukup tapi saya nak kubur. Jadi macam mana kita nak selesaikan masalah ini.

TUAN SPEAKER: Tenang

YAB DATO' MENTERI BESAR: Jadi kubur tak cukup tapi saya nak kubur jadi macam mana kita hendak selesaikan masalah ini. Jadi sebagai proses maklumat kita telah beri apa itu taklimat tapak perkuburan kepada ADN-ADN, Ahli Parlimen, Pihak Kuasa Tempatan dan 16 Ogos 2011 kita makan masa yang lama. Kita juga satu masalah yang mesti kita terima walaupun kita perlukan kubur tetapi kita tak nak kubur yang berhampiran dengan kita itu sahaja. Jadi macam mana kita hendak selesaikan satu masalah kubur diperlukan tapi tak nak dengan kubur itu macam mana. Jadi kita pula cadangkan *bah fe* maknanya dah buat kubur tu kita mesti *bah fe* berapa *bah fe* supaya kubur itu indah tapi juga ada orang mengatakan *not issue* pasal kubur dia cakap ada di setengah negara orang duduk di kubur jadi itu orang juga mengatakan saya rasa saya tidak boleh terima konsep itu kalau rakyat nak terima konsep itu boleh tak jadi masalah besar. Kedua dia ada di panggil kubur bertingkat dia juga ada kubur bertingkat tapi kita kata *let start* buat kubur mengikut tanah-tanah yang ada selepas pada itu barulah kalau ada pun kita akan buat beberapa usaha supaya apa yang menambah gunakan kubur kawasan perkuburan yang ada. Jadi saya terima soalan ini dan saya juga menerima jawapan kita akan adakan pendengaran awam untuk menerangkan kepada rakyat. Saya boleh jadi wakil-wakil kita akan turun ke Sepang sama Pegawai Daerah dengan Yang Dipertua Perbandaran untuk menerangkan perkara ini dan juga pihak apa yang dipanggil dari Perancang Bandar untuk menunjukkan dan saudara mesti tahu saya hendak beritahu sekarang kalau dalam perancangan pembangunan di Sepang saudara kata tidak cukup pembangunan di

Sepang kerajaan negeri bersama dengan kerajaan persekutuan menerima konsep pembangunan yang sangat besar di kawasan tersebut yang dipanggil dulunya Sepang ataupun Kuala Lumpur City dan lepas itu takut pula nama Kuala Lumpur kita terima tukarkan nama di Sepang, besar..besar kawasan itu besar jadi kalau saudara mengatakan Sepang tidak ambil kira dalam itu tidak betul saya sendiri yang katakan teruskan usaha itu. Jadi saudara tidak boleh ambil sikit yang untung saudara suka yang rugi saudara tak hendak tak boleh dia mesti macam itu walaupun kita reti bisnes tapi jangan nak menang sahaja tidak bagi pada yang lain. Jadi saudara mesti berfikir secara keseluruhan dan ini telah kita usahakan RM40 bilion projek *which has stopped* RM40 bilion projek kerana tapi jawapan kita tak ada itu bukan jawapan kita teruskan sebab Sepang memerlukan pembangunan selain daripada KLIA belum lagi pembangunan yang besar di kawasan tersebut. Jadi jawapan saya mintalah rakan-rakan yang menulis memorandum ini bekerjasama terimalah pembangunan perkuburan ini dengan hati yang terbuka tapi tengok betul-betul tak dijalankan dengan cara yang terbaik. Jadi saya harap Sg. Pelek dapat menerangkan kepada rakan-rakan yang saya ingat dah ini boleh jadi belajar daripada Pakatan Rakyat juga boleh menulis memorandum ini. Jadi oleh sebab itu saya tidak menjadi masalah untuk menerimanya.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Tuan Speaker Soalan 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMUTIHAN KILANG HARAM DI KOTA DAMANSARA

24. Kilang-kilang haram di Kota Damansara masih belum diputihkan sepenuhnya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyakkah kilang yang belum membayar premium untuk menukar tanah pertanian ke tanah industri?
- b) Apakah masalah yang menyebabkan pekilang lambat membayar premium?
- c) Apakah tindak lanjut yang akan diambil sekiranya premium masih tidak dibayar?

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker mengenai kilang keperluan di Adun Kota Damansara bagi Pekan Sg. Buloh sebanyak 61 permohonan tukar syarat diterima sebanyak 59 permohonan telah diluluskan dengan jumlah bayaran premium tambahan telah diterima oleh kerajaan negeri berjumlah RM9,1460.623.25. Bilangan kilang yang masih belum menjelaskan premium tambahan di Kota Damansara sebanyak 17 buah kilang dengan premium berjumlah RM15,7000.480.44. Bagi Pekan

Subang sebanyak 35 permohonan yang di terima daripada jumlah tersebut sebanyak 29 permohonan telah selesai. Permohonan tukar syarat dan pihak kuasa negeri telah menerima premium tambahan berjumlah RM7, 4800.099.25. Jumlah premium tambahan yang belum diterima adalah berjumlah RM1,2740,735 juta daripada 7 permohonan. Bagi Pekan Baru Subang sebanyak 10 permohonan tukar syarat diterima 8 permohonan telah selesai. Bayaran premium tambahan yang telah diterima ialah berjumlah RM1,4570,092.75. Jumlah premium yang belum diterima ialah berjumlah RM775,1960.00 daripada 2 permohonan. Isu utama yang menyebabkan pengusaha kilang lambat membuat bayaran premium iaitu:

1. Pemilik tanah menghadapi masalah kemampuan kewangan untuk menjelaskan bayaran premium tambahan tukar syarat tanah.
2. Pemilik tanah sukar untuk mendapatkan kemudahan peminjam untuk menjelaskan bayaran premium disebabkan gagal memenuhi syarat-syarat kelayakan industri kewangan.
3. Pemilik tanah telah menyewakan tanah tersebut kepada kilang dalam tempoh jangka masa yang panjang dan terikat dengan perjanjian telah dibuat.
4. Pekilang terlibat dalam industri kecil kerana pulangan balik adalah rendah dan masih belum bersedia mengeluarkan modal yang cukup bagi tujuan pemutihan.

Bagi pekilang yang gagal untuk membayar premium pentadbir tanah boleh mengeluarkan papan notis 7A iaitu meminta pemilik tanah untuk memberhentikan perlanggaran syarat selaras dengan kehendak Kanun Tanah Negara. Selain daripada itu Pihak Kuasa Tempatan juga boleh mengeluarkan kompaun kepada mereka yang beroperasi tanpa lesen. Sekian.

TUAN SPEAKER : Sekinchan

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker soalan 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PELABURAN

25. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- a) Sila kemukakan jumlah pelaburan yang diperolehi oleh negeri Selangor bagi setengah tahun 2012 secara perbandingan dengan tahun 2011 dan tahun kedua 2010, mengikut pecahan daerah ?
 - b) Bagaimanakah prestasi dan kedudukan negeri Selangor dalam memperolehi pelaburan bagi setengah tahun yang pertama 2011 secara perbandingan dengan negeri-negeri lain ?

- c) Sila nyatakan berapakah jumlah pelaburan yang diperolehi khususnya daripada negara-negara Arab sejak 2 tahun yang lepas ?

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Sekinchan tanya jumlah pelaburan yang diperolehi oleh negeri Selangor bagi tahun 2010 secara perbandingan dengan tahun 2011 dan tahun kedua 2010. YB Sekinchan mengikut perangkaan daripada MAIDA ukuran yang diperolehi oleh negeri Selangor bagi setengah tahun 2012 secara perbandingan dengan tahun 2011 dan 2010 adalah seperti berikut. Pada tahun 2010 jumlah projek yang kita adalah 325 dan juga jumlah pelaburan adalah RM10,641.8350.401 bilion mana kala pada tahun 2011 jumlah projek pelaburan adalah 263 dan nilai pelaburan adalah RM8,741,116,759. Pada tahun ini dari Januari hingga April jumlah projek yang kita peroleh adalah 90 projek dan nilai pelaburan adalah RM4,548,575,460. Ini kesemua ini adalah sumber daripada MIDA. Daripada prestasi dan kedudukan negeri Selangor dalam memperolehi pelaburan bagi tengah tahun yang pertama 2012 secara perbandingan dengan negeri-negeri lain adalah amat memberangsangkan di mana Selangor kekal tempat kedua dengan nilai pelaburan berjumlah RM4,548,5370,460 daripada 900 buah projek bilangan yang diluluskan. Jadi untuk maklumat Yang Berhormat yang jumlah nilai pelaburan yang tertinggi sampai bulan April adalah Sabah yang jumlah nilai pelaburannya ialah RM4,758,366.354 tapi perbezanya dengan negeri Selangor hanya sedikit sahaja. Ok. Tentang soalan C yang ditanyakan oleh YB Sekinchan berkenaan jumlah pelaburan yang diperolehi daripada negara-negara Arab sejak tahun 2012, 2010 hingga April 2012 ialah 7 projek dan jumlah projek nilai pelaburannya ialah RM72,7500,62. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat daripada tahun ini dari Januari dan April terdapatnya satu projek dari Syarikat Arabia yang produknya adalah *rock* produk yang diletak di Bandar Puncak Alam. Pada tahun 2011 satu projek di Puncak Alam dari negara Iran yang produknya adalah *so fasik* dan satu lagi di Sg Buloh juga dari negara Iran yang produknya adalah *i* dan satu lagi projek di Seri Kembangan dari juga negara Iran dan produknya adalah *Automotive Pagent Lane*. Pada tahun 2010 juga terdapat 3 projek dari negara-negara Arab yang satu projek di pusat Perindustrian Zura di Hulu Selangor yang negaranya adalah dari Iran dan produknya *Automotive Instrument Panel cluster*. Satu lagi projek di Taman Industri Sg. Buloh dan negara-negara yang adalah United Arab produknya adalah Pada tahun 2010 juga terdapat satu projek dari United Arab Madrid yang terletak di Seksyen 22 di Shah Alam yang produknya adalah Jadi kami rasa bangga di mana negara-negara syarikat dari negara-negara Arab ini mereka semakin banyak rombongan pada negara ini datang ke Selangor dan kami mengharap lebih syarikat menanam pelaburannya membuka kilangnya di Malaysia khususnya di Selangor pada hari-hari yang akan datang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih. Soalan tambahan Yang Berhormat Kinrara mengenai jawapan yang mengatakan pelabur-pelabur dari negara Arab ada yang datang ke negeri Selangor memandangkan negara-negara Arab ini ekonominya yang pesat membangun ini kerana minyak dan sebagainya apakah perancangan Kerajaan negeri Selangor untuk menarik lebih ramai pelabur dari Arab ini sama ada menubuhkan

special task fosce dan sebagainya kerana mereka ini adalah kekuatan ekonomi yang besar. Sekian dan terima kasih.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Terima kasih YB Sekinchan. Ini adalah soalan yang tepat masanya kerana Y.A.B Menteri Besar pada hari Sabtu akan pergi ke Iran untuk menandatangani MOU dengan beberapa syarikat daripada Iran, Oman dan juga Qatar. Jadi pada bulan yang lepas satu rombongan yang diketuai daripada pihak kerajaan Iran mereka juga datang mengunjungi ekspo dan juga Y.A.B. Menteri Besar dan mereka memang berminat untuk menggalakkan pelaburannya datang ke Selangor dan mereka juga berharap warga Malaysia syarikat Malaysia juga menanam pelaburan di negara Iran juga. Sekian.

TUAN SPEAKER : Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Dato' Speaker, soalan Bangi nombor 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : SKIM PEMILIKAN TANAH

26. Kerajaan negeri Selangor berusaha memberi pemilikan tanah kepada mereka yang layak dan memohon sejak berpuluh tahun lalu.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional kerajaan negeri memberi peluang pemilikan tanah bagi pemohon-pemohon berkeelayakan?
- b) Berapakah jumlah pemohon yang telah diluluskan pemilikan tanah mengikut daerah?
- c) Apakah keperluan dan syarat-syarat pemberi milikan ini?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Tuan Speaker, Bangi membangkitkan pertanyaan Skim Pemilikan Tanah. Apakah rasional kerajaan negeri memberi peluang pemilikan tanah bagi permohonan-permohonan yang berkeelayakan bukan sahaja rasionalnya tapi tanggungjawab kita sebenarnya dalam program merakyatkan ekonomi kita berpendapat rakyat Selangor adalah diberi kesempatan untuk memiliki, mendapat pemilikan tanah untuk rumah. Jadi kita dapati daripada kajian kita begitu ramai rakyat Selangor yang masih tinggal di kawasan-kawasan terutama di tanah dimiliki oleh kerajaan tetapi pemilikan bukan berada di tangan mereka. Mereka hanya diberikan ada kalanya pemilikan tol ataupun untuk menduduki sementara. Kedua ada juga yang tak ada langsung, tak ada surat-surat dari segi menyatakan mereka boleh duduk di sana jadi dan ada juga berlaku satu kampung yang dikatakan pemilikan tersebut berlaku tetapi 20% dan dapat pemilikan, 80% masih menunggu dan bukan pula 20% itu boleh ditentukan kawasannya tapi dalam keadaan yang tak begitu teratur, ada yang dapat

ada juga yang tak dapat. Ini menimbulkan satu keadaan yang tidak adil, tidak sama rata, kalau mereka yang boleh dapat kita berikan, kalau mereka yang tidak boleh dapat kita beritahu mereka, mereka tak boleh tinggal di situ kita cuba carikan tapak yang lain supaya mereka boleh tinggal. Jadi atas dasar itu kita mengadakan satu skim yang dipanggil Skim Pemilikan Tanah Perumahan yang mana kita telah mintak Pejabat Tanah pergi memutihkan semua kawasan tersebut tak kita siapa yang duduk kita tengok dan boleh jadi ada setengah dah isi borang permohonan dua tiga kali terutama sebelum pilihan raya tapi sekarang kita kata tak payah, kita buat secara menyeluruh jadi tak kira ada juga yang kita tahu tak duduk di sana kita tak bagi, yang duduk di sana berpuluh tahun kita bagi. Jadi program ini kita telah mula lakukan, saya telah buat lebih 7 ribu daripada mereka dah dapat dan beribu-ribu lagi akan kita selesaikan terutamanya akhirnya semua yang duduk di sana diberikan kesempatan memiliki tanah-tanah tersebut dan lepas tu kita juga akan membuat beberapa perancangan supaya jalan dan parit juga diperbetulkan. Timbul beberapa masalah, ada satu masalah adalah pembayaran premium, timbul masalah pembayaran premium dan kita dapati pembayaran premium kalau sudah tentulah kebanyakan daripada kawasan-kawasan itu biasanya berada di pinggir bandar, di pinggir bandar sudah tentulah harga premium tanah ataupun harga tanah sangat tinggi. Jadi mereka tidak boleh dapat membayar premium walaupun mereka sangat suka mendapat borang 5A diberikan peluang memiliki tanah. Jadi ada yang setengah umpamanya di Gombak kena membayar sehingga RM 40 ribu, di Petaling saya ingat dia kena bayar lebih kalau dia ada RM5 ribu luas tanah tersebut RM5 ribu lebih daripada RM100 ribu, kalau di Sabak Bernam boleh jadi ada RM10, RM11 ribu. Dalam keadaan itu kita telah mendapati kita tidak dapat melaksanakan program kita itu. Jadi oleh sebab itu kita telah berbincang dengan Pejabat PTD, Pengarah Tanah Galian, Setiausaha Kerajaan, Dato' LA dan bagaimana kita boleh dapat mencapai tujuan kita, tujuan kita baik untuk bagi tanah tapi orang tak boleh bayar. Jadi kita telah buat satu keputusan untuk mengubah *land rule*, *Selangor Land Rule*, apa tu Undang-undang Tanah Selangor, *Selangor Land Rule* yang menyatakan premium kena bayar, premium tak boleh tak bayar sebab itu tak boleh diubah tapi kita katakan untuk mereka yang dapat tanah ini kita hanya terima RM 1 ribu supaya mereka dapat pemilikan tanah tersebut. Ini satu pembaharuan yang tidak pernah dibuat oleh negeri. Saya ingat tak ada, tak pernah dibuat di negeri tapi kita buat pembaharuan itu sebab saya rasa kalau kita nak laksanakan pembaharuan ini kita lakukan, kita tidak boleh sekat itu jadi alhamdulillah penerimaan Ketua-ketua Kampung, rakyat sangat rasa berterima kasih tentang perkara ini dan kita teruskan usaha ini sebab saya rasa dengan usaha ini kita dapat melaksanakan dasar merakyatkan ekonomi dan mereka akan dapat membangunkan tempat kediaman dalam keadaan yang lebih baik. Jadi keperluan, oh keperluannya ialah dia duduk di situ, kalau dia tak duduk kat situ kita tak bagi, jadi kalau ada setengah itu kalau kita tak bagi tanah tu kosong, tanah tu kosong kita tak bagi sebab bukan kerana Kerajaan Negeri nak kan tanah tersebut, kerajaan negeri mahukan kita kumpul tanah tersebut, kalau betul-betul ada masyarakat, individu, keluarga yang tak ada tanah, oleh kerana dalam keadaan yang mereka terdesak itu kita bagi dia. Kedua, kita juga terpaksa memindahkan ramai mereka-mereka yang duduk di atas rizab sungai. Rizab sungai sebenarnya tidak boleh diduduki sebab banjir dan seterusnya tapi kita tidak boleh suruh mereka pindah sebab mereka tidak ada tempat untuk pindah. Oleh sebab itu kita buat satu rancangan,

selesai sahaja pemutihan, kita tengok mana-mana tanah yang lebih kita pindahkan mereka. Ada juga mereka-mereka yang dibenarkan untuk duduk di atas rizab jalan, jadi boleh kata jalan tak pernah ada lagi, duduk lah mereka. Jadi rizab jalan juga kita tidak benarkan sebab supaya apabila pembangunan berlaku dan jalan itu dapat dibuat. Kesemua ini saya rasa keperluan ini tertakluk kepada Seksyen 43 Kanun Tanah Negara tapi tak apa lah semua orang yang dapat borang 5A adalah berhak untuk mendapat apa tu geran tanah mereka.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker. Bangi sebenarnya mengucapkan terima kasih lah kepada kerajaan negeri kerana telah meluluskan pemilikan tanah seperti di Kampung Bahagia, Taman Desa Seroja yang lebih kurang 100 orang mendapat milik dan barang kali akan datang lagi di Teras Jernang dan Kampung Bangi. Cuma masalah yang kita risaukan kemungkinan ada beberapa masalah yang akan timbul, yang ada duit mungkin boleh lah bina rumah terus tetapi syarat pindah satu tahun itu kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai kewangan untuk membina rumah di atas tapak yang baru. Tidak ada kemungkinan ke kerana takut tanah ini akan terbiar jadi kalau dia buat tak teratur jadi kawasan selam, kita pergi lebih lanjut dari segi membantu masyarakat yang berpendapatan rendah selain daripada kita menyediakan infrastruktur barangkali boleh disediakan Skim Rumah Mampu Milik atau rumah murah tak mesti rumah yang naik ke atas rumah yang mampu milik, rumah yang berertinya bersendirian juga boleh buat secara asas sahaja supaya teratur dan mereka ini dapat duduk tidak hanya terima sahaja kemudian terbiar dan jadi kawasan ketinggalan atau dia jual terus tak sampai kita nak bantu dia. Tidak boleh ke Bahagian Perumahan umpamanya fikirkan untuk bantu lebih lanjut supaya lebih gembira lah bukan sahaja rakyat tapi Wakil Rakyat juga rasa gembira. Sekian, terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Dato' Speaker. Soalan Bangi memberangsangkan tetapi kita juga mesti fikir kemampuan kita tapi saya telah mengadakan beberapa perbincangan dengan rakan-rakan yang pernah membuat perancangan rumah mampu dibuat bukan di Malaysia tetapi dibuat di beberapa kawasan di Egypt dan beberapa kawasan yang di Latin Amerika, saya tanya mereka bagaimana mereka dapat menyelesaikan masalah tersebut walaupun saya tengok dia pun dalam keadaan yang tak berapa juga baik sebab saya pernah tengok gambaran diberikan di Brazil, di Sao Paolo apa tu tempat setinggan biasanya di negara-negara yang maju, tempat yang di lereng bukit tu adalah tempat-tempat rumah yang harga tinggi tapi di Sao Paolo dan Rio rumah-rumahnya rumah yang dalam keadaan tersebut rumah yang dipanggil rumah setinggan di Izmir, di Turki dalam keadaan tersebut tetapi apabila saya berbincang dengan beberapa rakan dia telah tunjukkan kita boleh buat rumah apa yang dipanggil *double storey terrace* yang sangat harganya sesuai tetapi dapat mengambil kira keperluan mereka. Jadi perkara itu masih dari beberapa cadangan yang mereka nak buat dan saya juga telah buat, saya pernah buat satu projek kos rendah 2 tingkat di Kapar Indah, saya pernah buat di Kapar Indah dan sekarang masalah itu bila kita dah buat itu saya juga dengan harga RM 30 ribu, RM 40

ribu tak sampai 2 tahun harga dah meningkat hampir RM 100 ribu. Pemilik tu pula orangnya berubah, jadi itu yang kita timbul beberapa masalah tapi itu tidak perlu kita ambil sebab tujuan kita ialah menyediakan rumah yang sesuai untuk mereka. Ini kita akan bincangkan bagaimana pembiayaan itu boleh dilakukan, jadi kalau pembiayaan itu boleh dilakukan jadi kita buat satu program pembinaan yang baru untuk mereka dan dekat dengan kawasan itu boleh dibangunkan dengan lebih teratur dan nilai tanah yang mereka ada tersebut boleh digunakan untuk sebagai apa yang dipanggil *leverage* untuk mendapatkan pertolongan kewangan bagi membiayai projek tersebut.

YB PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya kepada YAB Menteri Besar tentang apakah status terkini yang di bawah Geran Selangorku yang ada satu RM20 juta untuk program pejabat dari rakyat maksudnya sistem maklumat pengurusan tanah itu yang boleh memudahkan proses-proses pengurusan tanah.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun dia tidak terus termasuk dalam program pemilikan tanah tapi kita sekarang sudah *scan* lebih daripada 3 juta rekod-rekod yang sekarang dalam *stage we call verification stage* itu supaya semua fail-fail ini akan kita simpan. Untuk pengetahuan kita telah bercadang untuk menggunakan kawasan-kawasan yang ada di stadium, stadium kita di .. buat, Stadium Shah Alam, ada kawasan-kawasan dalam bilik-bilik ada dalam stadium itu kosong dan kita betulkan balik dan kita akan simpan fail-fail yang mana kita sudah ada apa yang dipanggil *establish care*. Jadi sekarang semua maklumat yang dalam *is call* sebagai maklumat *lama record* itu kita dah masuk dalam sistem kita, jadi pegawai-pegawai kita tak perlu pergi mencari fail tapi dia boleh *access* dalam sistem tersebut. Jadi kalau itu sudah dilaksanakan saya sudah ada dua perjumpaan jadi satu akan berlaku tak ada peluang untuk fail hilang, kedua tak dan kita ada kurangkan tempat untuk menyimpan fail di pejabat, jadi ketiga, kita boleh bawa fail itu berjalan maknanya sekurang-kurangnya kita bila ada apa tu, komputer kita, apa tu *l-pad*, kita boleh bawa itu dan rekod tanah itu berada dengan kita. Itu satu pembaharuan, saya rasa dalam tanah saya..... Pakatan Rakyat menyatakan bahawa salah satu tugas kita untuk menentukan pentadbiran yang cekap ialah menyelesaikan masalah maklumat-maklumat mengenai pemilikan tanah yang kita katakan menghantui apa tu.. pentadbiran yang cekap, jadi oleh sebab itulah program yang kita lakukan dan 20 juta belum digunakan dan hanya 5 juta sahaja yang digunakan tapi saya rasa kalau ini berlaku dan duit itu akan kita gunakan untuk di semua Pejabat Daerah supaya semua Pejabat Daerah sendiri akan tidak mengalami masalah fail saya tak nak menggunakan perkataan bertaburan tetapi yang tersusun banyak di dalam pejabat-pejabat mereka yang boleh kita dapat selesaikan.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Tuan Speaker, soalan No. 27.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : KOMPLEKS BELIA DAN KEBUDAYAAN NEGERI SELANGOR

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Keadaan Kompleks Belia dan Kebudayaan ini semakin hari semakin tidak terurus, siapakah yang bertanggungjawab menguruskan kompleks ini?
- b) Siapakah yang memantau tentang penyelenggaraan kompleks ini dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil kepada kontraktor yang dilantik menjaga kebersihan di kompleks ini?

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Speaker, Sri Muda bertanya berkaitan dengan pengurusan Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor, keadaannya, pengurusan terkini dan juga pemantauan. Untuk makluman bahawa Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor kini diuruskan oleh Majlis Sukan Negeri Selangor Holding Sdn. Bhd. iaitu syarikat milik penuh Perbadanan Menteri Besar (MBI) bermula sejak Januari 2012. Dalam tempoh tiga (3) bulan pertama pengambilan pengurusan Kompleks Kebudayaan, Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor ini syarikat masih mengenal pasti corak dan sistem pengurusan yang dijalankan di kompleks ini selama ini terutamanya dari segi keadaan fizikal kompleks tersebut dan juga kos operasi kompleks sebagai usaha Majlis Sukan Negeri Selangor Holding untuk menjadikan kompleks mampu menjana pendapatan sejajar dengan matlamat kerajaan negeri agar kompleks boleh *sustain*. Berhubung dengan dakwaan keadaan kompleks semakin tidak terurus, saya kira agak kurang tepat kerana sehingga kini kita melihat bahawa pengunjung ataupun penyewa di kompleks ini semakin bertambah dan kita juga melihat bahawa respons yang agak *positif* daripada penyewa dan juga pelanggan-pelanggan yang kita lihat kebanyakannya berpuas hati dalam keadaan semasa kompleks tersebut. Dan kita lihat bahawa peningkatan jumlah pendapatan berikutan dengan peningkatan jumlah *event* yang berlangsung Dewan Raja Muda Musa ini iaitu kalau kita nak bandingkan pada tahun 2011 daripada Januari sehingga Jun, sejumlah RM319,845.00 kalau berbanding pada tahun ini pada bulan Januari sehingga Jun sejumlah RM439,648.70 iaitu peningkatan sejumlah 37.45 peratus. Dan Syarikat Majlis Sukan Negeri Selangor Holding ini selaku Pengurus Kompleks adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pemantauan bagi kerja-kerja penyelenggaraan di kompleks ini. Pihak MSN Holding telah pun mengambil tindakan menyemak semula kontrak-kontrak di kompleks ini dan telah pun mengeluarkan notis penamatan bagi kontraktor yang berkenaan berkuat kuasa pada bulan April 2012. Justeru itu MSN Holding adalah amat peka dan juga sensitif terhadap sebarang *feedback* terutamanya daripada pelanggan kompleks kerana menjadi matlamat kami di Majlis Sukan Negeri Selangor Holding untuk memastikan pelanggan kompleks sentiasa berpuas hati dengan kemudahan perkhidmatan yang telah disediakan.

TUAN SPEAKER: Jeram, Jeram.

YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO: Tuan Speaker, soalan No. 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK: PRESTASI UNISEL

28. Prestasi Universiti Selangor (UNISEL) dilihat merudum akibat pelbagai masalah dalaman.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah kemasukan pelajar dan pelajar yang berjaya menamatkan kursus dari tahun 2008 hingga sekarang mengikut jenis kursus dan peringkat?
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan UNISEL dari tahun 2008 hingga sekarang?
- c) Apakah kejayaan UNISEL dan pelajarnya yang boleh dibanggakan?

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Speaker dan Yang Berhormat Jeram. Untuk pengetahuan Jeram pelajar berdaftar dan pelajar yang ber *graduate* ataupun menamatkan kursus dari tahun 2008 di UNISEL mengikut peringkatnya untuk jenis kursus terlalu banyak ye, Jeram nanti kita bagi apa, secara bertulis.

2008 - pelajar berdaftar 12,501, pelajar yang tamat atau graduan 2,088, Peringkat Asas - 379, Diploma - 473, Ijazah - 946, Peringkat Master - 36.

2009 - pelajar berdaftar seramai 11,955, pelajar ber *graduate* – 2350, Peringkat Asas - 41, Peringkat Diploma - 723, Peringkat Ijazah - 1412, Peringkat Master - 82, Peringkat Ph.D - 3.

2010 - pelajar berdaftar 9784, yang graduan – 3231, Peringkat Asas - 178, Peringkat Diploma - 812, Peringkat Ijazah - 1134, Peringkat Master - 128.

2011 - pelajar berdaftar - 10,035, pelajar *graduate* - 4106 maknanya meningkat, Peringkat Asas - 152, Peringkat Diploma - 2105, juga lebih 1200 telah meningkat 2011, Peringkat Ijazah - 1756, juga meningkat, Peringkat Master - 81, Peringkat Ph.D - 9.

2012 - setakat ini pelajar adalah seramai 13,528 sehingga Jun 2012 dan dijangka bergraduasi 2784. Saya nak tunjuk graf ini kalau ada kamera ada nampak sikit, ini juga menjawab, ini sekarang ini berlaku, Tuan Speaker orang nak hantar memorandum kepada saya di sana mengenai UNISEL, jadi saya nak bagi apa, graf ini supaya nampak sikit. Mula lagi daripada 2004 ini di bawah ini. Kemudian pada 2008, kita ambil daripada 2008 ialah dia sampai 10,703, kemudian ada *fitted* sedikit kemudian ada *plato* tetapi sekarang ini, sekarang ini kata Permatang kata, UNISEL adalah universiti terakhir pilihan pelajar. Sekarang ini dia telah mencatatkan terbaik sejak penubuhan UNISEL iaitu 13,528.

Kedua, perbelanjaan mengurus dan pembangunan. 2008 pengurusan ini adalah daripada laporan yang telah diaudit.

2008 - untuk pengurusan UNISEL RM72,107,540.00, pembangunan RM6.6 juta.

2009 – pengurusan RM75,448,109.00, pembangunan RM10,047,000.00

2010 – RM83,347,438.00, pembangunan RM8,922,000.00.

2011 – RM86,247,359.00 dan pembangunan RM7.14 juta. Pengurusan ini tidak termasuk susut nilai ataupun *bond* yang bernilai RM150 juta tidak termasuk *interest* yang telah diwarisi daripada kerajaan UMNO Barisan Nasional sebelum ini yang telah diambil alih oleh kerajaan negeri. Sekiranya kos penyelenggaraan dan di OT asrama boleh dinilai semula, kos pengurusan dianggar boleh diturun lebih kurang 10 persen lagi.

Kejayaan UNISEL, saya mengharapkan, saya difahamkan oleh Ketua Keselamatan SUK ada kumpulan untuk menghantarkan memorandum yang bersama YB-YB daripada BN sekarang ini, oleh kerana saya nak jawab soalan ini, saya harap ini pihak-pihak wakil rakyat daripada BN boleh bagi tahu apakah sebenarnya kejayaan, ini soalan ketiga kejayaan UNISEL dan pelajarnya yang boleh dibanggakan. Ini persoalan daripada Jeram. Jadi saya nak sebut kat ini, ada beberapa kategori. Pertamanya mungkin daripada segi pengiktirafan. Pengiktirafan bukan pada UNISEL kita perasan sendiri, syok sendiri tetapi daripada MQA. Sistem penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2009. Di manakah UNISEL. Sistem penarafan ini membahagikan kepada tier, enam (6) tier. Tier terbilang 6.0, tiada universiti di Malaysia yang ada dalam kategori ini. Tier kelima (5) adalah peringkat cemerlang, o.k. UNISEL di mana, tier keempat (4) sangat baik, maknanya tier keempat ini Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIZ) Lim Kok Wing, Universiti Industri Selangor pada masa itu namanya Universiti Industri Selangor sekarang sudah di jenama Universiti Selangor atau UNISEL. Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Terengganu, UPSI, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Teknikal Melaka, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Tunku Abdul Rahman, Universiti Tun Abdul Razak, Universiti Tun Husein Onn, UUM sama setaraf dengan UNISEL. Inilah pencapaian UNISEL tuan-tuan dan puan-puan.

Saya banyak bahan-bahan di sini, macam mahkamah pula, tapi oleh kerana kita nak menenteramkan jiwa pimpinan-pimpinan UMNO Barisan Nasional yang saya yakin dan percaya Putrajaya juga sedang berminat soalan ini. Jadi ini di antara keluar daripada METRO. UNISEL terbaik dunia, bukan kita ya, bukan Selangor Kini, UNISEL terbaik dunia untuk apa, Juara *Open Class Can Set Things* tempat ketiga kategori varsiti Pertandingan *Can Set* antara varsiti dunia, bukan Malaysia, dunia. UNISEL wakil Negara ke Madrid, ini juga daripada METRO. Berita Minggu, Berita Minggu ya... pencipta model *satellite minor* ini UNISEL juga, juara *Can Set* Kebangsaan dan dunia. Ini nasional dan internasional.

Yang kedua juga di mana pencapaian UNISEL ini, kita dikenali walaupun tidak diiktiraf oleh Kerajaan UMNO Barisan Nasional bahkan daripada Menteri Pengajian Tinggi yang mahu menyakat UNISEL tetapi tanya kepada Negara OIC yang di mana *adviser, saints adviser* kepada Negara-negara OIC namanya IS, *Islamic Academic of Sciences* mereka lebih kenal UNISEL daripada IPT-IPT yang dikendalikan oleh UMNO Barisan Nasional. UNISEL *Imperial College* London jalin ikatan, semua tahu apakah itu *Imperial College*, kerjasama itu daripada SINAR. Ini daripada Metro kerjasama *Imperial College* UNISEL. Begitu juga dengan apa, di mana ini juga daripada New Strait Times, New Sunday Time, *Strong Embassies on English* UNISEL. Ini juga di antara yang kita buat di antara IAB dan IAS UNISEL kita buat *Symposium International* di mana kita melibatkan saintis dunia, *Fellow IAS* ini adalah saintis dunia yang diiktirafkan oleh negara-negara OIC termasuk Malaysia.

79 pelajar Unisel ke Jepun di mana 25 universiti di Jepun yang terkenal juga adalah mempunyai *link* atau pun kita telah menghantar pelajar Unisel ke Jepun belajar di 25 buah Universiti terkemuka di Jepun. Pertukaran pelajar Unisel, Universiti Petra Jordan berminat. Ini lagi daripada New Sunday Times juga Jun 5 2011 ini mulai 2008 saya cerita Unisel selepas 2008. UNISEL *appearr supply change* dengan izin Tuan Speaker MBA *student UGHM* adalah UNISEL *graduate schooll of management are guided with latest technology skills method and knowledge in supplier change field*. Ini lagi bakal ajar warga asing. Ini terakhir. Yang terkini 3 pilih terima menerima biasiswa Tun Mahathir Mohamed bersedia jadi guru Bahasa Inggeris terbaik dapat anugerah Tun Dr. Mahathir. Bukan kerajaan negeri yang bagi. 2 pelajar UNISEL terima anugerah. Sufi Habibullah dipilih oleh IEM ataupun Institut Engineering of Malaysia. Ini pun adalah badan bebas, badan profesional di mana dan *graduate* ini adalah pelajar *Engineering* daripada UNISEL. Satu-satunya pelajar yang mendapat *gold medal* mengalahkan semua pelajar IPTA dan IPTS seluruh negara.

Begitu juga seorang lagi terima *gold medal* Berjiliah Jung Emkim menerima anugerah daripada MIA Malaysian Institute of Accountancy. Daripada segi *research and development* di mana mereka membuatkan kajian di makmal engineering mereka dan mereka telah membuat satu inovasi untuk *cost saving* kepada enijn Perodua dan sebagainya. Daripada segi *can help safe lifes* Lintah Adro function Bhd. Presiden, Vice President dan sebagainya ini adalah satu MOU dengan industri yang ada pada UNISEL yang didirikan oleh UNISEL.

Begitu juga dengan hasil kerja pelajar UNISEL anjur pameran hasil kerja Unisel perkongsian pintar UNISEL 5 kolej tempatan sedia latihan profesional. Ini adalah untuk menaikkan *employ liability* kepada UNISEL dan.....

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat tunjukkan bukti ke atau bergantung kepada keratan akhbar.

YB PUAN HALIMAH BT. ALI: Ini bukti. Dari sumber mereka sendiri.

TUAN SPEAKER: Sebab saya cakap begitu sebab Yang Berhormat Dewan dia tidak boleh merujuk kepada surat khabar untuk tanya soalan. Jadi saya takut nanti Yang

berhormat tunjuk gunakan keratan akhbar sebagai jawapan. Sebab itu saya tanya itu bukti atau bergantung kepada keratin akhbar.

YB PUAN HALIMAH BT. ALI: Ini bukti. Ini bukti daripada UNISEL. Saya baca daripada Unisel takut mereka tidak percaya. Ini sumber daripada mereka sendiri. Macam Sunday Times, daripada Metro, Sinar Harian dan sebagainya. UNISEL VI julang piala. Ini di antara bukti-bukti. Pelajar UNISEL memenangi anugerah terbaik industri.

TUAN SPEAKER: Dan melimpah dah tu dah.

YB PUAN HALIMAH BT. ALI: Sikit lagi. Nik Norjehan Nik Mokhtar Master Graduation 2009 University of Cambridge. Iran iktiraf semua pembelajaran di unisel 86 pembelajaran tadi. Pasal Sinamini juga, Sinamini gegar UNISEL. Siswa Unisel tunjuk bakal seni. Ini Ahli-ahli Yang Berhormat ada daripada sumber Norazli Mokhtar *former staff of UNISEL* University of Cambridge nak tanya pasal pencapaian Unisel jadi saya berikan bukti ini University of Manchester MOU Unisel dengan Manchester University. Begitu juga dengan ITB Bandung pun kita bukan sekadar ada MOU kita juga ada MOA dengan Universiti Bandung.

TUAN SPEAKER: Dah melimpah. Masa dan melimpah.

YB PUAN HALIMAH BT. ALI: Jadi saya nak tenteramkan bukan apa Tuan Speaker kepada semua Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional kalau nak mengatakan UNISEL ini dah nak tutup dan kabut dah macam tidak ada *value*. Terakhir. Pilihan yang terakhir. Tidak. Sebenarnya semenjak 2008 kita diakui bukan sahaja daripada sistem penerapan negara ini tetapi kolej dan universiti luar negara. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Waktu pertanyaan sudah tamat. Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya.

III RANG UNDANG

i. Rang undang-undang Enakmen Perbekalan Tahunan 2012

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan-aturan Mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Perbekalan Tahunan 2012.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan Pihak Kerajaan untuk menggulung perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012. Dipersilakan.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Speaker, Pertamanya saya ingin mengambil kesempatan pertamanya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kira tidak ada Ahli Berhormat membahaskan tentang butiran pecahan kepada 10070400307016 pembangunan sukan SUKMA dan SUKSES sebanyak RM1,600,000 yang diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan program pembangunan sukan yang telah dirancang kerana saya melihat bahawa saya kira semua Ahli Yang Berhormat cukup bersetuju dengan penambahan ini kerana

matlamat kita adalah untuk pembangunan sukan dan saya kira peruntukan tambahan sejumlah ini juga untuk membantu beberapa PBT-PBT yang memerlukan peruntukan ini untuk mereka terlibat secara langsung terutamanya PBT Majlis Daerah Sabak Bernam, Majlis Daerah Kuala Selangor. Majlis Daerah Hulu Selangor. Majlis Daerah Kuala Langat memerlukan peruntukan-peruntukan untuk membangunkan sukan-sukan terutamanya yang terlibat dalam sukan Selangor yang akan kita adakan.

Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengambil merakamkan ucapan terima kasih ke bawah DYMM Sultan Selangor yang mana di atas keprihatinan Baginda melalui Utusan surat yang bertarikh 4hb. Julai memberikan semangat pada kontinjen Selangor yang terlibat di dalam SUKMA pada kali ini dengan harapan Selangor akan menjadi juara keseluruhan bukan tempat kedua atau ketiga dalam sukan SUKMA pada kali ini. Insya-Allah dengan harapan dan juga keprihatinan Baginda membawa semangat kepada kontinjen atau atlet-atlet kita untuk memartabatkan semula Negeri Selangor di dalam sukan SUKMA.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan sehingga pertandingan yang diadakan dari malam tadi Selangor masih mengungguli di tempat pertama dengan jumlah pingat emas 27 pingat emas. Tempat kedua Terengganu 17 pingat emas. Saya kira sekiranya prestasi seperti ini dapat diteruskan sehingga 16 Julai pada hari terakhir Sukan SUKMA tidak mustahil kalau Selangor pada kali ini akan menjadi juara secara keseluruhan. Jadi saya mengharapkan kita supaya kita sama-sama memberikan sokongan dan dorongan kepada kontinjen negeri Selangor yang bertanding Sukan SUKMA pada kali ini.

Berkaitan dengan isu-isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Bangi terutama isu-isu yang melibatkan PADAT ada 5 isu dapat saya catitkan. Saya kira peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan untuk tahun ini saya akan lihat bagaimana kita akan dapatkan peruntukan secara optimum untuk tujuan-tujuan ataupun isu-isu yang dibangkitkan oleh Bangi dan sekiranya ada keperluan peruntukan tambahan mungkin kita akan lihat peruntukan pada tahun 2013 untuk kita melaksanakan beberapa isu yang saya kira cukup penting untuk Padat ataupun negeri Selangor melibatkan secara langsung di dalam projek-projek atau program-program yang dirancang oleh Padat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kota Anggrek

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Wrt. Wbt.* Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat bangkitkan persoalan yang berkaitan dengan bidang saya B07 dan B17 sebelum itu yang terhormat saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa berkaitan bahawa yang disenaraikan ialah Melayu yang Islamik bukan yang rasis. Kerajaan bagi memastikan maruah rakyat dijaga usaha menaikkan gaji dan gaji-gaji minima usaha-usaha untuk menaikkan maruah rakyat. Orang Melayu sangat menjaga maruahnya. Sebagai rujukan Yang Berhormat saya telah menghadihkan sesungguhnya Yang Berhormat dan juga pegawai sebuah buku terbaru tulisan tokoh agung di negara ini Dr. Siddiq Fadhil. Islam dan Melayu martabat umat dan daulat rakyat. Yang mana buku ini menjadi panduan kepada kita apakah martabat Melayu kita

nak bawa yang amat berbeza dengan pandangan sebagai pimpinan UMNO dalam usaha membangunkan masyarakat Melayu.

Cuma sedikit Yang Berhormat Tuan Speaker sebelum saya masuk pasal pertanian, saya hendak baca sedikit pasal penutup bab ke-3 ini, hidup mulia bermaruah dan bermartabat adalah impian setiap anak bangsa, sikap Melayu yang menolak hidup hina diperlihatkan lewat ungkapan tradisi tentang kasut sebagai lambing kehidupan yang malang dan hina memang demikian nasib kasut dari atas diinjak kaki dari bawah ditusuk duri sudah usang dibuang orang kesedaran tentang maruah dan harga diri menjadi Melayu yang tahu malu kerana itu bangsa Melayu menolak suatu yang dianggap malukan kata-kata pusaka kain pendinding ruang emas pendinding malu. Membayangkan persepsi budaya orang Melayu terhadap nilai dan fungsi harta. Yang dilambangkan dengan emas. Bagi orang Melayu nilai harta sangat terkait dengan maruah hidup. Tanpa harta lalu bergantung kepada orang adalah satu yang hina dan memalukan. Kesedaran tentang nilai maruah juga telah menjadikan Melayu bangsa yang berbudaya saling hormat. Dalam interaksi kemasyarakatan Melayu selalu berusaha untuk tidak menjatuhkan air muka orang lain. Memang aib-mengaib, caci-mencaci dan hina-menghina adalah pantang Melayu turun menurun. Sebab itu bila Melayu beri penyapu ditukar kerajaannya. Kerana kesedaran tentang maruah orang Melayu akan sangat marah apabila dihina dengan kata-kata muka tak malu. Justeru tahu malu adalah sikap orang bermaruah. Melihat semakin berleluasa perbuatan memfitnah dan mengaibkan orang ketika ini kita menjadi semakin cemas. Apakah ini bangsa akan binasa. Ini sedikit mukadimah semua Yang Berhormat boleh merujuk buku ini.

Saya tertarik bila Sg. Panjang saya melihat saya hadiahkan buku ini Sg. Panjang yang mula baca. Jadi mudah-mudahan Sg. Panjang boleh menjadi rujukan yang baik. Dah Ahli-ahli Yang Berhormat mula buka menjadi teks yang baik kepada kita. Bincangkan.

Menjawab soalan Sekinchan masalah benih padi yang sering dibangkitkan. Pada dahulunya benih padi disediakan oleh Jabatan Pertanian dan kawalan mutu dan kualiti sangat baik tapi malangnya semenjak pertukaran Menteri daripada Selangor benih padi telah pun diswastakan dan ini menyukarkan kualiti benih padi. Memang peringkat awal soal padi angin menjadi isu tapi ramai petani dari negeri Selangor telah memberi padi benih daripada luar pergi seberang perak umpamanya. Tapi Sekinchan jangan risau selepas kita melangkah selepas pilihan raya kita tukar peraturan ini.

Menjawab soalan Bukit Antarabangsa dan Hulu Kelang cadangkan untuk membina tempat-tempat gerai seluruh negeri Selangor ini satu cadangan yang baik. Saya akui banyak projek-projek yang membina kedai-kedai yang tidak teratur dan saya insya-Allah bawa kerajaan supaya kita *design* semula gerai-gerai dan juga keadaan tempat-tempat berniaga di Bandar-bandar. Saya telah mencadangkan kepada Jabatan Perancang Bandar supaya kawasan-kawasan Pembangunan pesat disediakan kawasan lapang untuk gerai-gerai dibina. Dan ini telah juga diluluskan dalam mesyuarat Jabatan Perancang Bandar dan selepas ini supaya tempat-tempat perniagaan dibandar-bandar lebih teratur berbanding sekarang pasar-pasar malam tempat-tempat *parking* dan sebagainya. Kali ini oleh kerana Sg. Air Tawar semalam

tidak datang jawapan pertanian saya tidak dapat berikan. Saya akan berikan jawapan bertulis kemudian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Selat Kelang

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Ah! Untuk menjawabkan Sg. Pelek. Sg. Pelek bertanya yuran SJKT. SJKT untuk 2011 jumlah sekolah yang diberi bantuan adalah 70 orang, 70 buah melibatkan 4,199 murid setiap murid mendapat RM 30 setiap orang, dan jumlah yang diberi adalah 125,976 ringgit. Bangi telah menyebutkan, ah! telah memberikan satu *input* di mana seolah-olah ada pemisahan di bawah Sekolah Jenis, Sekolah Rendah Agama JAIS di bawah JAIS dan tidak ada kena mengena dengan EXCO Pendidikan. Dan seolah-olah ada pemisahan. Memang kita akui bila kita mewarisi sistem yang ada pada 2008 itu semuanya terpisah. Segalanya terpisah. Zakat pun ada sistem untuk membantu pendidikan. Ah! Jabatan Kebajikan pun ada juga bantuan. Begitu juga Jabatan Pelajaran itu sendiri. Ada benda dipanggil *e-kasih* bagi orang yang tidak mampu membayarkan yuran dan sebagainya. Semuanya terpisah-pisah. Jadi apa yang saya lakukan, saya hendak cuba cantumkan begitu juga Yayasan Selangor ada juga bantuan untuk pendidikan. Apa yang kita buat ialah kita cuba dudukkan mereka bersama hendak lihat bagai mana kita hendak melihatkan secara *total*. Tapi untuk makluman Bangi, seperti Yang Berhormat Bangi tahu, kita, bila kita berada di dalam pemerintahan atau pun menjadi Pengurus Tadbir dek Kerajaan Negeri Selangor ini kita mewarisi satu sistem yang sudah bertapak 50 tahun yang telah berakar umbi dan agak, agak sukar untuk kita membuatkan reformasi yang *total* atau pun transformasi yang *total*. Apa yang kita lakukan sekarang ini, kita dalam proses mengkaji di mana JAIS di bawah Setiausaha Kerajaan telah diarahkan oleh EXCO Kerajaan, oleh Menteri Besar untuk kita melihat sistem pendidikan Islam itu sendiri, bagaimana kita hendak selari dan selaraskan supaya kalau sekarang ini dana yang diberikan untuk pendidikan Islam di bawah JAIS lebih kurang hampir 100 juta. Di bawah EXCO Pendidikan 21 juta. 16 juta adalah untuk sekolah jenis Kebangsaan Cina, Tamil dan Sekolah Agama Rakyat. Maka bagaimana kita hendak *value for money*, kita hendak benar-benar ia memberikan satu informasi yang baik.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, boleh saya mencelah sedikit.

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Okey. Sila.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker. Maksud saya barangkali itu sebahagian. Tapi lebih daripada itu. Kita dari segi pendidikan memang yang di bawah Persekutuan itu di luar daripada kemampuan kitalah. Di bawah daerah Persekutuan dan kita tak ada boleh campur walau pun hendak masuk ke sekolah dia, kita tak boleh. Itu tak apalah kita terima. Tetapi, maksud saya yang di bawah JAIS, Sekolah Agama itu adalah di bawah kerajaan negeri. EXCO Pendidikan ialah di bawah kerajaan negeri ya. Mengapa, jikalau kita lihat ertinya kalau perjalanan pentadbiran pendidikan barang kali juga boleh dibawa masuk di bawah apa dia ini agama Islam. Kelihatan seolah-olah kita pentadbir negeri terasing daripada, daripada apa dia ni, pentadbiran di bawah JAIS dari segi pendidikan. Mungkin juga dalam bidang-bidang masjid, surau dan sebagainya, kita tidak diberi, atau pun tidak dijemput,

atau tidak diberi sepatutnya ertinya kedudukan macam kita kata EXCO Pendidikan. Dia berada di dalam peringkat pendidikan itu sendiri. Dihormati dan diberi kedudukan dari segi ah! Kita katakan polisi, pentadbiran, dia *report* kepada dia dan ertinya diberi hak umpamanya EXCO ini memberi pandangan bawah pemikir-pemikir daripada pihak EXCO untuk bukan untuk merosakkan memperbaiki kedudukan pendidikan. Kita mahu melihat dia sebagai *apart in parcel* dari segi pemerintahan kita di negeri Selangor kerana dia di bawah kerajaan negeri Selangor. Bukan terpisah. Mungkin saya boleh guna istilah yang lain. Tapi barang kali tidak begitu baguslah kalau saya gunakan istilah itu. Kita hendak penyatuan dan pengukuhan daripada, apa benda dia berada di bawah pemerintahan kerajaan negeri. Terima kasih.

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Bangi. Ah! Insya-Allah kerajaan negeri Selangor akan meneliti bagaimana kita hendak *implementkan* apa yang dikatakan Bangi dan saya secara peribadi bersetuju sangat apa yang disebutkan oleh Bangi tadi dan sekarang ini kita belajar daripada YIK di mana Kelantan, dia tidak ada bahagian pendidikan di bawah Jabatan Agama Islam. Dia hanya Yayasan Islam Kelantan. Inilah yang menguruskan tentang pendidikan Islam di Kelantan itu sendiri. Sekolah-sekolahnya di bawah YIK itulah satu-satunya dan dia di bawah jagaan seorang EXCO Pendidikan di Kelantan. Terima kasih Bangi.

Untuk Hulu Kelang juga di mana Hulu Kelang telah buat satu aduan tentang SERAI Taman Keramat di mana dikatakan guru rakyat perlu ditanggungkan oleh PIBG yang sepatutnya semuanya ditanggungkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Ini juga di antara perkara-perkara yang tidak di dalam pengetahuan EXCO Pendidikan kerana apabila Bahagian Pendidikan, JAIS di bawah Jabatan Agama Islam Selangor maka dia di bawah pula seorang EXCO lain. Jadi, dia tidak bertanggung jawab terus kepada EXCO Pendidikan. Kita mungkin satu penggal lagi kut kita boleh hendak laksanakan.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Minta penjelasan. Minta penjelasan.

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Sila.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Memang Hulu Kelang sedar itu adalah di dalam bidang kuasa pihak EXCO Agama, kenapa dijawab oleh EXCO Pendidikan.

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Ya, terima kasih kepada Hulu Kelang. Batang Kali, Batang Kali tidak sedar, ada sudah ada bantuan tadika dan *nursery* dia kata manifesto ini tidak dijalankan. Batang Kali perlu melihatkan di dalam portal kerajaan negeri Selangor. Tolong *check* pada semualah. ADUN-ADUN di sebelah sana tu. *Check* bantuan *nursery*, bantuan tadika semuanya sudah ada di sana ya. Dan Batang Kali mencabar pendidikan percuma untuk kerajaan negeri Selangor di KUIS dan di UNISEL. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini di mana kerajaan Selangor boleh memberikan pendidikan percuma sekiranya, sekiranya pihak Barisan Nasional Putrajaya mahu memberikan atau memulangkan balik hasil yang dikutip daripada rakyat negeri Selangor itulah cara kita akan mampu memberikan pendidikan percuma. Tetapi hakikatnya sekarang ini tidak diberi balik kepada kerajaan negeri Selangor. Jadi

itu dia punya apa, jadi saya hendak sahaja Bukit Antarabangsa mengatakan kenapa kerajaan Selangor tidak menghantar pelajar yang baik ke luar Negara. Seperti yang saya sebutkan tadi, itulah di antara bukti yang di mana kita ada menghantarkan pelajar-pelajar kita dan di bawah EXCO Pendidikan Tinggi kita juga membiayai penerbangan mereka dan sebagainya, bahkan sebenarnya setengah daripada pembiayaan adalah daripada *Imperial College* itu sendiri dan daripada pihak-pihak yang lain. Dan saya hanya hendak berkongsi kepada semua ah! Ahli Yang Berhormat inilah buku, buku saintifik yang dikongsikan, yang telah pun berada di tangan *scientist scientist* dunia kita di dalam *Conference International IAS* baru-baru ini di Doha, mereka telah menerima hadiah ini hasil daripada UNISEL dan EXCO kerajaan Selangor di mana mereka mengakui ini adalah buku saintifik dan mereka mengiktirafkannya dan sangat-sangat berbangga dengannya. Terima kasih.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, sebelum tu.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Ya.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, sila duduk dulu. Yang Berhormat, saya suka ingatkan peraturan 35.(1) mengatakan segala ucapan di dalam dewan ini hendaklah mengarahkan kepada Speaker. Saya dah banyak kali. Tadi saya dengar Selat Kelang dari mula sampai habis pun tak sebut Speaker. Tuan Speaker, pun tak sebut langsung. Sepatutnya kita mula penggulungan dengan mengatakan Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Bangi, kepada Bukit Antarabangsa, kepada Hulu Kelang, kepada Batang Kali kerana menyentuh portfolio yang saya bertanggungjawab, kemudian baru jawab ya. Tujukan biarkan segalanya kepada Tuan Speaker. Dari mula sampai akhir pun terima kasih pun tak sebut Speaker. Seolah-olah Tuan Speaker ini teruk sangat. Kita mesti ada *style*. ADUN punya tepuk ADUN pun selalu tak tepuk tadi. Bangun-bangun pun terus tanya dah. Dia terus bangun, dia terus bangun dah. Soalan tambahan, terus tanya. Macam Speaker tak wujud langsung. Sebab itu kita adakan undang-undang, Peraturan 35.(1), tolong baca, tolong baca. Semua. Bacalah. Ah! *style*, kita mesti ada *style* sedikit. Ini Dewan, cakap pun sebagai Speaker, adanya *style* sebagai EXCO ada *style* sebagai Adun biasa kena ada *style*nya. Ya! Itu, tata susilanya. Ya. Peraturan 35.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Speaker, saya Permatang. Saya hendak bertanya sedikit...

TUAN SPEAKER : Belum Speaker habis cakap, Speaker cakap semua duduk, dengar. Bila Speaker belum habis cakap dah bangun nak celah. Macam mana, duduk dulu. Speaker belum habis cakap ni. Belum habis tegur ni. Kena ikut cara yang betul. Ah! Ya, bila hendak mencelah pun bangun dulu. Bangun dulu tengok orang bagi duduk dulu, orang tengah cakap tu. Biar dia habis ayat dia baru kita beri tahu minta, Tuan Speaker tak nampak, Tuan Speaker nampak kita tunggu dia cakap. Belum habis ayat dah hendak mencelah, ya. Tak, tak perlu kita terburu-buru. Masa cukup dan saya tidak menghalang siapa hendak bangkit, mencelah ya! Tak perlu kita terburu-buru. Ya! Harap saya tak perlu beri peringatan lagi ya. Ya! Ada apa ini.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Okey, Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ada apa ini.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Saya hendak bertanya tadi kepada EXCO. Tapi saya tak sempat-sempat hendak...

TUAN SPEAKER : Tapi, dah habis dah tu.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Ialah, tetapi semalam saya ada bangkitkan beberapa soalan mengenai UNISEL. Dan saya mengharapkan ada jawapan daripada pihak kerajaan. Tetapi disentuh. Jadi, saya berpandangan samada EXCO apakah fakta yang saya kemukakan semalam berdasarkan *report, audit report* tu kalau tidak dijawab oleh pihak EXCO, pihak kerajaan. Apakah fakta itu diterima. Maksudnya dari segi apa data-data yang sebutkan semalam, penurunan kadar pendapatan, perbelanjaan yang tinggi dan sebagainya. Saya cuma minta perbezaan pandangan EXCO samada kalau tidak dijawab maknanya fakta saya sudah benar dan diterima oleh pihak kerajaan. Saya tidak perlukan jawapan. Kalau betul, itu saja. Saya tak perlukan.

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Minta maaflah Speaker. Lupa, apa, syok sangat dengan apa ni, (ketawa) asakkan daripada Barisan Nasional. Untuk Yang Berhormat Permatang. Yang saya bagi tadi setakat 2011, yang telah diaudit. Untuk 2012 belum ini diaudit untuk yang sekarang ini. Dan laporan yang telah diaudit itu akan dikemukakan, akan dibentangkan. Itu telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Akan dibentangkan kepada, kepada awam setelah diaudit. Jadi, sabar, sabar tak lama lagilah, insya-Allah. Ya.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Saya mencelah sedikit boleh. Saya minta penjelasan. Ah! Apa yang sebut-sebutkan semalam, fakta-fakta dan juga data-data itu apakah EXCO akui perkara itu benar. Berdasarkan laporan audit. Itu sahaja.

TUAN SPEAKER : Itu ya Permatang, itulah saya cakap. Patut bangun. Tuan Speaker. Tuan Speaker, Yang saya hendak tanya ini, bukan tuju kat dia. Ini bukan perbualan antara dua Adun. Dia tujukan kepada saya, supaya dia tak gaduh. Tujukan. Tuan Speaker, sebenarnya soalan saya begini. Saya minta EXCO jawab sendiri. Itu caranya. Bukan terus tanya. Ini macam perbualan dua orang individu. Ini Dewan. Dalam mesyuarat pun kita tuju kepada Pengerusi. Ya! Janganlah, saya kata jangan terburu-buru. Tanya dengan cara baik supaya tuju ke sini supaya tak gaduh. Ya. Baik, sila. Sila.

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih, Tuan Speaker. Insya-Allah ah! Pengerusi UNISEL itu sendiri selaku Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar itu juga akan membuat penggulungan. Macam-macam akan digulungan dan dialah akan memberikan *final* apa tu, dan insya-Allah Permatang bersabar. Insya-Allah apa dah siap, dia dah senyum ini, insya-Allah Yang Berhormat Ijok akan apakan, membuatkan satu penggulungan yang menyeluruh tentang UNISEL. Terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya akan jawab tiga (3) soalan yang telah dibangkitkan :-

1. Kampung Tunku tentang Kolej INPENS.
2. Batang Kali tentang Langat 2.
3. Teratai tentang tempat-tempat ibadat selain dari Islam.

Tuan Speaker, Kolej INPENS dimiliki oleh 100% oleh kerajaan negeri Selangor. Belanja besar juga dan baru-baru ini Kerajaan Negeri telah luluskan RM5 juta untuk pembinaan asrama baru di dalam kampus Kolej INPENS untuk meningkatkan pelajar-pelajar kemahiran tangan (*hand skill training*). Dengan pembinaan asrama baru ini, kerajaan negeri akan adakan lebih kurang kita boleh menaikkan sampai 500 lagi pelajar di dalam Kolej INPENS. Tiap-tiap tahun melalui STANCO Prihatin dan STANCO Kemiskinan, kita belanja dekat RM3 juta untuk bayar 100% pelajar-pelajar di dalam Kolej INPENS. Tiap-tiap pelajar dibayar dekat RM7,000.00 untuk keseluruhan kos hostel dan juga pelajar mereka. Ini sebagai satu *out right grant*, pelajar-pelajar tak payah bayar balik macam PTPTN atau pun *loan-loan* yang dibagi oleh agensi-agensi yang lain. Sekarang kita menerima banyak aduan tentang program-program ini dari pihak-pihak swasta juga yang adakan program *hand skill training* untuk pelbagai anak muda, anak muda kita di negeri Selangor. So kerajaan sekarang buat kajian dan ikut apa yang telah dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar. Kita akui bahawa perbelanjaan negeri akan meningkat di dalam tahun akan datang dengan ada 500 lebih pelajar di INPENS dan juga penerima di luar, kita akan bagi bantuan kepada mereka untuk lanjutkan program-program *hand skill training* ini di pelbagai tempat.

Isu yang kedua ialah perbelanjaan dan juga berapa tanah telah diberikan kepada tempat-tempat ibadat selain dari Islam di negeri Selangor. Keseluruhannya, Tuan Speaker, dari tahun 2008 sampai 2012, negeri telah belanja dekat RM14,000,933.00 keseluruhannya untuk membayar atau pun bagikan subsidi atau pun pertolongan bantuan kepada tempat-tempat ibadat. Pada tahun 2009, 2008 tiada ada peruntukan tetapi 2009 kita adakan peruntukan RM6 juta tetapi yang dibelanjakan sahaja RM4,757,500.00 (79% sahaja). Pada tahun 2010, peruntukan RM3 juta sahaja. Kita tambah RM500,000.00 dan kita belanja dekat RM3,475,500.00 (99%). Pada tahun 2011, kita adakan lagi peruntukan RM3 juta, kita tambah RM1 juta, RM4 juta keseluruhannya dan perbelanjaannya ialah 98% iaitu RM3,921,990.00. Pada tahun 2012 sampai sekarang, kita telah adakan perbelanjaan RM3 juta dan kita telah keluarkan 92% iaitu RM2,000,779.00 keseluruhannya. Tetapi kita mohon tambahan pada tahun ini untuk RM2.6 juta. So keseluruhannya ialah jumlah peruntukan yang kita dapat, keseluruhannya ialah RM15 juta tetapi yang belanja sahaja ialah RM14,933,990.00 untuk empat (4) tahun setengah yang kita telah hadapi. Pecahan atau pun asingan kepada pembayaran ini kepada tokong-tokong sahaja, kita telah beri kepada 521 tokong RM4,683,990.00. Kepada kuil-kuil di dalam negeri Selangor, jumlahnya ialah 375 kuil yang dapat bantuan, keseluruhannya ialah RM7,662,500.00. Kepada kerja-kerja di gereja-gereja di negeri Selangor, 135 gereja yang dapat RM1,959,500.00 dan kepada gudwara. Kawan-kawan kita dari agama Sikh, 15

gudwara telah dapat RM308,000.00. So semua sekali yang saya telah mohon, namakan tadi.

Untuk tanah-tanah yang diberikan melalui Hal Ehwal Selain Islam dan juga yang diluluskan oleh EXCO Kerajaan ialah tokong keseluruhannya kita telah bagi 50 tokong tanah. Kuil kita telah bagi untuk 51 kuil telah dapat tanah. Gereja 16 dan gudwara enam (6). Keseluruhannya ialah 123 tempat-tempat ibadat selain Islam telah diberikan tanah di dalam negeri Selangor.

Akhir sekali, Tuan Speaker saya nak ambil sedikit masa untuk bagi keterangan kepada Batang Kali tentang Langat 2 yang telah dibangkit oleh beliau. Heboh perkataan diperkatakan siang dan malam dengan isu krisis air menjelang tahun 2014 sejak beberapa bulan kebelakangan ini oleh pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Ianya terus diputar belit dan digoreng oleh akhbar Utusan Malaysia, Kumpulan NST dan TV3. Pelobi-pelobi UMNO seperti Noh Omar, Mohd Zin dan juga YB Sungai Panjang begitu beria-ria mahukan membina Loji Langat 2 disegerakan. Saya nak tanya ni, ada *interest* ke di dalam Langat 2 yang sebanyak RM8.4 bilion? Saya ulang lagi, kos projek mega ialah RM8.4 bilion, untuk pengetahuan ahli Dewan yang berhormat. Isu yang hangat diperkatakan oleh banyak pihak dan di kempen kuat oleh Noh Omar dan *gang* ialah isu kekurangan air terawat menjelang 2014. Jadi kalau air terawatlah isunya, saya nak tanya kenapa kita perlukan menggerudi terowong di bawah Banjaran Titiwangsa untuk import air mentah dari Pahang? Kita ingin tegaskan di sini bahawa tujuh (7) buah empangan sedia ada bukan sahaja penuh tetapi air takungannya melimpah-limpah. Jadi kita tidak nampak rasionalnya kenapa kita perlu import air dari Pahang?

Puan Speaker dan ahli-ahli Dewan yang berhormat. Kita dimaklumkan bahawa kerja-kerja pembinaan terowong sepanjang 44.6 kilometer bernilai RM3.94 bilion untuk salurkan air mentah dari Pahang ke Selangor telah bermula 1 Jun 2009 dan dijangka siap pada 2014. Terowong ini dijangka menyalurkan air mentah sebanyak 1,890 juta liter sehari. Merupakan komponen pertama projek berkenaan dan dijangka mengambil masa lima (5) tahun untuk disiapkan. Pembinaan terowong ini bermula dari Kahak, Pahang dan berakhir di Hulu Langat, Selangor. Ia dilaksanakan oleh konsortium empat (4) syarikat usaha sama antara IJM Corporation Berhad, UEM Builders Berhad dan Shimizu Corporation, Nishimatsu Corporation Company Limited. Mengikut pelaksanaan projek ini, Selangor dijangka akan membayar Kerajaan Negeri Pahang sebanyak RM80 juta setahun untuk air mentah. RM80 juta setahun. Manakala pembinaan Loji Langat 2 dan sistem alihan bernilai RM4.46 bilion. Ini bermakna, kos keseluruhan projek bernilai RM8.4 bilion. Walaupun kos projek ditanggung oleh sepenuh oleh kerajaan pusat, harus diingat bahawa ianya harus dibayar balik oleh rakyat Selangor yang terpaksa untuk membayar harga air, tarif air yang tinggi di tahun-tahun yang akan datang. Kita diberitahu bahawa projek ini menggunakan dana pinjaman dari Japan International Corporation Agency (JAICA) dan kita dimaklumkan bahawa pihak Jepun terus menekankan Dato' Peter Chin, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air agar segera menyiapkan projek ini. Ini adalah antara sebab kenapa pelobi-pelobi UMNO tadi beria-ia mahukan projek ini disegerakan kerana mungkin ada orang yang telah terima apa entah daripada syarikat atau pun konsortium kontraktor tersebut. Dengar sekarang mereka sedang panik dan kepanasan sebab projek dah tersangkut. Sekiranya

pembelian kapal selam *Scorpion* menyumbangkan kepada komisen bernilai ratusan juta ringgit. Bayangkanlah beberapa komisen lumayan yang akan diberi oleh pelobi-pelobi tersebut bagi projek Langat 2 yang bernilai lebih RM8 bilion. Ahli-ahli Dewan yang berhormat.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Puan Speaker?

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Kerajaan negeri yang sedia ada akan terus

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Andalas, Batang Kali ingin bertanya.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Terima kasih, YB Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Timbalan Speaker.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Oh, Timbalan Speaker. Saya memang seronok mendengar EXCO berhujah tetapi sayang sekali penuh dengan niat yang tidak berapa tulus dan ikhlaslah. Jangan sebutlah soal komisen dan sebagainya. Di Dewan yang mulia ini, Sekinchan pun selalu beritahu, YB Seri Muda pun selalu beritahu, kita bercakap atas fakta. Mana *you* dapat fakta kata kita dapat komisen untuk kapal selam. Mana *you* dapat fakta kata kita dapat komisen? Nanti saya belum habis, YB saya belum habis. Sabarlah, mana *you* dapat fakta? Kalau.....

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Panggilan dalam Dewan ini bukan *you* ye, Yang Berhormat.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: lalah, sebab Speaker terlalu lambat. Saya kena, kena cepatkan.....

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Batang kali, itu teguran.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya belum habis cakap Speaker, ini *floor* saya. Puan Timbalan Speaker dah beri kebenaran saya.....

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya kata panggilan bagi ahli..... Saya sedang bercakap, dengar dulu. Panggilan bagi ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini bukan *you* tetapi Yang Berhormat atau pun ahli Dewan. Teruskan.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Terima kasih di atas ingatan Puan Timbalan Speaker. Jadi jangan kata kita ada niat tertentu untuk memastikan loji ini dibina. Saya ingat juga, kalau beria-ia sangat kerajaan negeri mempertahankan untuk merampas konsesi ini juga, saya yakin YB-YB di sebelah sana juga mungkin ada kepentingan. Ada nak bagi dengan kroni masing-masing, boleh saya boleh nyatakan begitu juga sebagaimana ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah membuat tuduhan. Terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Ok. Terima kasih. Saya katakan bandingan dengan komisen yang diterima oleh orang, pihak-pihak tertentu telah pun di dalam *hansard* Parlimen Malaysia yang katakan RM500 juta telah

dibayar sebagai komisen untuk pembelian *Scorpene* telah pun ada di dalam *hansard* Parlimen. Kalau ikutkan yang saya tahu. Apa yang saya katakan sekarang ialah adakah kemungkinannya, adakah kemungkinannya beberapa pihak-pihak tertentu di dalam isu air di dalam Selangor pun dapatkan komisen-komisen tertentu dari mana-mana pihak.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Speaker, Speaker mohon penjelasan, Speaker.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya teruskan speaker. Timbalan Speaker boleh saya teruskan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengar penjelasan kemudian....

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Sebagai seorang EXCO sepatutnya bila bercakap di Dewan ini mesti berbeza daripada seorang Wakil Rakyat biasa mesti jangan sama taraf macam saya. Awak, Yang Berhormat selaku EXCO kalau nak menuduh buah secara terperinci macam Yang Berhormat Ijok buktikan dalam ucapannya, saya terima. Macam Yang Berhormat Pelabuhan, YB EXCO Pendidikan menyatakan jawapan dengan bukti kita terima tiada masalah. Ini sebagai EXCO main tuduh-tuduh apa jenis EXCO ini? Terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Kalau tuduhan itu betul terimalah kalau salah jangan terima tetapi saya katakan saya kaitkan sahaja. Saya bukan kata kemungkinannya. Ahli Dewan, Ahli-ahli Dewan Yang Saya Berhormat, kerajaan negeri yang sedia akan terus diingati oleh generasi anak cucu kita di masa akan datang kerana telah berjaya menghalang, menghalang pihak-pihak tertentu ... wang rakyat dengan pembinaan Langat 2 ini. Kita sekali lagi menginginkan memberi nasihat kepada Syarikat Bekalan Air SYABAS jangan terus mereka cipta gangguan-gangguan bekalan air sejak kebelakangan ini. SYABAS tidak seharusnya berlagak sebagai seorang individu yang ada monopoli di dalam air di dalam negeri Selangor.

YB TUAN LEE KIM SIN: Puan Timbalan, minta laluan.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Suasana Selangor dengan menciptakan....

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Kajang ingin minta penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan Langat 2. Ah susulan daripada soalan yang dibangkitkan oleh Batang Kali, Kajang pernah bangkit dalam Dewan ini pada sidang lepas dan juga ingin bertanya pada pihak EXCO sama ada masih ingat waktu kelulusan projek penghantaran air daripada Pahang ke Langat, ke Selangor dan ketika itu Menteri yang bertanggungjawab Datuk Seri Lim Keng Yaik yang menyatakan dalam *The Edge* bahawa beliau tidak menyokong projek ini oleh sebab ada tekanan dan arahan daripada peringkat atas memaksa beliau dan menandatangani menurunkan tandatangan dan meluluskan projek pengangkutan air dari Pahang dan Projek Air

Langat 2. Oleh itu adakah bukti dapat mengesyaki bahawa projek ini memang tidak *relevant* dan ada penglibatan penyelewengan dan kuasa di dalam projek ini. Terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Walau pun Menteri yang lepas Tan Sri Lim Keng Yaik itu katakan bahawa beliau tidak bersetuju tapi sekarang pun diluluskan oleh Menteri dan Kabinet semasa sekarang dan ini jadi satu kenyataan yang kita ada di depan kita dan kita akan mengatasi masalah ini. Memang ada banyak pihak yang katakan kita tak perlu bawa air dari Pahang kepada negeri Selangor melalui cara yang telah dilaksanakan sekarang sebab perbelanjaannya tinggi. Tadi saya katakan perbelanjaannya dekat RM8.4 *billion* tapi perbelanjaan keseluruhan *the whole project* dekat RM12 *billion*. So kita tahu lobi-lobi yang ada besar, lobikan untuk projek ini bukan sebab air kurang di dalam negeri Selangor sebab mereka dapatkan kontrak-kontrak besar untuk melakukannya. Sebab kita telah buktikan di dalam beberapa *Forum* di dalam negeri Selangor bahawa kita tak payah lah *depend* dengan air-air dari Pahang sahaja, kita ada cara lain yang boleh meningkatkan air di dalam negeri Selangor tapi tidak digunakan cara-cara itu sebab perbelanjaan untuk itu *fractional* dari apa yang kita kena belanja keseluruhan dalam pembinaan ini. Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat kita sekali lagi ingin ..

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Permatang ingin bertanya.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Boleh, minta penjelasan sedikit. Terima kasih Puan Speaker. Yang Berhormat EXCO, saya mohon sedikit penjelasan sama ada Yang Berhormat EXCO ada ke maklumat sebab dalam satu kenyataan yang saya pernah terbaca. Saya mohon maaf kalau kenyataan itu saya tersilap rujuk. Yang Amat Berhormat Menteri Besar pernah buat kenyataan bahawa negeri Selangor kemungkinan nak dapatkan bekalan air daripada Empangan Kenyir yang saya rasa tiga kali jauh daripada Sungai Pahang. Jadi adakah Yang Berhormat ada maklumat mengenai perkara berkenaan. Kalau ada tolong maklumkan terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Memang kita telah bincang beberapa cara untuk dapatkan air di dalam negeri Selangor. Ada yang katakan air yang simpan di Kenyir banyak sekali, apa gunanya air disimpan di sana. Kalau kita boleh salurkan ada cara-caranya tetapi bukan berbelanja dapat sampai RM12 *billion* untuk bawakan air. Dalam diskusi di dalam forum-forum air itu kita telah adakan beberapa cara untuk bawakan air, dapatkan air mentah di dalam negeri Selangor. Itu satu-satu ialah cara dari Kenyir ada kumpulan-kumpulan tertentu dari Universiti-universiti Kebangsaan kita dan sebagainya yang telah lontarkan cadangan dan *idea* untuk bawa air dari Kenyir kepada negeri Selangor. Walau pun jauh perbelanjaannya bukan RM12 *billion* itu yang perbezaan di antara dua-dua projek ini. Saya harus nak peringatkan kepada SYABAS sebagai satu Syarikat yang telah pun ada di dalam negeri Selangor ini bekerja dengan negeri Selangor. Dia ialah 30% dari SYABAS ialah pemilikan negeri Selangor. Kita harus berlagak jangan sebagai satu Syarikat yang tidak bertanggungjawab dengan cubaan menakut-nakutkan warga negeri Selangor dengan mencipta suasa *artificial crisis* air dengan sering kali dengan menggunakan gangguan dan pemotongan bekalan air di beberapa tempat hampir setiap minggu di dalam negeri Selangor. Jangan *that is not the way to do business in negeri Selangor*.

Keseluruhannya rakyat Selangor sedang memerhatikan tingkat laku buruk dan sandiwara SYABAS yang kita tahu tunduk kepada permainan politik kotor pimpinan-pimpinan dari Barisan Nasional di peringkat Persekutuan. Warga Selangor tidak harus di jadi korban ekoran permainan kotor atas ugut SYABAS. So saya akhir sekali saya nak katakan bahawa untuk

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Puan Timbalan Speaker, semalam Yang Berhormat Batang Kali ada menjelaskan bahawa kerajaan negeri Selangor ada pegangan dalam SYABAS. Jadi apa perlu takut kalau SYABAS naikkan kerana pihak kerajaan ada kuasa untuk menentukan. Apakah jawapannya?

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Kerajaan negeri ada 30% saham di dalam Syarikat SYABAS melalui KDB dan kita ada, kita telah panggil mesyuarat dan sebagainya untuk tentukan apa masalah-masalah yang dihadapi di dalam negeri Selangor tetapi malangnya SYABAS tidak bagi kerjasama 100% dengan kerajaan negeri di atas isu air yang kita hadapi sekarang. Tetapi kita telah ambil beberapa langkah yang saya telah umumkan kelmarin bahawa kita telah wakikan 3 Syarikat Audit iaitu *Halcrow*, *Suez* dan *Wessex Water* untuk kita bagi mereka peluang untuk bekerja dengan SYABAS untuk dapatkan data-data terkini sebab data-data yang kita ada sekarang sahaja dari SYABAS sahaja, satu pihak sahaja. Malang sekali Kementerian juga gunakan data-data yang dibagi oleh SYABAS sahaja. Mereka tidak ada data-data *independent* selain dari apa SYABAS bagi kita. So kita melalui negeri Selangor kita wakikan 3 Syarikat Audit *Firm* iaitu *Suez*, *Halcrow* dan *Wessex Water* untuk buat kajian dan dapatkan data-data yang terkini di dalam industri air di dalam negeri Selangor.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Seri Andalas.

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Puan Timbalan Speaker,

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Belum habis.

YB TUAN LEE KIM SIN: Ah, tidak bagi laluan bagi Kajang. Puan Timbalan Speaker dan pihak EXCO. Kajang ingin bertanya selain daripada usaha yang diambil oleh kerajaan negeri untuk memantau dan membantu menyelesaikan masalah pembekalan air ini oleh kerana masalah yang dihadapi oleh SYABAS dari segi pengurusan air khususnya. Apakah tindakan, tindakan yang konkrit yang boleh diambil untuk menyelesaikan masalah pembekalan air ini kerana kita dapati air mentah ini cukup banyak, tak ada masalah. Air yang terawat yang kekurangan jadi masalah NRW juga merupakan satu masalah yang nampaknya SYABAS tidak ingin menyelesaikan masalahnya dengan seriusnya. Jadi apakah kemungkinan pihak negeri mewujudkan loji-loji air untuk merawat air dan membekalkan air terawat kepada SYABAS untuk menambahkan bekalan air untuk kegunaan. Memandangkan pada ketika sekarang di Empangan memang cukup air mentah tapi permintaan memang bertambah kalau ikut kenyataan SYABAS. Permintaan bertambah dan tidak mencukupi dan apakah tindakan

yang segera yang boleh dilakukan oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah keadaan sebegini. Terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Puan Timbalan Speaker, saya nak ulang balik persepsi-persepsi yang katakan tak cukup air itu *perception* yang direka oleh satu kumpulan yang diketuai oleh SYABAS untuk adakah krisis air di dalam negeri Selangor sebab kalau ikut data-data yang diberikan oleh SYABAS kepada Kementerian dan Kabinet negeri Selangor kekurangan air pada tahun 2015 sahaja. Bukan tahun 2012 sekarang menunjukkan bahawa ada krisis air itu bermakna data-data yang telah disampaikan oleh SYABAS kepada Kabinet yang katakan air kurang pada 2015 tak betul. Kalau ikutan apa yang mereka kata sekarang so kita nampak ada perbezaan di antara data-data yang telah dibagi kepada Kementerian dan pada waktu sekarang *actual situation* sekarang ada perbezaannya. Ini pun sebab tidak ada satu kumpulan *Independent* yang telah buat kajian terkini di atas isu-isu *Supply and Demand* air mentah atau pun air di dalam negeri Selangor sebab itu kita sekarang telah bagi kuasa kepada tiga Syarikat Audit untuk buat audit dan kita akan dapat dalam beberapa bulan. Kita boleh ambil tindakan terus untuk mengatasi masalah krisis. Kalaulah ada krisis air di dalam negeri Selangor. Kerajaan negeri Selangor sudah sedia untuk meningkatkan air terawat di dalam negeri Selangor ini. Menggunakan satu sistem baru yang ada yang katakan *Membrane Technology* boleh dikatakan di semua loji-loji air yang ada tanpa memberhentikan kerja-kerja loji sekarang. *It is an additional to the present technology* yang kita ada untuk meningkatkan air-air dan perbelanjaan kita tak sampai ke RM1 *billion* pun, tak sampai. Dan ini kita boleh lakukan terus dan di dalam jangka satu tahun kita boleh siapkan loji-loji ini untuk *supply* kan air-air yang lebih kepada penduduk-penduduk di negeri Selangor.

YB TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan Puan Timbalan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan, Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya nak tanyakan satu soalan yang spesifik iaitu tentang kenaikan tarif air ini. Jadi seperti apa yang sedia maklum pada masa sekarang ini oleh kerana kerajaan negeri Selangor tidak meluluskan kenaikan tarif air maka selama empat tahun Pakatan Rakyat menjadi kerajaan rakyat tidak perlu menanggung kenaikan air. Soalan saya ialah apakah akan berlaku sekiranya projek Langat 2 ini Kerajaan negeri Selangor meluluskannya akhirnya loji telah dibina dengan kos RM12 *billion* dan adakah selepas itu kerajaan negeri Selangor berhak menolak sebarang kenaikan tarif air sekiranya SYABAS memohon untuk menaikkan tarif air. Adakah kita pada masa itu selepas semua sudah melulus dibina wang adakah kerajaan negeri Selangor berhak menolak. Jadi soalan saya sangat spesifik. Adakah kita ada hak di bawah kontrak perjanjian?

Y. B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Sekarang pun kita telah menolak perjanjian yang telah ditetapkan sebab kalau katakan kita setuju dengan Langat 2 esok harga air terus akan menaikkan sampai 75% dari apa harga pada hari ini. Sebab itu sebagai satu kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab dari mula kita kata WSIA ini *Water Services Industry Act* ini yang telah diluluskan oleh Parlimen hasrat

waslah itu ialah untuk industri air di seluruh Malaysia di tiap-tiap negeri Malaysia untuk diambil alih oleh kerajaan-kerajaan negeri untuk diuruskan sebab dengan itu kita boleh menurunkan tarif air dan tak payahlah ada beruntung-untung besar macam syarikat-syarikat Syabas.

Kita janji bahawa pengurusan air kalau dikembalikan balik pada kerajaan negeri Selangor maksimum dia selama-lamanya maksimumnya *for the period* katakan untuk 15 tahun, 20 tahun peningkatan harga air saja 12% sahaja, 12 % berbanding dengan kalau kita bagi peluang untuk SYABAS dan Puncak Niaga untuk ambil alih air. Kenaikan harga air akan jadi dekat 75% dari apa yang kita bayar sekarang. So dengan inilah sebabnya kita tegas di dalam isu Langat 2. Jadi *the only bargaining chip* yang negeri ada sekarang sebab kita boleh apa itu *defend* penduduk-penduduk di dalam negeri Selangor. Untuk makluman ahli Dewan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Puan Speaker ada satu soalan lagi.

TUAN SPEAKER: Ya

YB TUAN LAU WENG SAN: Maksud Yang Berhormat ialah bahawa apa yang dibangkitkan oleh Batang Kali semalam bahawa kerajaan negeri Selangor masih ada hak, itu adalah tidak benar sama sekali. Kerana kerajaan negeri Selangor tidak ada hak dan tidak ada *bargaining power* untuk menolak permohonan kenaikan tarif air ini. Adakah ini *reply* ataupun maklum balas daripada kerajaan? Maksudnya kerajaan tidak ada hak pada masa itu.

Y. B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Sebab konsesi yang telah ditandatangani oleh Kerajaan yang dulu, konsesinya ialah untuk 60 tahun Tan Sri. Konsesinya air dan tiap-tiap lima tahun. Tiga tahun dia ada peningkatannya harga air. Dalam konsesi *agreement*, konsesi *agreement* itu sudah ada sebab itu kita sekarang tak nak meningkatkan tarif air kita berhentikan peningkatan air kalaulah ikutkan konsesi itu kita berhentikan sekarang. *And now* ini ada di dalam Mahkamah dan juga kita telah bincang beberapa kali tentang konsesi ini. Masalah dia ialah konsesi itu telah ditandatangani lama-lama dulu untuk adakan. So untuk kita telah masukkan di dalam kita ada hak, negeri jawapan kepada YB Bukit Tuanku ialah kita ada hak sebagai negeri untuk kita berhentikan kenaikan tarif air di dalam negeri Selangor. Itu memang kita ada.

YB DATUK MOHD ISA B. ABU KASIM: Speaker mohon laluan.

TUAN SPEAKER: Silakan Batang Kali.

YB DATUK MOHD ISA B. ABU KASIM: Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Dan sudah jelaslah apa yang saya dinyatakan semalam adalah benar dan saya nak maklumkan juga pada EXCO walaupun saya bukan EXCO untuk menjawab hal air ini tetapi saya tahu dalam perjanjian itu apabila bab kenaikan air mesti mendapat persetujuan daripada kerajaan negerinya yang memerintah ketika itu sama ada Barisan Nasional ke Pakatan Rakyat ke. Masa itulah mereka berkuasa menentukan sama ada nak lulus ataupun tidak kenaikan air. Jadi kalau macam ini keadaannya EXCO telah pun setuju kita luluskan Langat 2 dengan syarat kita kerajaan negeri macam saya pula

kerajaan, kerajaan negeri dengan syarat kerajaan negeri masih menetapkan syaratan tiada kenaikan harga air. *Win, win* situasi. Itu pandangan saya Puan Speaker.

Y. B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Silap sikit Batang Kali, walau pun ada perjanjian Batang Kali dua-dua pihak kena bersetuju tetapi kita kena bayar sekarang SYABAS ada bil besar dikatakan kita sebagai tanggungjawab kena bayar dan sebab itu Langat 2 kena dijalankan dan juga Labu di mana kita dapatkan konsesi air baru. SYABAS kata negeri boleh ambil 30% tetapi dari 60% itu Syabas tidak nak bayar. SYABAS tidak nak bayar. SYABAS *is the rule company* in di negeri Selangor. *Sorry to you*. Sebab itu kita kena adakan satu fikiran baru tentang industri air di dalam negeri Selangor.

So Yang Berhormat Timbalan Speaker saya nak mintalah semua pihak kalau isu industri air boleh diselesaikan di Johor, boleh diselesaikan di Perak, boleh diselesaikan di Perlis, boleh diselesaikan di Pulau Pinang, di Kedah, di Pahang dan di Melaka. Pasal apa isu air tidak boleh diselesaikan di dalam negeri Selangor. Jawapan ini ialah di bawah tangan Menteri Dato Sri Peter Chin. Kalau menteri pada hari ini bersetuju untuk duduk meja bersama-sama dengan semua pihak gunakan kuasa menteri untuk itu untuk panggil semua syarikat dan kita boleh selesaikan masalah ini 48 jam. Sebab itulah saya minta menteri ini ke kemukakan *interest* dia. Apa pasal menteri sampai sekarang tidak boleh selesaikan masalah air di dalam negeri Selangor? Ada *interest* ke menteri di dalam isu ini? Sebab itu saya ..

YB DATO' MOHAMAD SATIM B. DIMAN: Puan Timbalan Speaker minta laluan.

TUAN SPEAKER: Sri Andalas nak beri siapa? Sebab ini ruang bagi Sri Andalas.

Y. B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya bagi Bukit Antarabangsa lepas itu juga saya bagi juga kepada Ketua Pembangkang.

YB TUAN MOHAMED AZMIN B. ALI: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Puan Speaker dan Yang Berhormat EXCO. Kalau saya boleh faham dengan jelas penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat EXCO sebentar tadi. Yang Berhormat EXCO menegaskan bahawa tidak berlaku krisis air di dalam negeri Selangor. Itu yang pertama kerana kalau kita lihat media hari ini saban hari memaparkan seolah-olah Selangor sedang menghadapi krisis air sehinggakan ada beberapa malam TV3 memainkan berita bahawa ramai rakyat Selangor yang tidak dapat mandi sehari-hari kerana air tidak cukup. Tetapi EXCO menegaskan tidak apa yang berlaku krisis air di Selangor. Yang kedua untuk menyokong hujah Yang Berhormat EXCO tadi, Yang Berhormat EXCO tumpu kepada 3 perkara. Pertama dalam menjawab serangan UMNO ini sebenarnya yang berlaku bukan krisis air. Pertama air mentah mencukupi malahan melimpah ruah di semua empangan di dalam negeri Selangor.

AHLI-AHLI DEWAN: Menepuk tangan di meja.

YB TUAN MOHAMED AZMIN B. ALI: Itu bezanya Sri Serdang air mentah dengan air yang rawat. Air mentah melimpah ruah jadi tidak berlaku krisis air kalau pengalaman saya di Gombak empangan kampung Klang Gate kadang-kadang terpaksa dibuka walaupun tidak berlaku hujan kerana bimbang berlaku kerosakan pada empangan.

Sebab itu kadang-kadang tengah hari pun panas terik pun kami menghadapi banjir kilat tiba-tiba air naik sebab empangan dibuka.

AHLI-AHLI DEWAN: Menepuk tangan di meja.

YB TUAN MOHAMAD AZMIN B. ALI: Sri Serdang jadi hujah EXCO tadi telah air mentah mencukupi itu yang pertama. Apa yang kita hadapi sekarang ialah air yang dirawat, *water*, air yang dirawat bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri itu adalah tanggungjawab SYABAS maka sekiranya berlaku

AHLI-AHLI DEWAN: Menepuk tangan di meja.

YB TUAN MOHAMED AZMIN B. ALI: kekurangan air ialah air mentah, air yang dirawat bukan air mentah. Dan jangan salahkan kerajaan negeri ini bermakna Syabas tidak dapat mengurus projek penswastan ini dengan bertanggungjawab.

AHLI-AHLI DEWAN: Menepuk tangan di meja.

YB TUAN MOHAMED AZMIN B. ALI: Itu yang kedua. Saya bukan menjawab bagi pihak EXCO, saya nak tanya betul atau tidak pemahaman saya. Yang ketiga masalahnya ialah *NRW (Non Revenue Water* di mana berlaku kebocoran paip-paip lama yang tidak diganti, kecurian air oleh individu mahupun industri. Ini sekali lagi bukan tanggungjawab kerajaan negeri tetapi tanggungjawab SYABAS yang tidak mengganti paip-paip lama dan tidak melakukan satu tindakan untuk memantau masalah kecurian air. Menyebabkan 40% air yang dirawat ini tidak sampai kepada pengguna maka saya nak tanya apakah tindakan kerajaan negeri dalam perkara ini? Air mentah mencukupi, air yang dirawat tidak dapat dikeluarkan secara cukup oleh Pengurusan SYABAS ini menunjukkan ketidak bertanggungjawabnya pengurusan SYABAS atau pun cuainya pengurusan SYABAS. Yang ketiga dalam konteks NRW ini apakah tindakan kita. Walaupun ada unsur-unsur sabotaj kita boleh teliti dan nampak secara jelas ada unsur sabotaj sebenarnya terhadap kerajaan negeri Selangor oleh pihak SYABAS menjelang Pilihanraya Umum yang ke 13 ini.

Maka kebimbangan saya bukan sekadar rakyat yang akan menderita, kita juga telah dapat banyak aduan daripada pihak masyarakat perniagaan yang telah membangunkan kawasan pembangunan masing-masing tetapi tidak mendapat sijil daripada Syabas atas alasan tekanan air rendah. Ini aduan yang telah banyak kita dapat di mana sekali lagi SYABAS cuba sabotaj projek-projek pembangunan di negeri Selangor menyebabkan tergendalanya pihak-pihak yang berkenaan untuk membangunkan, sekiranya telah dibangunkan tidak mendapat sijil menduduki kerana tidak mendapat sijil SYABAS. Maka persoalan saya apa tindakan kerajaan negeri dalam perkara ini sementara ada usaha sabotaj oleh SYABAS tetapi kita juga harus menjaga kepentingan masyarakat perniagaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih rancak di Negeri Selangor.

YB DATO' MOHAMAD SATIM B. DIMAN: Puan Speaker boleh bagi laluan.

TUAN SPEAKER: Silakan Seri Serdang.

YB DATO' MOHAMAD SATIM B. DIMAN: Sebenarnya kami faham bahawa air yang kurang itu ialah air yang dirawat oleh Syarikat SYABAS. Tapi saya cuma hendak bertanya adakah tidak penglibatan kerajaan negeri dengan Syarikat SYABAS ini ataupun anak syarikat kerajaan negeri. Andai kata ada penglibatan ataupun saham di dalam Syarikat SYABAS itu mana ada Syarikat Anak Syarikat kerajaan negeri tidak. Bermakna kerajaan negeri juga bertanggungjawab, kerana dia juga memegang saham di dalam Syarikat SYABAS. Itu yang saya nak tanya itu. Kalau ada penglibatan daripada kerajaan negeri sama ada kerajaan negeri sendiri ataupun anak-anak syarikat kerajaan negeri pertama. Yang kedua saya juga nak bertanya andai kata Langat 2 itu dibina sebenarnya selepas itu Langat 2 ini hak siapa? Adakah hak kerajaan persekutuan melalui SPAN ataupun kerajaan negeri? Kalau umpamanya hak kerajaan Persekutuan SPAN umpamanya itu terpulang kepada kerajaan negeri sama ada dia nak menyewa ataupun tidak? Dan berkemungkinan kalau ketika itu ada krisis air yang dirawat ini berkemungkinan kita ketika itu juga boleh dipakai. Ini yang saya maksudkan bukan kerana kita tidak faham sama ada air yang dirawat atau air yang belum. Itu kita faham. Jadi persoalan saya dua adakah penglibatan kerajaan negeri ataupun anak-anak syarikat kerajaan negeri dalam Syarikat SYABAS? Dan yang keduanya andai kata Langat 2 itu diteruskan projeknya hak siapa, sama ada hak kerajaan persetujuan melalui SPAN ataupun kerajaan negeri. Terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih. Kepada Bukit Antarabangsa. Saya ingat kalau pihak SYABAS telah keluaran kenyataan dan mengatakan tidak cukup air dia tidak bagi peluang untuk syarikat –syarikat berkenaan itu bermakna pengurusan-pengurusan SYABAS ini tidak boleh diambil sekarang. Kalau dia buat kenyataan keseluruhan dia orang *cannot handle in water* di dalam Negeri Selangor. Kita sedia untuk mengambil alih kerajaan negeri Selangor untuk teruskan dengan pemberian air pada semua industri dan juga pembinaan yang baru dalam negeri Selangor, tiada masalah. Memang negeri Selangor ada terlibat dengan SYABAS, kita ada 30% *shareholder* bukan *majority shareholder*, kita *main shareholder* dan SYABAS dimiliki oleh 100% Puncak Niaga. *Shareholder* lain yang dimainkan oleh *majority share holder*. 33 loji yang kita ada. 34 loji yang kita ada di Selangor. Negeri Selangor ada 4 lain semua dipegang oleh syarikat SYABAS. Pengeluaran air terawat yang dikatakan oleh Bukit Antarabangsa tadi ditangani dan dipertanggungjawab oleh SYABAS. Soalan yang ditanya kepada SYABAS di dalam 20 tahun ini apa yang *you* buat kepada loji-loji yang ada sekarang ini. Ada baik pulih? *instress capability*? Apa yang telah dibuat sekarang? Fasal apa keadaan kita sekarang macam ini dan kita gantung sahaja kepada Langat 2. Bukan kepada loji-loji yang sudah kita bina lama ini. Adakah *capacity* ... ini ditingkatkan? Tidak dibuat pun sampai sekarang. Itu bermakna SYABAS gagal sebagai satu syarikat air di dalam negeri Selangor untuk pengurusan air di negeri Selangor. Kalau gagal biarkan negeri Selangor ambil alih industri air dari SYABAS dan kita boleh melaksanakan program-program baru dengan perbelanjaan pun kita sedia ada sebab yang kita tawarkan kepada kementerian ataupun kabinet ialah 12.47 Bilion keseluruhan untuk selesaikan masalah air di negeri Selangor. Ini bermakna kita sedia sebagai sebuah kerajaan tanggungjawab untuk alih industri air dan buat apa yang dia hendak sekarang untuk mengatasi masalah air di negeri Selangor. Untuk akhiri

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Puan Speaker saya hendak minta laluan juga.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Andalas beri peluang atau tidak?

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Bermakna kerajaan negeri ada saham 30% dengan syarikat SYABAS. Dan kalaulah! Tak kan pemegang saham tidak boleh bersuara dalam syarikat berkenaan. Sebab kalau untungnya syarikat SYABAS maknanya untung juga pemegang saham. Kalau rugi syarikat itu juga, akan rugi juga pemegang saham, lebih kurang begitu. Lebih kurang begitu. Jadi maksudnya di sini. Pemegang saham juga berhak untuk menentukan sesuatu.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Ingat Seri Serdang ini tidak faham *majority share holder* atau *main share holder*. Apa tentang isu ini?

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Tidak. Saya faham. Saya faham.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Serdang. Biar Seri Andalas memberi jawapan.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Kalau dalam sesuatu perniagaan kalau ruginya syarikat itu pemegang saham juga rugi. Kalau umpamanya untung

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya minta pihak kerajaan beri penggulungan. Ini ruang kepada pihak kerajaan untuk memberi jawapan kepada perbahasan berlangsung selama dua (2) hari. Ini penggulungan kepada soalan-soalan yang dibangkitkan semasa perbahasan. Adakah Seri Andalas memberi ruang kepada Seri Serdang. Teruskan.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Timbalan Speaker, saya minta jalan supaya saya hendak menerangkan kepada Yang Berhormat Seri Serdang supaya dia kalau saya hendak menjawab dia tidak ada pula petang ini. Itu sebab hendak terangkan. Satu perkara yang jelas, satu perkara yang jelas perjanjian-perjanjian penswastan air itu tidak menyelesaikan masalah. Harga-harga air, sebab perjanjian itu ditandatangani dengan mengambil kira bahawa harga-harga air ini akan dinaikkan, itu! Perjanjian. Walaupun kita mempunyai 30% dalam kepentingan tersebut. Perjanjian tersebut tidak menguntungkan rakyat. 70% akan hilang, 70% dari keuntungan tersebut. Jadi sifirnya kita tidak hendak, sifirnya kita tidak hendak, rakyat hilang 70%. Jadi saya cadangkan kepada Kerajaan Persekutuan kita susun semula supaya negeri dapat 100% itu sebab disokong dalam WSIA. WSIA itu akta itu kata ambil 100% supaya jangan 70% cicir. Jadi itu yang saya minta, saya lakukan, saya suruh kerajaan persekutuan. Kalaulah kita naik 70% naik RM1.75, 75sen kalau 40sen kalau 7x7=49 50sen rugi sebab masuk poket orang lain yang sepatutnya kita boleh masukkan dalam poket rakyat Selangor. Kita ahli wakili rakyat Selangor. Kita tidak mahu 1 sen pun rakyat Selangor tertipu atau pun tidak ... itu yang saudara dan saya memperjuangkan.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Saya setuju Yang Amat Berhormat Ijok, tentang penjelasan Yang Amat Berhormat itu cumanya yang saya hendak bertanya ini tadi, pemegang saham itu tadi? Pemegang saham 30% katakan perjanjian memang

telah dibuat. Pemegang saham itu juga terlibat dengan perjanjian berkenaan. Andai kata sesuatu tarif itu andai katalah tiap-tiap 5 tahun hendak dinaikkan tetapi andai kata pemegang saham yang mewakili suara rakyat itu tadi tidak bersetuju pada ketika itu dan hak juga kepada berpihak kerajaan negeri untuk menentukan tarif air itu boleh naik ataupun tidak seperti negeri-negeri yang lain. Di situ juga kepentingan, kalau juga ini berlaku kita pembangkang pun akan sama turut untuk menentukan tarif air ini. Jika tarif air ini naik dan boleh membebaskan rakyat. Itu yang saya maksudkan dan pemegang saham 30% itu Yang Amat Berhormat Tan Sri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ijok maksudnya kalau syarikat untung pemegang saham juga untung. Kalau syarikat rugi pemegang saham juga rugi. Itulah maksud saya.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ini masalah Seri Serdang kalau orang beri untuk berbahas tidak mahu berbahas,

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Itu kefahaman saya.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya mohon semua duduk. Beri pihak kerajaan memberi penjelasan. Seri Serdang duduk.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Timbalan Speaker, pertama ABC Holding kalau saudara mempunyai 70% undi saudara lebih kepada 30%. Dalam undang-undang *share holding the majority in share holder* bila dia kata undi, undi dalam Mesyuarat Agung, yang dia undi 70% kita undi 30% usul dia berjalan...

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Saya faham tentang itu, saya faham. Saya faham.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Serdang, pihak kerajaan belum habis menjelaskan. Duduk. Duduk. Seri Serdang duduk. Saya minta pihak kerajaan menggulung.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Saya pihak kerajaan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: EXCO kerajaan negeri.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Oh! EXCO kerajaan negeri. Belum lagi. Saya pihak kerajaan. Yang Berhormat Timbalan Speaker minta izin sedikit sahaja. Saya dengar tadi

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Puan Speaker, baik-baik Bukit Antarabangsa sudah bercita-cita untuk

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Serdang. Sudah lupa Peraturan.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Saya hendak minta penjelasan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Minta izin daripada Pengerusi.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Saya pun hendak minta penjelasan juga daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Penjelasan tadi saya minta sambung lagi. Tak apa, bagi saya dulu. Saya minta sambung lagi. *(speaker off)*

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Semua soalan boleh ditanyakan? Boleh.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Andalas ini ruang untuk kerajaan memberi penjelasan.

TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya minta Puan Timbalan Speaker untuk habiskan hujah saya. Terima kasih kepada ketua pembangkang. Saya nampak ketua pembangkang sekarang sedia dengan Kerajaan Negeri untuk memberhentikan SYABAS untuk menaikkan taraf air dalam negeri Selangor.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Yang Berhormat EXCO, saya minta izin Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Tapi Yang Berhormat EXCO. Jangan terpedaya

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Saya minta penjelasan daripada

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Nantilah! Dulu.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Saya minta penjelasan daripada, soalan saya belum dijawab

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Saya EXCO yang pertama

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Serdang kalau hendak bercakap itu tunggu pihak kerajaan beri ruang. Ini sebenarnya ruang untuk kerajaan memberi penjelasan.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Penjelasan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Tunggu dulu. Sabar. Semua orang akan mendapat giliran. Lain kali datang penuh baru ikuti perkembangan. Ok, teruskan Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Saya pembahas yang pertama.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa teruskan dengan persoalan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Duduk dulu kalau Bukit Antarabangsa bercakap.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Kenapa pula Bukit Antarabangsa yang suruh duduk.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa telah meminta untuk mencelah.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker cuma saya hendak mengingatkan Yang Berhormat Timbalan EXCO jangan terperangkap dengan kata-kata manis Seri Serdang tadi. Walaupun saya dengar dengan tekun bahawa Seri Serdang sekarang sudah bersedia untuk bersama-sama dengan kerajaan sekiranya ada usaha untuk menaikkan kadar tarif air, maka mereka akan bersama dengan kerajaan menghalang demi kepentingan rakyat. Jangan kita lupa bahawa perjanjian ini ditandatangani oleh pemimpin UMNO sebelum ini. Kenapa sebelum itu tidak menghalang kerajaan negeri Selangor daripada menandatangani perjanjian yang memberi tekanan kepada rakyat. Kenapa baru hari ini baru sedar hendak sokong. Kalau betul ada kesedaran alhamdulillah kita ucapkan terima kasih tetapi jangan main politik dalam Dewan Negeri ini, ya!

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Ini bukan soal main politik. Yang saya tanyakan tadi

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Serdang belum ada meminta kebenaran untuk bercakap. Adakah Seri Andalas membenarkan.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Selepas tahu pemilihan saham-saham yang *majority share holders* dan *main share holders* yang telah difahamkan sekarang. Akhir sekali saya ingin memberi tahu kepada semua pihak di luar. Janganlah! Menjadi budak suruhan kepada pihak SYABAS. Jangan! Sebab ini ialah hak penduduk di negeri Selangor. Air ini adalah satu isu *humanism* hak asasi manusia. So, kita kena lawan sampai kita dapat pengurusan air di bawah tangan kerajaan negeri Selangor di mana kita akan janji pada penduduk-penduduk negeri Selangor tidak akan adakan kenaikan harga air selama-lama. So, dengan itu saya *enough is enough* warga Selangor tetap tidak beralah, akan terus sokong kelebihan Dato' Khalid Dato' Menteri Besar Pakatan negeri Selangor. Lagi kuat kita ditekankan, lagi kuat kita akan lawan sampai kita dapatkan industri air dalam tangan negeri Selangor. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seterusnya, Bukit Lanjan.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Puan Timbalan Speaker saya ingin mengambil dua (2) minit ini untuk menjawab beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Rawang. Rawang antara Yang Berhormat di sini yang mengemukakan isu-isu alam sekitar dan isu-isu hijau. Saya ingin mengucapkan tahniah dan SYABAS. Dan saya harap pada sidang hadapan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat juga boleh mengambil kesempatan untuk membawa isu alam sekitar dan sebagainya. Saya ingin memberi penjelasan YB Rawang telah memberi beberapa cadangan untuk zon hijau. Sebenarnya zon hijau adalah di bawah projek EXCO PBT dan setahu apa yang di maklum kepada pihak EXCO ialah zon hijau asasnya adalah untuk memelihara dan memulihara kawasan taman dan sebagainya. Walau bagaimanapun saya memberi peluang untuk EXCO PBT untuk menjelaskan dengan lebih terperinci. Dua adalah, saya setuju dengan cadangan Rawang supaya kerajaan negeri menambahkan memperuntukkan untuk alam sekitar. Ini ada *soft interst* lah! Bila kita bermula kerja pada tahun 2008 saya hampir menangis hendak jelaskan di sini, hampir menangis saya tengok bajet peruntukan untuk alam sekitar hanya RM200 000.00 sahaja mana kita

boleh jaga alam sekitar di negeri Selangor yang besar sebegini dengan RM200 000.00. Tapi akhirnya Ijok, Menteri Besar Ijok juga menambah sedikit jadi tahun ini ada RM400 000.00 sahaja. Harap tahun akan datang kita boleh mencapai sampai RM1 Juta, RM2 Juta dan sebagainya. Walau bagaimanapun seperti yang di maklum oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk alam sekitar di bawah Geran Selangorku kita ada RM5 Juta tahun ini untuk diberi kepada projek-projek dan program-program yang boleh disyorkan oleh NGO-NGO, penduduk-penduduk, ahli-ahli Dewan Negeri Selangor dan sebagainya. Setakat ini hanya RM200 000.00 diluluskan. RM 200 000.00 daripada RM500 000.00 memang terlalu sedikit tak sampai 5% daripada total jumlah yang diperuntukkan iaitu RM5 Juta. Saya ingin syorkan kepada semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini untuk menggunakan kesempatan untuk membawa permohonan sebagai contohnya Yang Berhormat daripada Kajang dia ada bawa permohonan untuk mengadakan karnival peringkat kampung, di peringkat komuniti masyarakat karnival untuk menyambut hari bumi. Kita hanya lulus pada masa itu saya dimaklumkan RM20 000.00 tetapi program itu memang berjaya pagi sampai petang. Saya harap konsep ini akan juga diambil oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk mengadakan lebih program di peringkat-peringkat masyarakat, kampung tradisi Melayu, Kampung Baru Cina, kampung orang asli dan sebagainya. Peruntukan itu memang ada tapi setakat ini tiada kecuali Rawang. Cuba nasib sekali lagi masuk permohonan sekali lagi tapi dari ADUN-ADUN yang lain tiada. Harap boleh ambil kesempatan ini, ambil dana atau keuntungan itu untuk membuat program-program alam sekitar.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Lanjan. Masa menunjukkan pukul 1.00

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Saya akan teruskan lepas *lunch*.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam di dewan ini telah menunjukkan 1.00 tengah hari, Dewan akan disambung semula 2.30 tengah hari ini. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula. Masa untuk penjelasan daripada pihak kerajaan. Bukit Lanjan.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Timbalan Puan Speaker saya ingin sambung ucapan penggulungan. Program-program yang dijalankan dengan masyarakat tempatan, persatuan-persatuan penduduk, penduduk-penduduk kampung dan lain-lain termasuk program Hari Tanah Lembap Sedunia 2012 di Hutan Simpan Raja Musa, Kempen Kesedaran Pemburuan Haram hidupan liar yang dilindungi, sambutan Hari Bumi dan kempen membersihkan dan memelihara air terjun, Karnival Hijau Alam sekitar bersama Jabatan Alam Sekitar Selangor dan juga program menggalakkan penanaman pokok di sekitar negeri Selangor di mana kita telah mencapai jumlah 600,000 batang pokok yang ditanam sejak 2010 dan sasaran untuk kerajaan negeri adalah untuk mencapai 5 juta pokok di tanam di negeri Selangor dalam masa 10 tahun ini. Pada masa yang sama kerajaan negeri Selangor telah meluluskan Garis Panduan Kejiranan Hijau ataupun dengan izin *Green Neighbourhood Guidelines* yang akan dipantau dan dilaksanakan oleh pihak PBT. Sebagai contoh dan juga PBT yang menjadi peneraju dalam segi ini adalah Majlis Bandar raya Petaling Jaya di mana mereka ada insentif-insentif dalam bentuk pemotongan cukai pintu kalau terdapat pemilik unit-unit *apartment* ataupun rumah yang ada program mengurangkan sisa pepejal menggunakan sistem *rainwater harvesting* atau pun penuaian air hujan menggunakan solar panel dan sebagainya.

Soalan berkenaan kempen kitar semula minyak masak sebenarnya ia merupakan satu agenda yang dirancang dalam Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna di negeri Selangor. Pada tahun lepas seminar kitar semula barang-barang terpakai termasuk kitar semula minyak masak diadakan di 11 DUN yang terpilih di negeri Selangor. Program seperti ini akan diteruskan lagi bagi memberi impak dan juga kesedaran awam tentang isu-isu alam sekitar khususnya untuk kitar semula minyak masak di kalangan para pengguna di negeri Selangor. Kita juga sedang mengukir garis panduan untuk *regulate* atau mengawal syarikat-syarikat yang mengutip minyak masak yang digunakan. Kita ada beberapa aduan yang diterima di mana disyaki bahawa kemungkinan minyak masak yang dikutip itu di kitar semula menjadi minyak masak lagi. Sepatutnya minyak tersebut harus dihantar ke fasiliti-fasiliti untuk di kitar semula menjadi bio diesel. Jadi dalam Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna ini adalah satu isu yang serius dan kita harap dengan garis panduan tersebut yang akan dikeluarkan pada tahun ini kita boleh mengawal syarikat yang mengutip minyak masak yang mana mereka boleh bawa minyak masak itu ke fasiliti yang mana kita juga boleh memberi sesuatu kepercayaan kepada orang-orang yang terlibat dalam program kitar semula supaya mereka tidak rasa *confuse* atau apalah kalau minyak mereka digunakan untuk objektif-objektif lain.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Pandamaran.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Puan Timbalan Speaker saya ucapkan terima kasih kepada semua yang berhormat termasuk Sungai Pelek, Rawang, Subang Jaya, Teratai dan banyak tempat lagi kerana bertanya tentang isu-isu berkenaan PBT. Saya akan pergi dengan sedikit laju kerana banyak persoalan kena jawab.

No. 1 kepada Sungai Pelek dia nak tau *compactor* dibeli dari mana dan sebagainya. Sebenarnya *compactor* ini dibeli dari negeri China secara *direct* dengan izin tanpa orang tengah dengan harga lebih kurang 250,000 sebuah. Kalau melalui orang tengah atau agen sentiasanya harga sebuah *compactor* 320,000 dan kerajaan telah membeli 50 dan menempah 50 lagi *compactor* baru untuk mempertingkatkan perkhidmatan pembersihan awam dan kutipan sampah.

Rawang ingin tanya berapa *committee* atau jawatankuasa telah diadakan di peringkat PBT jawatankuasa OKU ataupun Orang Berlainan Keupayaan. Setakat ini kita ada 12 PBT belum semua lagi telah tubuhkan jawatankuasa OKU teknikal tetapi memang dasar kerajaan negeri memberi galakan kepada semua untuk menubuhkan jawatankuasa teknikal OKU kerana ini adalah satu keperluan dan satu cara yang baik untuk menentukan semua kemudahan awam yang diluluskan oleh PBT adalah *OKU friendly* dengan izin. Dan Rawang juga beri pandangan kepada PBT untuk mengadakan satu konsep baru iaitu zon mampan. Saya rasa cadangan ini adalah baik dan konsep ini akan dibawa ke *STANDCO Committee* akan datang untuk kita kaji bersama-sama kalau ada kebaikan atau keperluan kita akan melaksanakan cadangan Rawang. Dan memang semua PBT telah faham dan telah menjalankan usaha-usaha termasuk *composting* termasuk kitar semula dan sebagainya dan kita bagi peluang kepada PBT masing-masing untuk menggunakan kreativiti masing-masing untuk berusaha dalam aspek ini.

Bagi Subang Jaya nak tanya mengenai *billboard* juga jejantas saya ingin memberitahu dewan ini ialah bagi MPSJ pendapatan melalui *billboard* ataupun *unipole* pada tahun yang lalu adalah seperti berikut. Pada tahun 2009 MPSJ dapat RM66,000 sahaja. Tahun 2010 MPSJ dapat RM512,000. Tahun 2011 naik jadi RM779,750 dan tahun 2012 naik lagi jadi RM966,000 dan memang MPSJ boleh mendapatkan hasil yang lebih daripada *billboard* tetapi memang benar seperti yang dicadangkan oleh Subang Jaya kita tidak menggalakkan mana-mana PBT untuk menambahkan hasil melalui *billboard* sehinggakan ia menjadi satu orang kata yang tutup sini tutup sana sampai tempat yang indah pun kita tutup sampai menjejaskan keselamatan orang awam. Ini tidak akan berlaku.

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Soalan tambahan Puan Speaker. Untuk *billboard* yang telah dibina baru-baru ini yang terletak berdekatan dengan rumah penduduk. MPSJ telah membuat pendirian untuk tidak akan mengubah apa-apa lokasi *billboard* tersebut jadi saya nak tahu sama ada kerajaan negeri akan mendesak MPSJ mengubah pendirian mereka supaya selaras dengan pentadbiran Pakatan Rakyat.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Terima kasih. Puan Timbalan Speaker, sebenarnya sejak 4 tahun yang lalu kita telah adakan satu garis panduan *billboard* yang baru yang digubal di MBPJ dan digunakan oleh semua PBT. Maksud saya semua PBT suka, tak suka kena mengikut garis panduan *billboard* yang sedia ada. Kerana ini garis panduan adalah satu yang praktikal dan adil dan telah di *endorse* dengan izin oleh Persatuan *Billboard* sendiri. Jadi memanglah termasuk MPSJ kena mengikut garis panduan dengan rapi dengan baik. Tidak boleh mengadakan mana-mana *billboard* yang menjejaskan khasnya keselamatan orang awam. Dan untuk cadangan jejantas itu saya bercadang kepada Subang Jaya kos ini atau cadangan ini jejantas yang akan dibuat itu boleh ada permohonan melalui Selangorku di bawah infra sebab saya rasa MPSJ rasa keberatan kerana kekurangan dana. Jadi Selangorku masih ada dana untuk infra. Itu cadangan saya.

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Minta penjelasan. Sebenarnya saya nak tanya sama ada kerajaan negeri tahu permintaan saya telah pergi ke Jawatankuasa Pemandu Selangorku tetapi permintaan itu dihantar balik ke MPSJ. Sudah jelas MPSJ tidak boleh bina saya hantar ke Selangorku, Selangorku hantar balik ke MPSJ. Jadi bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini kerana ini melibatkan isu keselamatan pelajar. Dan kali ketiga saya telah bangkitkan dalam sidang dewan ini. Terima kasih.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Kita akan ambil perhatian dan kita akan bincang lagi di antara pejabat saya dan Jawatankuasa Selangorku. Seterusnya saya ingin memberi jawapan kepada Teratai. Lebih baik saya pergi kepada. Ok Teratai ya. Teratai isu berkenaan bantahan Yang Berhormat Teratai yang tidak diambil kira dalam RT MPAJ 2020. Puan Timbalan Speaker, sebenarnya tempoh program publisiti dan penyertaan awam bagi draf Rancangan Tempatan MPAJ telah dilaksanakan pada 3 November 2009 hingga 3 Disember. Setelah mengambil kira pandangan dan rayuan dari pelbagai pihak termasuk Yang Berhormat Teratai ia telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2009 manakala tempoh penyerahan borang bantahan dilanjutkan sehingga 31 Januari 2010. Jadi sepanjang tempoh program publisiti dan penyertaan awam sejumlah 4228 borang bantahan awam telah diterima melibatkan 5929 orang pembantah yang mewakili individu, persatuan NGO, badan profesional, parti politik dan syarikat. Jadi mesyuarat JK Siasatan dan Pendengaran Awam yang pengerusikan oleh Yang Berhormat Tuan Iskandar bin Abdul Samad telah bersidang sebanyak empat kali. Dan bagi mendengar serta membuat keputusan bantahan-bantahan tersebut. Jadi pada sesi tersebut, juga telah mendengar semua isu-isu yang dibangkitkan. Dan DUN Teratai pada sesi 3 dan ke 4, YB Janice Lee turut hadir pada sesi keempat, dan JBPD Selangor telah menyediakan Laporan Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam yang mengandungi semua bantahan dan keputusan Jawatankuasa. Jadi laporan tersebut dan pindaan Rancangan Tempatan MPAJ telah dibentangkan dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor pada 8hb Februari. Jadi, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah mengesahkan serta meluluskan draf Rancangan Tempatan untuk diwartakan. Manakala pemberitahuan pewarta Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2020 dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor pada 26 Mei tahun 2011, dengan nombor warta 1921. Jadi secara

keseluruhannya proses penyediaan Rancangan Tempatan MPAJ telah mengikut proses perundangan bawah Akta Rancangan Bandar dan Desa dengan mengambil kira semua aspek teknikal dan pandangan serta bantahan pihak awam. Dan isu pengurusan pasar pagi Taman Muda Ampang, saya ucapkan terima kasih atas pandangan dan cadangan YB.

YB PUAN LEE YING HA: Puan Timbalan Speaker, maaf, tadi isu boleh saya perjelas. Mengenai itu draf rancangan. Maksud saya, adalah saya tak nafikan semua ikut proses untuk rancangan tempatan MPAJ, cuma pandangan dari bahagian penduduk ataupun dari pejabat saya tidak diambil kira langsung. Jadi ini kita rasa amat kecewa. Sebab, contohnya untuk tapak pasar pagi adalah banyak penting, satu tapak pasar yang sempurna punya *facility* ataupun yang tidak mengganggu jalan lalu lintas adalah diperlukan tapi langsung tak masuk. Jadi ini kita rasa amat kecewa. Sedangkan kita sudah buat semua kerja, buat bengkel tiga kali, bagi penduduk isu borang, kita pergi rumah ke rumah. Jadi semua kerja kita telah buat, tetapi tidak diambil kira. Jadi kita rasa kecewalah.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Puan Timbalan Speaker, saya bercadang, kalaulah Teratai masih rasa cadangannya memang baik dan praktikal, tak ada masalah. Teratai boleh mengemukakan cadangan semula lagi kepada MPAJ sebab MPAJ masih ada peluang meneliti dan juga memberi pertimbangan dengan ada prosedur termasuk pendengaran awam. Jadi kalau cadangan Teratai boleh diluluskan dalam prosedur ini, jadi cadangan akan diluluskan dan dilaksanakan. Dan seterusnya isu mengenai pengurusan pasar pagi taman Muda Ampang. Terima kasih kepada Teratai. Sebagai makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri Selangor melalui keputusan MMKN bertarikh 23 Mei, telah sekali lagi bersetuju bahawa Pihak Berkuasa Tempatan mengambil alih sepenuhnya pengurusan pasar pagi dan pasar malam. Ini termasuk kutipan yuran dan bayaran. Tidak ada sesiapa lagi selain daripada pegawai PBT boleh menjalankan tugas kutipan. Dan Pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya pada masa ini sedang berbincang dengan persatuan penjaja berkenaan untuk mengambil alih balik pengurusan pasar pagi tersebut. Adalah dijangkakan urusan pengambilalihan ini dapat diselesaikan pada bulan September tahun ini. Dan untuk jawapan kepada Yang Berhormat Hulu Kelang, minta maaf, Hulu Kelang.

YB PUAN LEE YING HA: Puan Timbalan Speaker, mengenai isu pasar pagi tadi. Minta mencelah sebab yang saya bangkit bukan hanya untuk kawasan Teratai sahaja tapi seluruh negeri Selangor. Sebab kita tidak ada satu sistem yang telus ataupun adil untuk semua pemohon tapak dan untuk pengurusan. Jadi satu tender, sistem tender yang terbuka haruslah diguna pakai di kawasan pasar pagi, pasar malam dan juga pengurusan itu perlulah lagi transparansi dari segi permohonan tapak perniagaan atau petak yang diberi, itu saja.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Puan Timbalan Speaker, sebenar, sejak tiga tahun yang lalu, PBT telah mengadakan dasar yang sangat jelas di mana semua pasar pagi, pasar malam kena diuruskan oleh PBT. Tidak boleh lagi memberikan hak kepada orang yang lain untuk pengutipan, untuk kutipan bayaran dan sebagainya. Dan garis

panduan yang jelas telah diberikan kepada semua PBT, seragam, semua yang ikut garis panduan yang sama. Cuma apa yang berlaku di Ampang ini, adalah satu *isolation*. Sebenar semua PBT yang lain telah mengikut cara itu, yang baik. Memang benar, kita perlu ada ketelusan, kita perlu ada pengawalan yang baik, tidak macam seperti dulu.

YB TUAN LEE KIM SIN: Puan Timbalan Speaker, minta penjelasan daripada EXCO.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: EXCO, Pandamaran pilih siapa? Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih. Puan Timbalan Speaker, berhubung dengan kutipan bayaran untuk pasar pagi dan pasar malam, Kajang masih mendapati di sekitar kawasan bawah MPKj, Kajang, masih terdapat pasar malam yang diuruskan oleh persatuan penduduk ataupun JKJK ataupun Jawatankuasa surau dan sebagainya. Jadi kes-kes sebegini masih berlangsung dan setahu saya di MPAJ, ada perebutan untuk menjadi penganjur untuk pasar malam. Jadi keadaan ini nampaknya masih berlaku dan apakah tindakan pihak kerajaan.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Puan Timbalan Speaker, sebenarnya Kajang, sebenarnya macam ni. Pengurusan memang semuanya di bawah PBT, Cuma pengurusan kutipan sampah, di bawah JKJK, ataupun ahli majlis yang ada jawatankuasa ataupun persatuan penduduk. Jadi itu berlainan dengan pengurusan pada keseluruhannya. Jadi cara sekarang ialah kalaulah tempat itu di bawah JKJK, jadi kutipan pembayaran semua terus kepada PBT. PBT tolak apa yang mereka nak tolak dan beri satu *fee* pada jawatankuasa JKJK tempatan itu yang menjaga kutipan sampah. Itulah caranya. Kita membuat demikian, ada kebaikan, ada kebaikan kerana kita faham, memanglah tanggungjawab JKJK ataupun jawatankuasa di bawah ahli Majlis ataupun persatuan penduduk untuk menjaga kebersihan. Tidak macam dulu sentiasanya urusan kutipan sampah pun di bawah orang-orang tertentu ataupun syarikat-syarikat tertentu, ataupun parti-parti politik yang tertentu. Jadi kita sudah elakkan perkara itu dan di bawah JKJK ataupun JKP ataupun persatuan penduduk. Itu pengurusan kutipan sampah sahaja. Jadi jangan salah faham. Tapi kalau masih ada mana-mana tempat pengurusan kutipan wang pun di bawah orang yang lain daripada pegawai, ini harus dibetulkan dengan serta-merta.

YB PUAN GAN PEI NEI: Puan Speaker, nak mohon penjelasan sedikit. Sebab Yang Berhormat Pandamaran jawab, masa kepada untuk jawab untuk Hulu Kelang, saya rasa ada lagi satu isu yang saya bangkitkan dalam perbahasan saya berkenaan dengan Jawatankuasa Bandar Selamat. Yang mana saya mencadangkan sama ada Kerajaan Negeri Selangor mewujudkan satu dana keselamatan di bawah Jawatankuasa ini memandangkan peruntukan yang diberikan oleh KPKT sebelum ini, setakat yang saya faham, mereka cuma beri secara *one-off* sahaja, dengan izin, maksudnya KPKT telah beri sejumlah peruntukan untuk pasang CCTV dan menaik taraf infrastruktur dan sebagainya tapi tahun ini di fahamkan, saya ambil contoh MPS tiada peruntukan langsung, dan cuma ada peruntukan sekitar RM15,000 atau RM20,000 sahaja untuk membuat kajian, tetapi untuk permintaan untuk tambahan infrastruktur keselamatan itu yang tiada. Jadi adakah kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan satu dana khas

yang kita panggilkan dana keselamatan memandangkan keadaan keselamatan sekarang, banyak isu jenayah yang dibangkitkan.

YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Terima kasih, Rawang. Puan Timbalan Speaker, memanglah isu keselamatan menjadi satu isu yang sangat-sangat merunsingkan kita semua. Pada setakat ini semua PBT juga bekerjasama dengan KPKT, dan kita telah ada garis panduan yang jelas mengenai macam mana menjadikan setiap PBT sebagai kawasan yang selamat. Memang ada Jawatankuasa tertentu untuk menjaga benda ini, perkara ini, tetapi memang malangnya sentiasanya dana daripada KPKT tidak mencukupi. Memang benar. Dan kalau boleh, setiap PBT boleh menggunakan dana sendiri untuk menjadikan kawasan masing-masing menjadi tempat yang selamat. Tetapi malangnya, saya bagi contoh di MBPJ yang dikatakan sangat kaya, mereka sedia dan rela menggunakan sebanyak RM6 juta untuk mengadakan pasukan polis bantuan. Tetapi ini hanya boleh diadakan dengan izin Kementerian Dalam Negeri, tetapi malangnya sampai hari ini kita tidak dapat kelulusan. Dan kita telah menubuhkan, mengemukakan sekali lagi, untuk menubuhkan *auxiliary police* ataupun polis bantuan.

Saya balik kepada Hulu Kelang. Hulu Kelang ingin bertanya apa yang berlaku dengan Shah Alam *Walk*, yang di hadapan Quality Hotel. Ini adalah satu projek yang bermula pada tahun 2003 bulan April, dan disiapkan pada Disember juga dalam tahun yang sama. Malangnya apabila projek ini diadakan MBSA secara, mula-mulanya MBSA menerima satu cadangan daripada sebuah syarikat yang dinamakan *Go Green* ataupun GG. Tetapi malangnya MBSA diberitahu pada masa itu, walaupun mereka boleh menerima cadangan GG, tetapi tidak boleh melantik GG sebagai kontraktor, kerana *state* pada masa itu, negeri pada masa itu telah melantik kontraktor yang mereka mahu. Jadi mahu tak mahu MBSA pada masa itu kena menggunakan kontraktor yang dilantik oleh *state* ataupun negeri pada masa itu. Dan MBSA membuat cadangan kepada GG supaya bekerjasama dengan syarikat yang baru itu. Tetapi GG enggan membuat demikian. Tetapi malangnya apabila kontraktor yang baru ini, yang dilantik oleh negeri itu melaksanakan tugas mereka, mereka gunakan semua pelan dan *design* yang sama yang dipersembahkan oleh GG itu. Ini adalah satu di mana hak cipta telah dilanggar dan sebab itu sudah jadi *courts case*. Dan dalam *courts case* itu nampaknya MBSA tidak boleh menang dan terpaksa mengadakan satu *out of courts settlement*, dengan izin. Dan dengan harga, GG meminta lebih daripada RM800,000, akhirnya secara rundingan dan MBSA telah setuju dengan bayaran hanya RM300,000. Jadi MBSA terpaksa nampaknya kerana memang sudah salah, sebab memang tidak boleh menggunakan pelan-pelan sama yang dipersembahkan, yang dibentangkan oleh GG itu. Dan wang ini telah dan akan diselesaikan dalam tahun ini maksud saya pembayaran RM300,000 itu akan dibayarliah tahun ini untuk sebagai satu penyelesaian.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Timbalan Speaker penjelasan, terima kasih. Isu yang juga saya timbulkan adalah tentang kos yang meningkat daripada RM9 juta ke RM12 juta dan kemudian lantikan itu dilakukan secara lantikan terus tanpa tender terbuka, boleh sahkan.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Saya boleh sahkanlah kerana mengikut report laporan yang saya dapat memang kos itu yang dikatakan RM6 juta itu akhirnya menjadi RM9 juta ini perkara yang biasa di zaman pentadbiran Barisan Nasional yang dulu. Dan sekarang juga di negeri di bawah Barisan Nasional perkara ini sentiasa berlaku jadi saya pun hairanlah mengapa orang Kelang merasa hairan ini. Dan *direct nego* itu memang perkara biasa di pentadbiran Barisan Nasional, minta maaf...

YB TUAN LEE KIM SIN: Puan Timbalan Speaker, Kajang ingin minta penjelasan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya silakan Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Baik terima kasih. Kajang ingin minta penjelasan daripada pihak kerajaan dalam kes sebegini apakah tindakan yang akan kerajaan ambil terhadap penyelewengan sebegini. Pertama yang *direct nego*, kedua adakah kemungkinan kita tidak buat pembayaran itu atau pun kita bawa kes ini ke Jawatankuasa Tatatertib atau pun ke mahkamah untuk ambil tindakan, sekian terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Timbalan Speaker, saya rasalah memang Kajang ada *point* dia tetapi bagi saya lebih eloklah kita jadi kerajaan yang baru kita gunakan pendekatan yang baru kita telah mengadakan tender terbuka dan sebut harga dan sebagainya mengikut peraturan. Dan dengan izinlah *no point carrying over spill milk* apa yang terjadi di tahun 2003 nak cari siapa yang bertanggungjawab memang susah di MBSA ke atau pun di negeri kerajaan ke pun bukan senang sebab ini perkara yang sangat-sangat lama. Dan memang kita cuba mengelakkanlah pada masa yang akan datang. Sekali lagi satu kes yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang iaitu ialah mengenai Hulu Kelang katakan MBSA nampaknya tak ada Jawatankuasa Audit. Sebenarnya sejak 3 tahun yang lalu semua PBT telah masing-masing menubuhkan Jawatankuasa Audit termasuk MBSA dan MBSA bagi MBSA Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus Korporat mulai 1hb Disember 2008 dan penubuhannya telah diluluskan melalui Mesyuarat Majlis dan dengan tujuan membantu organisasi mencapai matlamat dengan menentukan keberkesanan proses kawalan dan tadbir urus di Majlis Bandaraya Shah Alam. Pendekatan ini adalah benda yang baru sejak kita ambil alih 4 tahun yang lalu. Pengerusi Jawatankuasa ini ialah seorang Pengerusi Majlis dan dianggotai oleh 8 orang Ahli Majlis yang lain manakala Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar serta Pengarah-pengarah Jabatan, Ketua Jabatan dan Pengurus Pejabat Cawangan hadir untuk menjawab soalan-soalan yang di kemukakan oleh Ahli-Ahli Majlis berbangkit daripada isu-isu yang dibentangkan oleh Bahagian Audit Dalam dan pengaduan awam selaku urus setia mesyuarat. Dan MBSA agak aktif saya bagi contoh 2009 mereka ada 5 kali mesyuarat, 2010, 11 kali mereka bermesyuarat, 2011, 6 kali bermesyuarat dan tahun ini setakat ini 2 kali bermesyuarat.

Dan selain daripada di atas MBSA juga telah menubuhkan 2 Jawatankuasa Audit Dalam yang berasingan untuk membuat auditan untuk perkara-perkara seperti berikut :-

- a) Pembelian 5 buah kenderaan Dymax;
- b) Reka bentuk *Shahwalk* (*Shah Alam Walk*);

- c) Audit forensik terhadap menara-menara telekomunikasi di atas bumbung menara Wisma MBSA.

Dan pengauditan kerap kali dijalankan melalui program-program MBSA seperti berikut :

- 1) 5S;
- 2) MS ISO;
- 3) Audit Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan;
- 4) Pengauditan oleh pihak MAMPU.

Terima kasih.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Penjelasan ya Puan Timbalan Speaker. Isu yang saya timbulkan adalah tentang perkhabaran yang dinyatakan bahawa pihak Audit dalam Audit MBSA tidak dibenarkan mengadakan mesyuarat sebelum mendapat kelulusan pihak pengurusan dan itu isunya. Bukan ada atau pun tidak memang diakui ada cuma adakah benar ceritanya yang mengatakan mereka tidak dibenarkan mengadakan mesyuarat sebelum mendapat kelulusan pihak atas dan akan ada khabar yang perlu disahkan atau dinafikan bahawa Datuk Bandar mengarahkan mereka ini tidak diadakan audit sebelum mendapat persetujuan pihak pengurusan atasan.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Timbalan Speaker saya haraplah khabar ini tidak benar kerana memang pegawai atau pun YDP atau pun *Mayor* Datuk Bandar sendiri tidak ada hak untuk melarang Jawatankuasa Audit dan Korporat ini untuk bermesyuarat, tak ada hak itu sebab ini adalah satu dasar kerajaan negeri sejak 4 tahun yang lalu. Jadi kalau perkara ini berlaku kita akan membetulkan, terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik seterusnya penjelasan daripada pihak kerajaan, Batu Tiga.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Puan Timbalan Speaker terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas input-input yang telah dikemukakan oleh kepada pihak kerajaan yang saya kira selari dan kebanyakannya dalam pertimbangan oleh kerajaan negeri. Terutama kepada Bukit Antarabangsa kepada Rawang yang telah menyentuh Portfolio saya secara langsung. Cadangan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa untuk memasukkan bajet bencana secara tetap telah pun diwujudkan sebenarnya bila mana mulai tahun ini ianya telah pun atau pun kerajaan telah pun menyediakan sejumlah Tabung Wang Amanah Bencana sebanyak RM10 juta yang mana ianya kita telah jangkakan adalah satu bentuk tabung yang kita mahu membuat persediaan lebih awal. Jadi tahun lepas bajet itu telah pun dikemukakan dan duit RM10 juta telah mula ada dalam tabung bencana. Walau bagaimana pun kejadian bencana yang berlaku baru-baru ini iaitu awal tahun ini bantuan yang telah sedia ada kita telah salurkan dari tabung tersebut sebanyak RM8,597,720. Jadi sebab itu satu peruntukan tambahan sebanyak RM6.6 juta di bawah maksud Bekalan B04 adalah untuk memastikan peruntukan di bawah tabung

amanah itu tetap ada secukupnya bagi menampung masa-masa sukar yang akan dihadapi oleh kerajaan negeri Selangor jika bencana yang tidak jangka akan berlaku.

Selain dari itu saya ingin memaklumkan di sini di sudut pengurusan bencana ini juga kerajaan telah mempertingkatkan kecekapan berdasarkan banyak rugutan-rugutan yang berlaku semenjak kita menghadapi banjir yang agak besar bencana baru-baru ini. Jadi atas dasar itu kerajaan negeri telah pun mempertingkatkan keupayaan tersebut di mana Timbalan Speaker izinkan saya jelaskan iaitu satu sekarang ini setiap Pegawai Daerah dibekalkan kad ATM atau pun *Automatic Teller Machine Card* untuk memudahkan Pegawai Daerah mengeluarkan bantuan walau pun pada waktu cuti. Jadi sekarang ini kad itu ada kepada 9 Pegawai Daerah dan mereka boleh mengeluarkan pada bila-bila masa jika berlaku bencana untuk memastikan bantuan kepada rakyat terus sekali. Dan jika jumlahnya agak besar barulah ianya perlu mendapat apa ini mendapat persetujuan daripada EXCO kerajaan negeri untuk dikeluarkan.

Yang keduanya saya ingin memaklumkan ini berita baik kepada semua bahawa kerajaan negeri juga telah meningkatkan sumbangan bencana ini daripada RM300 kepada RM500 memandangkan rizab kita dan hasil daripada negeri telah bertambah. Yang ketiganya kerajaan negeri juga telah menyediakan satu sistem data maklumat yang lebih efisien sebab memandangkan kita lihat apabila berlaku bencana dengan dikumpulkan data daripada Jabatan Kebajikan Masyarakatnya, Pusat Khidmatnya, Pejabat Daerahnya akhirnya mengambil masa dalam 2 minggu atau pun 3 minggu baru kita dapat *reconsult* atau pun memastikan bahawa data ini selari dan seragam. Oleh itu kerajaan negeri telah mewujudkan di bawah sistem *i-workfare* yang mana dalam data dalam masa yang terdekat semua pihak yang berurusan dengan isu bencana ini akan menggunakan satu sistem yang besepadu untuk mendaftar dan memaklumkan isu-isu bencana ini di kawasan mereka secara terus. Jadi *triggersystem* dan sebagainya diwujudkan akhirnya kecekapan pengurusan bencana ini akan ditingkatkan. Jadi di sudut keseragaman borang apa boleh memuat turunkan gambar-gambar bencana dan seterusnya boleh dibuat secara langsung.

Puan Timbalan Speaker bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Rawang dan ada juga sikit yang disentuh oleh Bukit Antarabangsa berkaitan dengan apakah usaha kerajaan negeri untuk mempercepatkan atau pun menyegerakan perkhidmatan pencapaian internet atau Wi-fi percuma yang mana YB Rawang berpendapat sasaran untuk ianya dilengkapkan pada 2015 itu perlu dipercepatkan, sekarang kita 2013 jadi 3 tahun lagi nak menunggu agar jurang pencapaian antara desa dan bandar dapat dikurangkan. Jadi izinkan saya menjelaskan bahawa beberapa langkah yang telah diambil dan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan bukan saja dapat mengurangkan jurang pencapaian internet, kita nak pastikan supaya pelebaran Wi-fi ini dapat dilaksanakan lebih cepat daripada yang dijangkakan. Iaitu seperti berikut cadangan yang atau pun tindakan yang dibuat pertamanya kerajaan menyediakan kemudahan *Wi-fi* percuma yang mana dalam usaha ini kerajaan telah menambahkan peruntukan di bawah Bajet Selangorku sebanyak RM5 juta untuk pastikan ianya dapat dilaksanakan. Jadi dari peruntukan untuk kehidupan jangkaan bandar ini kita telah menyediakan RM5 juta untuk tujuan ini. Jadi kita mengharapkan ia

akan meningkatkan kadar tembusan ICT pada masyarakat awam termasuk di kawasan luar bandar dan kawasan luar liputan. Jadi bukan itu saja yang keduanya kerajaan negeri bagi menentukan lokasi *Wi-fi* oleh kerajaan telah memilih atau pun kita telah membuat satu dasar ya Timbalan Speaker yang mana keperluan dan kriteria yang diambil adalah di kawasan-kawasan yang banyak tumpuan, tarikan dan konsentrasi aktiviti komersial dan aktiviti penduduk seperti lobi atau pun kaunter premis-premis kerajaan, medan-medan selera PBT ini yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Antarabangsa, Bukit Antarabangsa. Yang ketiganya kawasan riadah, taman awam atau dataran awam. Yang keempatnya hub pengangkutan awam seperti terminal bas, kenderaan awam, stesen LRT dan komuter. Yang kelimanya kawasan institusi pendidikan atau pun pengajian tinggi dan kolej. Yang keenam premis perniagaan industri kecil dan sederhana, masjid dan surau, pusat perkhidmatan balai JKK, taman perumahan, premis-premis perniagaan, restoran dan lain-lain lagi.

Pada fasa pertama kerajaan negeri telah pun melancarkan lokasi seperti berikut iaitu di Dataran Shah Alam, Kompleks PKNS Shah Alam, Seksyen 2 Shah Alam, Seksyen 3 Shah Alam, Seksyen 9 Shah Alam yang mana lokasi ini adalah diletakkan di kawasan-kawasan tumpuan gerai makanan. Yang ke-enamnya di Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor, Masjid Bukit Indah Ampang, Bukit DUN Malawati, Sungai Panjang, Bestari Jaya DUN Permatang, DUN Sekinchan, DUN Sabak Bernam, Lobi SUK dan Agensi Kerajaan Negeri. Jadi dalam mengenal pasti kawasan-kawasan yang terpilih bukan itu saja bukan dikenal pasti oleh STANDCO, ICI tetapi kita juga telah baru-baru ini memohon setiap DUN untuk mengemukakan cadangan kepada STANDCO, ICT atau pun Sains Teknologi dan Inovasi bagi memastikan semua mendapat kemudahan ini. Bagi saya wakil rakyat lebih memahami dan mengetahui juga dimanakah tempat-tempat yang patut diletakkan. Dan satu lagi berita gembira, insyallah kerajaan negeri sedang meneliti sekarang ini bagi memastikan kesemua masjid-masjid di dalam Selangor ini juga akan dibekalkan dengan *Wi-fi* percuma. Oleh itu kerajaan ini telah mengambil langkah proaktif dengan menangani supaya celik komputer dan informasi Negeri Selangor dapat disampaikan.

Selain daripada itu, Puan Timbalan Speaker Pusat Cyber Rakyat telah diwujudkan bagi memastikan langkah ini dapat dimanfaatkan oleh semua. Saya ingin nyatakan di sini Pusat Cyber Rakyat ini merupakan satu konsep yang menggabungkan ilmu, maklumat dan pengetahuan dengan menggunakan media yang berbentuk fizikal dan digital dan menjadikan PCR untuk menyebarkan ilmu ICT bagi masyarakat luar bandar terutamanya. Jadi dengan ini setakat 2012 kita telah pun, minta maaf setakat 2011 Disember, 10 lokasi yang telah pun diwujudkan dengan usaha sama dengan Perpustakaan Awam Selangor iaitu PCR Perpustakaan Awam Bestari Jaya, Perpustakaan Klang, Perpustakaan Semenyih, Hulu Langat, Perpustakaan PSR Desa Kampung Melayu Ampang, Gombak, PSR Sultan Abdul Samad Banting, Dewan Kempas MBSA Seksyen 19 Shah Alam, Pusat Komuniti Kampung Kuantan Klang, Perpustakaan Daerah Sabak Bernam, Perpustakaan Daerah Gombak, Perpustakaan Hulu Selangor iaitu Perpustakaan Syed Mashyur Kuala Kubu Bharu. Tetapi tahun ini 5 lagi akan di tambah dan telah usaha di mestikan disempurnakan mana PSR akan dilengkapi keseluruhan logistik atau pun peralatan berkaitan dengan ICT. Jadi salah

satunya permintaan yang diminta oleh Yang Berhormat Rawang sebenarnya telah pun dimasukkan iaitu tahun ini akan menambah 5 Pusat Cyber Rakyat iaitu di Perpustakaan Pekan Dataran Sabak Bernam, Perpustakaan Pekan Rawang, Perpustakaan Cawangan Pelabuhan Klang dan Pekan Sungai Pelek dan juga Perpustakaan Pekan Hulu Bernam. Jadi cadangan untuk diberikan seterusnya yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Rawang yang memberikan komputer kepada semua pelajar-pelajar yang miskin itu saya merasakan bahawa jika kita memberi sebiji komputer kepada seorang ia hanya boleh di manfaat seorang. Tetapi kalau kita membuat satu Pusat Cyber Rakyat yang mana di situ kita membekalkan 10 biji komputer bukan 10 orang tetapi lebih daripada itu yang dapat manfaat. Jadi insya-Allah Pusat Cyber Rakyat akan kita jalurkan supaya akhirnya banyak lagi tempat akan jadi Pusat Cyber Rakyat.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Puan Timbalan Speaker, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO dari Batu Tiga. Saya ucapkan tahniah dan syabas dan terima kasih juga daun keladi kerana telah memasang Wifi di Pekan Sekinchan kerana Sekinchan ini sekarang di perkenan dengan rancak menarik pelancongan. Walau bagaimanapun apa yang saya maklumkan di sini ingin maklumkan sistem yang dipasang ini mendapat banyak aduan. Ia *complaint* malam keadaan yang kurang perkhidmatan aksesnya kurang kuat dan sebagainya. Saya rasa saya minta Yang Berhormat Batu Tiga dapat memberi peruntukan lebih untuk memperkasakan supaya penambah baik kelajuan itu lebih kuat daripada Unifi. Terima kasih.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Puan Timbalan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kita kerajaan negeri mengambil pendekatan Wifi percuma ini bukanlah sahaja untuk perkhidmatan Wifi tetapi kita kena ingat bahawa percuma ini sebagaimana juga kita beri percuma air itu. Kita memberi ada limitnya kalau air 20m padu jadi untuk Wifi kita bagi limit sekadar memang semua orang berhak akses. Kalau mahukan perkhidmatan yang lebih baik memang semua orang berhak akses. Kalau mahu perkhidmatan yang lebih baik seperti Unifi dan lain-lain kenalah *subscribe* sendiri. Jadi untuk menjadikan semua rakyat negeri Selangor memperoleh satu akses kepada Wifi ini kita bagi ini kepada minimum 1GB(Gigabyte) tetapi cukup baik untuk semua boleh akses. Tetapi walau bagaimana pun apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sekinchan, Sekinchan yang sekarang ini bukan sahaja terkenal dengan padinya, tetapi ikan bakar Sekinchan yang telah menjadi masalah sekarang ini tetapi saya mengharapkan

YB TUAN NG SUEE LIM: Saya, saya nak buat... Kampung Tunku saya dulu. Soal ikan bakar Sekinchan tidak kena mengenai dengan Sekinchan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan, bukan Sekinchan yang tentukan siapa yang bercakap. EXCO yang tentukan siapa dia nak. Beri laluan.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Kepada Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Timbalan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Batu Tiga. Saya ingin bertanya ialah kerajaan juga memberi tumpuan yang seadil-adilnya kepada kawasan-kawasan bandar juga dan kawasan-kawasan kos rendah dan kawasan orang miskin di bandar. Jadi apakah pendirian atau pun pendapat Yang Berhormat EXCO adakah kerajaan cuba bersedia untuk membelanjakan peruntukan yang setimpal membangunkan Wifi di kawasan-kawasan bandar khususnya kawasan saya pun ada kawasan Timbalan Puan Speaker pun ada, kawasan, kawasan Batu Tiga pun ada juga.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Kampung Tunku, Timbalan Puan Speaker. Saya ingin menyatakan bahawa apa yang saya nyatakan itu adalah satu usaha *direct* daripada kerajaan negeri. Walau bagaimana pun saya ucap terima kasih kepada PBT-PBT yang telah pun mengambil inisiatif untuk memasangkan Wifi ini secara inisiatif PB. Ingin saya maklumkan seperti kawasan Kampung Tunku, Medan ini telah mula menikmati Wifi percuma ini bila mana pun bersama Majlis Bandar raya Petaling Jaya itu program Wifi tak silap bulan Mac yang lepas bersama dengan satu usaha PMR *Private Funding Initiative* di mana insya-Allah di sekitar Majlis Perbandaran Petaling Jaya akan mendapat 200 *spot Wifi* percuma kepada rakyat. Jadi usaha ini akan diteruskan dan insya-Allah tidak lama lagi di Klang kita akan mulakan *inactive* ini dan apa yang saya ingin nyatakan usaha-usaha untuk memberikan capaian kepada rakyat ini yang saya nyatakan kerajaan kepada PBT dan semua pihak sebenarnya telah pun menjadi satu bual bicara kepada rakyat Malaysia khususnya bila mana kita lihat walaupun Selangor merupakan negeri yang paling padat di Malaysia ini iaitu seramai 5.4 juta rakyat tetapi kalau kita lihatkan apakah yang telah di nyatakan oleh pihak SKMM bahawa Selangor merupakan antara negeri terbaik di sudut capaiannya maknanya ini kerana berdasarkan kalau kita berdasarkan jumlah *population* penduduk Selangor adalah yang pertama. Tetapi bila kita gabungkan dengan semua secara purata Selangor jumlah capaian telah mencapai 75.5%. Yang pertama pastinya Wilayah Persekutuan yang mana 112 kerana populasinya tidaklah sebanyak Selangor. Yang keduanya negeri Perlis, yang ketiga Negeri Sembilan dan yang keempatnya Pulau Pinang. Jadi pada saya walau pun angka ini saya nyatakan tetapi ia tidak menjadi kebanggaan sepenuhnya bagi pihak kerajaan. Yang seterusnya saya ingin nyatakan Puan Timbalan Speaker bahawa Kerajaan negeri juga telah mula memberikan komputer tablet kepada semua Pegawai Kerajaan yang *grate* tertentu M41 ke atas bagi memastikan mereka bekerja dengan lebih cekap dan efisien dan juga dapat melaksanakan polisi daripada pejabat ke rakyat jadi supaya hasrat ini tercapai Kerajaan negeri telah mula memastikan mereka mendapat komputer ini supaya pegawai Kerajaan boleh bekerja dan berkomunikasi dari mana pun mereka berada tidak lagi hanya sekadar pejabat tertentu atau pun dalam pejabat sahaja. Seterusnya saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Rawang yang mana beliau menimbulkan tentang bebas halangan kepada orang kurang berupaya dan persoalannya apakah telah diwujudkan satu jawatankuasa khas teknikal OKU untuk memastikan supaya orang kurang upaya ini dapat menjadi warga negara seperti mana yang lain di mana mereka boleh keluar mendapat semua kemudahan awam dengan baik. Jadi dengan itu ingin saya beri data yang terkini hanya satu sahaja PBT yang

telah mewujudkan Jawatankuasa OKU iaitu Sepang, Majlis Perbandaran Sepang, yang sebelas lain ialah PBT-PBT yang lain semuanya diserapkan di bawah Jawatankuasa Perancangan atau pun Jawatankuasa Bandar Selamat. Kenapa saya bicarakan perkara ini kerana *portfolio* kebajikan sekarang ini memantau secara dekat dari sudut KPI nya bangunan-bangunannya dan juga *mobiliti transport* yang disediakan kepada OKU supaya ingin dapat disempurnakan. Jadi *portfolio* saya lebih kepada arah mengaudit PBT-PBT yang belum melaksanakannya supaya ia dapat dilaksanakan supaya tempoh terdekat dua tahun ini. Kita mengharapkan supaya bebas halangan ini dapat disempurnakan. Jadi itu sahaja Puan Timbalan Speaker, *sorry* dah bertukar dalam masa saya bercakap. Itu sahaja Dato' Speaker, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sila, Cempaka.

YB TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh atau memberi input dengan izin kepada perumahan, perusahaan pembangunan dan setinggan. Di antara yang saya ingin mengucapkan terima kasih ialah kepada Kampung Tunku, kepada Batang Kali dan juga kepada Teratai yang telah menyentuh sedikit sebanyak, Saya ingin membuat sesuatu penjelasan tentang seperkara Tuan Speaker yang dibangkitkan oleh Batang Kali tentang pengurangan cukai pintu dan kali ini adalah cukai pintu bagi pangsapuri kos rendah. Sememangnya Kerajaan negeri telah mengumumkan pada bulan Jun yang lepas iaitu mereka yang tinggal di pangsapuri kos rendah akan menikmati pengurangan cukai sebanyak 25% dan ini kalau kita melihat tentang jumlah unit rumah kos rendah yang terlibat pangsapuri kos rendah yang terlibat adalah sebanyak 201,798 unit yang akan terlibat dan kriteria pemilik kos rendah yang layak untuk memiliki *discount* taksiran tersebut adalah seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar adalah pemilik yang mendiami petak unit rumah di pangsapuri tersebut dan juga pengesahan kelayakan pemilik status pemastautin daripada Ahli Jawatankuasa Pengurusan bersama JNB. Pada Ahli Majlis Perbandaran urusan atau pun MC dan juga tiada tunggakan cukai taksiran pada petak berkaitan. Tentang kos atau pun jumlah pengurangan kita melihat bahawa keseluruhan cukai taksiran yang dipungut bagi keseluruhan pangsapuri-pangsapuri kos rendah bagi seluruh negeri Selangor adalah sebanyak RM23,920,036 dan sekiranya kesemua mendapat pengurangan sebanyak 25%. Ini bermakna bahawa pemulangan yang akan diberikan adalah sebanyak RM5,980,009. Seperkara juga yang telah dibangkitkan oleh Tuan Speaker oleh Kampung Tunku adalah tentang pelaksanaan Skim Ceria di mana saya telah menjawab bahawa di antara penambahbaikan yang telah dilakukan adalah tidak mengehendkan kepada PKNS dan Syarikat-syarikat Anaknya untuk mengendalikan dan menguruskan pelantikan kontraktor dan kerja-kerja tetapi kita membuka lebih luas kepada Lembaga Perumahan Hartanah Negeri Selangor untuk melakukan pentadbiran dan pengurusan dan juga selain daripada itu Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor telah mungkin iklan untuk mendapatkan kakitangan-kakitangan teknikal yang baru seperti Pembantu Jurutera yang dilantik khusus untuk mengendalikan Skim Ceria ini agarnya ia lebih efisien lagi dan selain daripada itu penambahbaikan yang paling memberi kesan kepada penduduk adalah di mana penduduk tidak perlu lagi membayar 5% deposit

untuk kerja-kerja dimulakan. Sebelum ini penduduk kepada bayar 5% deposit sebelum kerja-kerja pembaikan boleh dilakukan tetapi sekarang ini hanya dengan menandatangani akui janji sahaja kerja-kerja baik pulih di pangsa-pangsapuri kos rendah dan kos sederhana boleh dilakukan. Terima kasih kepada Teratai yang telah membangkitkan tentang rancangan tempatan atau pun RTMPAJ yang telah dijawab juga oleh Yang Berhormat Pandamaran tadi tetapi saya ingin membentangkan satu lagi fakta iaitu di dalam pendengaran awam tersebut walaupun beribu-ribu yang telah mengemukakan akan bantahan atau cadangan dari segi isu sebanyak 152 isu telah dibangkitkan dan setelah di bincang Jawatankuasa telah berbincang dan membuat keputusan 87 isu telah diterima dan 65 isu telah ditolak. Ini bermakna majoriti atau pun 57% dari isu-isu yang dibangkitkan telah diterima oleh Jawatankuasa atau pun oleh Kerajaan negeri dan Jawatankuasa Pendengaran Siasatan Awam itu tidak hanya bersendirian melakukan atau membuat keputusan tetapi isu-isu yang penting, isu-isu yang sensitif tidak diputuskan oleh Jawatankuasa tetapi dirujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri dan juga seterusnya kepada Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri untuk membuat keputusan supaya keputusan itu lebih teliti. Terima kasih Batang Kali yang telah membangkitkan tentang....

YB PUAN LEE YING HA: Puan Speaker, minta mencelah. Saya faham apa yang disebut oleh Yang Berhormat tapi masalah kita ialah mungkin di antara yang di terima itu semua bukan dalam Teratai itu masalah. Yang kami pohon itu tapak untuk amat penting untuk penduduk sebab pasar pagi yang ada sekarang semua ada di dalam jalan utama, atau pun di tepi lorong,

YB PUAN LEE YING HA: Tuan Speaker minta mencelah.. Saya faham apa yang disebut oleh Yang Berhormat tapi masalah kita ialah mungkin di antara yang diterima itu semua bukan dalam Teratai, itu masalah. Yang kami pohon itu tapak untuk pasar amatlah penting untuk penduduk sebab yang pasar pagi yang ada sekarang semua adalah dalam jalan utama ataupun di tepi lorong, tepi jalan utama ataupun di dalam lorong . Ini amatlah tidak selesa dan juga bahaya , kalau berlaku kebakaran itu kenderaan bomba itu tidak dapat dimasukkan.

YB TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Seperti mana yang telah dijelaskan sementara tadi oleh Pandamaran bahawa sekiranya Teratai dengan izin *feel strongly* tentang isu ini maka boleh kita mengajukan semula kepada pihak kerajaan negeri supaya dilakukan pendengaran awam semula sebab PBT-PBT telah melakukan pendengaran awam untuk spesifik isu. Isu-isu tertentu, jadi bermakna teratai, YB Teratai boleh mengemukakan pandangan atau cadangan daripada Teratai itu. Tentang kampung, pembesaran kampung ataupun kampung kos kan , apa yang terjadi adalah bahawa pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah mengadakan banyak mesyuarat teknikal bersama dengan JPS, TNB dan SYABAS tentang projek terbengkalai sebanyak 43 unit banglo di kampung kos kan dan kerajaan negeri memangnya mengambil , bukannya kerajaan negeri tidak mengambil peduli sebab kita telah menghantar banyak surat, dan juga telah mengadakan perbincangan, lawatan. Dan kita telah memanggil kontraktor yang terlibat untuk memberi penjelasan iaitu beberapa surat telah dihantar iaitu pada 7 Disember 2011, 26 Mac 2012 dan yang

terkini pada 25 Jun 2011,2012. Keadaan di tapak sedang berjalan dengan amat perlahan , ia telah 80% siap dan menurut terkini ataupun maklumat terkini YB daripada pihak kontraktor bahawa mereka menjangkakan projek ini boleh disiapkan pada Oktober ini . Walau bagaimanapun kerajaan negeri mengambil suatu pendekatan yang pro aktif di mana kita sentiasa memanggil kontraktor tersebut iaitu Ihsan Nibu untuk memastikan kerja-kerja itu dapat dipercepatkan. Terima kasih Tuan Speaker.

YB PUAN GAN PEI NEI: Minta penjelasan sedikit. Berkenaan dengan projek yang bungkus kan, sebab ada penduduk yang juga menduduki rawang yang juga merupakan pembeli untuk rumah-rumah, jadi saya ingin tahu sama ada sebab YB telah menjelaskan tadi bahawa banyak peluang telah diberi kepada kontraktor dan pemaju untuk melaksanakan tanggungjawab mereka tetapi nampaknya apa yang berjalan atas tapak adalah jauh daripada yang dijadualkan. Adakah kerajaan bercadang untuk mengambil alih sebab ini saya difahamkan diluluskan dalam mesyuarat MMKN dalam kerajaan yang lepas maksudnya ini juga atas pengetahuan kerajaan negeri seperti projek di Bukit Botak yang mana GLC yang boleh masuk untuk ambil alih supaya pembeli rumah tidak tunggu lama untuk rumah yang mereka beli ini.

YB TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada rawang. Surat kita yang terakhir kepada kontraktor adalah pada 25 Jun yang lepas jadi kita lihat selepas pertemuan ataupun mesyuarat yang terkini, lepas ni kita ada satu mesyuarat dan kita tengoklah macam mana *progress* atau kemajuan selepas mesyuarat tersebut. Kerajaan negeri sebenarnya banyak pilihan. Di antara pilihannya seperti mana yang kita lakukan, seperti mana yang rawang sendiri tahu iaitu di Bukit Botak dan juga di Alam Perdana di mana kita menggunakan pengambilan tanah, tindakan pengambilan tanah di bawah Akta pengambilan tanah 1960. Tapi masalahnya kalau kita mengambil alih projek ini maka ini bermakna bahawa pemaju akan selamat dan lari begitu sahaja. Jadi kita nak pemaju ini juga melunaskan tanggungjawab mereka, menyelesaikan dan menyiapkan akan projek tersebut. Tapi bermakna bahawa kita tetap akan memanggil mereka berdasarkan kepada surat kita yang terakhir kepada pemaju ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya Kinrara.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima Dato Speaker. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Selangor. Negeri Selangor kekal dan terus menjadi penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia melebihi 22%. Sumbangan yang besar berbanding negeri-negeri yang lain di Malaysia, membuktikan status negeri maju yang dicapai Selangor sebelum ini akan diteruskan dengan prestasi ekonomi yang lebih baik untuk tahun 2012. Ekonomi negeri Selangor dianggarkan terus menunjukkan peningkatan yang sederhana dengan KDNK tahun 2012 diunjurkan mencatat pertumbuhan 5.3% sehaluan dengan persekitaran global dan ekonomi negara luar yang sederhana. Sektor perkhidmatan diunjurkan tumbuh sebanyak 5.4% pada tahun 2012 dengan sumbangan sebanyak 56.4% dengan pecahan KDNK negeri menjadi penyumbang utama negeri. Pertumbuhan sektor ini dijangka dipacu oleh kecergasan aktiviti komunikasi , kewangan dan insurans, perdagangan borong, runcit serta hartanah, dan perkhidmatan perniagaan menggalakkan usaha kerajaan negeri dalam memastikan sektor

perkhidmatan kekal sebagai peneraju utama pertumbuhan ekonomi negeri. Bagi sektor pembuatan pula, pemulihan sederhana yang dialami perdagangan dunia menjangkakan pengeluaran dan jualan sektor pembuatan yang terus meningkat bagi tahun 2012 dengan unjuran peningkatan sebanyak 5.3% dengan sumbangan kepada KDNK 34.1%. Industri pembuatan berorientasikan domestik dijangka berkembang seiring sentimen pengguna dan perniagaan yang baik dengan subsektor elektronik dan elektrik dijangka meningkat dengan peningkatan permintaan bagi kelengkapan elektronik dan semikonduktor. Peningkatan permintaan barangan sumber seperti produk petroleum, kimia, kertas dan plastik serta peningkatan pendapatan boleh guna terutama industri kelengkapan pengangkutan dijangka menyokong pertumbuhan sektor pembuatan terus meningkat. Bagi Januari hingga April tahun ini sebanyak 90 projek perkilangan telah diluluskan oleh kerajaan negeri Selangor dengan nilai pelaburan bernilai 4.548 billion ringgit daripada jumlah keseluruhan modal pelaburan 17.929 billion ringgit yang diluluskan di Malaysia, pelaburan di Selangor merupakan 25.37% daripada jumlah modal pelaburan yang diluluskan oleh MITI atau MIDA. Selangor mencatatkan jumlah pelaburan di tempat ke dua tertinggi selepas Sabah yang mencatatkan pelaburan tertinggi sebanyak RM4.758 bilion ringgit daripada 13 projek perkilangan yang diluluskan. Daripada jumlah modal pelaburan yang diluluskan di Selangor sebanyak RM3.514 bilion ringgit adalah daripada pelabur tempatan dan sebanyak RM1.034 bilion adalah daripada pelaburan asing. Ini menunjukkan, dalam penggal ini yang pelaburan tempatan adalah lebih daripada pelaburan asing. Sebanyak 8836 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan. Dari segi status projek yang diluluskan sebanyak 53 projek merupakan projek baru dengan nilai pelaburan sebanyak RM3.199 bilion ringgit iaitu 70% daripada jumlah pelaburan dan sebanyak 37 projek merupakan projek penambahan atau pengembangan pelaburan dengan nilai pelaburan sebanyak RM1.349 bilion ringgit iaitu 30% daripada jumlah pelaburan. Daripada jumlah ini menunjukkan pelabur tempatan memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi pelaburan di negeri Selangor dan masih berkeyakinan dengan senario pelaburan semasa dan dasar pelaburan yang berkonsepkan mesra pelabur yang diamalkan oleh kerajaan pakatan rakyat. Industri pembuatan barangan kelengkapan kenderaan, mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi dengan nilai pelaburan RM2.227 bilion daripada 16 projek, ini diikuti pembuatan mesin dan peralatan sebanyak RM430 juta daripada 8 projek dan industri pembuatan barangan logam asas sebanyak RM400 juta daripada 6 projek yang diluluskan. Dari segi peluang pekerjaan yang diwujudkan pembuatan barangan kelengkapan kenderaan mencatatkan potensi peluang pekerjaan yang tinggi sebanyak 2821 peluang pekerjaan, diikuti industri pembuatan barangan kimia sebanyak 758 dan pembuatan mesin dan peralatan sebanyak 692 peluang pekerjaan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati dari segi prestasi pelaburan mengikut penyertaan pelabur asing. Pelabur daripada Switzerland merupakan utama dengan nilai pelaburan berjumlah RM246 juta dengan satu projek, diikuti pelabur dari Germany sebanyak RM196 juta dengan 4 projek dan pelabur dari Singapura sebanyak RM130 juta dengan 5 projek. Daripada jumlah tahun 2010 hingga April 2012, negeri Selangor telah menerima 7 projek dengan nilai pelaburan berjumlah RM720 juta yang melibatkan penyertaan pelabur daripada negara-negara seperti Iran, United Arab Emirates dan Arab Saudi. Sebanyak 1 projek melibatkan penyertaan daripada pelabur seperti Arab Saudi dengan nilai pelaburan berjumlah RM2 juta, 2 projek melibatkan

pelabur dari negara UAE bernilai RM16.66 juta, dan 4 projek melibatkan Iran dengan nilai RM38 juta. Dari segi prestasi pelaburan mengikut daerah . Daerah Hulu Selangor mencatat jumlah pelaburan tertinggi dengan nilai pelaburan RM2.129 bilion dengan 3 projek , ini diikuti daerah petaling dengan RM952 juta dengan 38 projek dan diikuti daerah Klang dengan RM834 juta daripada 19 projek. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2012 sebanyak 67 projek telah diluluskan dengan nilai pelaburan RM1.625 bilion. Daripada jumlah ini RM1.326 bilion adalah daripada pelaburan tempatan dan 299juta ringgit daripada pelaburan asing. Sebanyak 7700 dan 6 potensi peluang pekerjaan telah pun diwujudkan. Jadi di sini Ahli-ahli Berhormat yang saya hormati, bagi ada panjang lagi, saya rasa yang saya nak buat kesimpulan , iaitu kerajaan negeri akan teruskan usaha menyediakan persekitaran pelaburan yang kondusif di negeri Selangor dengan mewujudkan suasana pelaburan yang sihat dan menggalakkan pelaburan dengan fokus kepada pelabur yang sedia ada sama ada dalam sektor pembuatan ataupun dalam perkhidmatan. Di sini saya ingin jawab yang tuduhan yang dilemparkan oleh YB Sg. Pelek terhadap saya berkali-kali semalam dalam ucapan ye, yang no 1 ialah tentang sekolah SKJC Chee Min yang mana beliau kata yang sekolah itu tidak begitu perlukan tanah , eh, sini saya ingin jawab ialah sekolah itu memang memohon daripada pihak kerajaan negeri untuk tanah tapi tanah yang dipohonkan oleh mereka itu agar kawasan lapang di pintu besar sekolah itu dan sekolah itu perlukan tanah untuk buat dewan dan kerajaan negeri tidak setuju untuk memberi kawasan lapang pada pihak sekolah kerana orang ramai di kawasan Sg. Pelek perlukan kawasan lapang itu . Itu sebabnya kerajaan negeri mengambil alih dengan menggunakan Akta Pengambilan Tanah untuk ambil satu ekar tanah di sebelah dan belakang sekolah itu bagi pihak pemohon iaitu Lembaga Pengelola Sekolah SKJC Chee Min . Jadi di sini kalau mengikut prosedur kami memang kerajaan yang gunakan akta untuk mengambil alih tanah bagi pihak sekolah, ia memang perlu dibayar oleh pihak pemohon. Ini adalah prosedur tapi dalam sidang akhbar dan juga perjumpaan dengan pihak sekolah, saya juga telah memberitahu mereka kerajaan negeri akan membantu mereka tapi apa YB lihat dalam surat khabar itu, memangnya YB sengaja lupa nak baca yang paragraf tentang yang kerajaan negeri membantu mereka dari segi peruntukan tahunan kepada sekolah rendah cina itu membantu sekolah itu dari segi dari segi mengambil alih tanah. Jadi saya berharap ini YB boleh dapat satu gambaran yang jelas tentang isu ini.

YB TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker .

TUAN SPEAKER: Ya.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Tuan Speaker. Sebenarnya, dalam perbahasan saya, saya tidak mengatakan SKJC Che Min tak perlukan tanah. Boleh cuba baca balik *hansard*, saya tak sebut . Yang saya sebut ialah bangunan SKJC Che Min Sg. Pelek, memang merupakan satu bangunan yang canggih dan bangunan yang canggih ini selain daripada bantuan kerajaan Barisan Nasional dahulu termasuk mengumpul tanah daripada masyarakat tempatan, wujudlah bangunan yang ini. Saya nak tegaskan di sini, apa yang EXCO jawab tadi, memang saya tak sebut. Sekolah itu tidak perlukan tanah, saya nak jelaskan.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih saya terima...

YB TUAN YAP EE WAH: Belum lagi, belum lagi. Beri saya sedikit..

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Belum lagi..

YB TUAN YAP EE WAH: Bagi saya sedikit masa..bagi saya sedikit masa.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Cepat, nanti kita

YB TUAN YAP EE WAH: Bagi saya sedikit masa..

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Menteri Besar ada ucapan penggulungan, lebih penting daripada ni..

YB TUAN YAP EE WAH: Bagi saya sedikit masa, so tujuan saya bahas pada yang semalam adalah memohon kepada kerajaan negeri supaya jangan hanya membeku atau menggunakan Akta Pengambilan Tanah Seksyen 3(1)(A) itu sahaja dan teruskan dengan kerajaan negeri membiayai segala perbelanjaan pengambilan tanah tu, itu yang saya mohon. Itu yang saya mohon. Dan, tambah lagi saya nak tanya semalam ni. Kenapa sidang akhbar ini boleh buat dekat ibu pejabat DAP Kuala Lumpur. Sedangkan EXCO, adalah EXCO kerajaan negeri Selangor. Itu yang saya tak tahu. Jadi..minta..

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Ini pun mahu tanya (ketawa) ?

YB TUAN YAP EE WAH: .. saya minta, EXCO bagi satu penjelasan. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Dia cakap, seolah-olah cakap dengan saya. Kalau tengok dia, dia marah. Sama juga EXCO, cakap, cakap seolah-olah cakap dengan Speaker bukan cakap dengan dia. So dia marah. Itu lah sebabnya kita ada peraturan (ahli Dewan ketawa). Menghalakannya. *Address the Chair, that's your job, address the chair not address the crowd or address the Dewan, address the Chair.* Ya, sila. (ahli Dewan mengetuk meja).

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih, Dato' Speaker. Tuan Speaker, ini memang satu prosedur yang perlu diikuti oleh pihak kerajaan negeri. Yang kerajaan boleh membantu sekolah itu untuk, dari segi bantuan kewangan tapi saya rasa Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang mana yang pemimpin parti Yang Berhormat juga merupakan Timbalan Menteri Pelajaran, jadi saya rasa adalah memang tanggungjawab bagi Yang Berhormat juga membantu sekolah itu untuk mendapat bantuan kewangan daripada pihak Kementerian Pelajaran, yang kerajaan negeri dah melaksanakan tanggungjawab kami dan saya sudah kata kami akan memberikan juga bantuan kewangan kepada pihak sekolah itu jadi saya tak perlu ulang-ulangkan isu ini lagi. Ok?

YB TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker. Mohon celah.

TUAN SPEAKER: Ya, sila.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih, Tuan Speaker. Dalam perbahasan saya, saya ingat, bahawa anggaran Yang Berhormat EXCO kita di dalam kenyataan surat khabar itu adalah lebih kurang anggaran seekor tanah pertanian itu RM300,000. Tetapi dalam 3 tahun yang lepas Tuan Speaker, adalah jual beli, *agreement* itu RM1 juta. Jadi, saya tak tau macam mana kerajaan negeri nak ambil anggaran tanah tu, nilai tanah tu, satu. Nombor 2, kalau buku sahaja dah minta pihak Lembaga Pengurus atau PIBG atau untuk mengutip dana. Itu memang tidak memadai apa yang disebut-sebutkan oleh kerajaan negeri, adil kepada semua dan selalu kata mementingkan pendidikan sekolah cina. Dan, apa yang dijawab oleh EXCO tadi, itulah.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Cukuplah.

YB TUAN YAP EE WAH: Kerajaan Persekutuan perlu bantu, Kerajaan Persekutuan..sekolah..itu yang dia kaitkan macam tu. Saya nak maklumkan di sini, bangunan Sekolah Chee Min, SKJC Chee Min hari ini, cuba EXCO kita pergi tengok baru cerita ada tak MCA bantu, ada tak Kerajaan Persekutuan bantu, ada tak Barisan Nasional dulu bantu. Baru cakap di dalam Dewan. Terima kasih, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Hujah tu betul tak betul saya tak tahu. Cara tu betullah. (Ahli Dewan ketawa)

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Yang Berhormat Tuan Speaker

TUAN SPEAKER: Ya.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Saya nak minta petua, Tuan Speaker. Sekarang ini, penggulangan pendidikan atau pelaburan?

TUAN SPEAKER: Ya. Itu EXCO kena menjawab kenapa, dia orang pula peruntukan pendidikan? (Ahli Dewan mengetuk meja dan ketawa).

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih, Dato' Speaker dan juga Bukit Antarabangsa. Kerana nama saya diheret dalam ucapan dia berkali-kali, jadi saya terpaksa terpanggil..

YB TUAN YAP EE WAH: Saya sebut, *Senior* EXCO. Saya tak sebut nama. Tuan Speaker, saya tak sebut nama.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Dato' Speaker, saya rasa sudah cukuplah kerana Yang Berhormat Sg. Pelek yang dah berulang-ulang perkara yang sama dan kita semua tahu lah yang pihak sekolah ini adalah soal kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia yang memang Kementerian Pelajaran Malaysia memang bertanggungjawab. Jadi, Yang Berhormat Sg. Pelek haruslah berhubung dengan

pemimpin parti dan juga supaya Kementerian Pelajaran juga tolong untuk membiayai yang kos pengambilan tanah itu. Yang keduanya, adalah Yang Berhormat Sg. Pelek juga berkali-kali kata yang kawasan Sepang ini kalau adanya kawasan kubur, kawasan kubur bersepadu, jadi pelabur tidak akan datang. Saya nak membetulkan pandangan ini, kerana setiap kali bila adanya rombongan dari..

YB TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker.

YB PUAN TERESA KOH SUH SIM: Negara asing datang ke Selangor, bila mereka, kami selalu bawa mereka pergi ke Sepang Goldcoast. Sepang Goldcoast, dan banyak rombongan juga berminat untuk melabur dekat sana dan mencantikkan, menjadikan tempat itu sebagai *Malaysia, My Second Home project* mereka, atau kita kata *Retirement Homes*, dekat tempat itu. Dan sini, kawasan daerah Sepang, juga merupakan Klang Valley 2 dalam perancangan negeri dan semua, dan bagi Kerajaan Pusat, ia juga dipanggil sebahagian daripada *Greater KL*, jadi saya nak betulkan yang, ucapan Yang Berhormat Sg. Pelek itu dan juga saya rasa..

YB TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker.

YB PUAN TERESA KOH SUH SIM: ..Yang Berhormat Sg. Pelek juga tidak patutlah. Bila saya pergi ke kawasan Sg. Pelek, yang Persatuan sana kata, mereka kata Yang Berhormat beritahu mereka lepas adanya kawasan tanah kubur bersepadu di sini, semua mayat di seluruh Selangor akan ditanam di Sepang tau. Ini adalah ucapan yang memesongkan fikiran orang tempatan yang diutarakan oleh mereka, saya rasa juga terkejut bila saya dengar ini. Kita mesti tau apa yang dirancangan oleh kerajaan sekarang ialah, untuk 50 tahun yang akan datang. 50 tahun yang akan datang, kawasan daerah Sepang adalah satu kawasan yang memang rancak ekonominya kerana adanya KLIA, adanya banyak pelabur masuk buat rumah, buat *Retirement Homes* dekat sana. Dan juga ada banyak universiti, kolej juga akan dipindah di sana. Di kerajaan negeri kita ada PKNS, Selangor Science Park II, Cyberjaya, semua ada dekat sana. Memang ada satu kawasan dekat sana yang akan rancak ekonominya. Jadi, saya rasa, apa yang kerajaan negeri buat sekarang, juga untuk 50 tahun yang akan datang, penduduk yang bertambah di kawasan daerah Sepang. Jadi saya rasa yang, kalau Yang Berhormat terus mempertikaikan dengan cadangan rancangan, perancangan kerajaan negeri, dalam membantu Sepang untuk dijadikan satu *Centre of Growth* untuk 50 tahun yang akan datang, jadi Yang Berhormat juga akan gagal lah tanggungjawab sebagai Wakil Rakyat yang juga tidak merupakan seorang ada *vision* bagi kawasan daerah Sepang. Saya rasa cukup lah Yang Berhormat Speaker kerana..

YB TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Saya rasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada ucapan yang lebih penting lagi, sekian terima kasih.

YB TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Dah habis dah.

YB TUAN YAP EE WAH: Saya berdiri banyak lama dah.

TUAN SPEAKER: Tapi, masalahnya dia tak bagi. Kalau dia bagi, saya tak ada masalah.

YB TUAN YAP EE WAH: Tak apa, terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Terima kasih.

YB TUAN YAP EE WAH: Ada peluang..

TUAN SPEAKER: Ya, silakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

YAB DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Yang Berhormat Dato' Speaker, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Pertama, saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan semua yang telah memberikan komen dan juga beberapa cadangan dalam usaha membincangkan belanjawan tambahan. Pertama, saya akan membincangkan tentang perkara yang utama dalam belanjawan kita iaitu kenaikan gaji untuk penjawat awam, yang merupakan sebahagian besar daripada belanjawan tambahan ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Bukit Antarabangsa, rakan-rakan daripada Permatang dan juga Batang Kali dan rakan-rakan di sini yang bersetuju bahawa usaha untuk meningkatkan pendapatan penjawat awam adalah penting dalam usaha untuk menentukan pentadbiran dan pembangunan negeri dan negara dapat diteruskan. Saya menyatakan perkara ini sebab saya sendiri terlibat tiap-tiap bulan dalam perjumpaan bulanan yang saya juga mengangkat tangan ikrar penjawat awam walaupun dari segi itu, saya, dalam hati saya setiap saya lakukan perkara itu, saya ingin menjadikan penjawat awam seperti yang dikatakan dalam tanggungjawab mereka supaya *very profesional* dan mempunyai usaha untuk memperbaiki dan membangunkan negeri dan negara. Dan saya dapati dalam kerja-kerja saya, sudah lebih 4 tahun, sokongan daripada penjawat awam adalah sangat penting dalam usaha saya dan saya mendapat sokongan yang baik (ahli Dewan mengetuk meja) walaupun pada awalnya, dia nampak saya agak lebih korporat daripada biasa yang dilakukan tetapi usaha yang saya lakukan ini nampaknya diterima oleh mereka dan itu sebab saudara lihat hari ini perkembangan, pembangunan negeri Selangor juga, perkara-perkara baru yang dikemukakan, agenda-agenda yang telah kita kemukakan adalah hasil daripada penglibatan mereka. Jadi, Geran Selangorku, mereka digalakkan memberikan pandangan dan keputusan, walaupun ada kalanya berbeza dengan pandangan daripada saya sebagai ahli politik, tetapi pada mereka ini penting.

Jadi, itu yang sebabnya saya nak ingatkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat, dalam usaha mengkritik negeri, saudara bukan mengkritik ahli politik sahaja. Saudara mengkritik ahli penjawat awam sebab saya gandingkan mereka sebagai satu usaha mencari keputusan yang baik jadi dengan adanya mereka, pengalaman mereka, dia

boleh jadi berkongsi dengan pengalaman saya dan ahli-ahli EXCO, kita akan dapat satu pengalaman baru yang lebih baik, umpamanya sistem maklumat, mereka terima, mereka terima dengan senang hati supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih cepat dan lebih teratur. Jadi, saya rasa ini sangat penting, saya dapati setengah daripada kritikan yang dibuat itu ada kalanya bukan mengkritik, tujuannya boleh jadi nak mengkritik Menteri Besar ataupun EXCO tetapi yang sebenarnya, tidak, bukan itu.

Jadi, saya nak bagi satu contoh, satu contoh yang boleh jadi berjaya, Yang Berhormat dari Kuala Kubu Baharu yang menyatakan, *if the state is that efficient*, kalau *state* itu cekap, *who knows the individual or group that have been arrested*, maknanya, kenapa dia tau, jawapannya, saudara bukan mengkritik Menteri Besar, saudara mengkritik penjawat awam. Penjawat awam yang tahu seperti yang saya katakan. Yang sebenarnya, penjawat awam memberikan saya nama senarai orang yang ditangkap dan dibicarakan. Tapi, oleh sebab penjawat awam profesional, dia beritahu juga pada saya, 'Tan Sri, ingat, dalam Kanun Tanah Negara, ada Seksyen (19). Seksyen (19) ialah, *Information to be kept secret*'. Jadi, saya kena pandai. Jadi, *careful*. Yang Berhormat daripada Kuala Kubu. Jadi maknanya, bukan dia tak ada, dia ada. Tapi dia ingat, langkah saya menyebut nama-nama mereka yang dalam perbicaraan akan tidak adil juga pada mereka. Boleh jadi mereka dilepaskan kerana sebab-sebab tertentu. Jadi, oleh sebab itu, dia tak nak kita tunjukkan kepada ramai, nama-nama senarai mereka ini. Jadi oleh sebab itu, cukuplah dengan memberikan berapa ramai, berapa tempat dan apa kes. Itu pun dilakukan, bukan di Dewan Negeri tetapi juga Dewan, di Parlimen. Jadi, dia bagi itu. Bukan bagi atas nama. Jadi, oleh sebab itu, saya berharap, perkara ini kita berjaga-jaga. Jadi, saya harap, *New Straits Times* pun sebagai satu antara akhbar yang agak tertua di negara ini dan juga *Editor* nya agak lama, tidak terjerumus dalam keadaan ini. Jadi, itu, lagi, maaf kata, ini kualitinya rendah daripada segi dibandingkan dengan *Straits Times* yang dulu. Jadi, kalau, begitulah keadaannya. Jadi, saya nak ingatkan. Jadi, kita bersetuju, kita bersetuju, kita mesti membetulkan perkara yang betul. Saya berterima kasih kepada rakan saya, kepada Hulu Kelang, berada di landasan yang betul. Jadi saya bawa penjawat awam tu ke landasan yang betul. Kadang-kadang saya juga tidak betul sebab pukul 11 malam saya masih panggil dia lagi. Itu sebab dia sepatutnya saya tidak saya panggil. Saya tanya, kenapa tak buat apa..jadi, maknanya, saya bersama-sama dengan mereka. Nasib mereka tak baik, saya pun kuat kerja juga jadi itulah sebabnya dia tak boleh nak *complaint*. Kalau saya main golf, baru dia cakap, Tan Sri main golf, kita tak ada. Jadi, tak ada saya bekerja bersama-sama dengan mereka. Jadi itu perkara yang pertama. Kedua, saya juga nak membangkitkan isu mengenai Talam yang hari ini Talam bukan lagi namanya Talam tapi *it's a Trinity Corporation* dia boleh jadi mungkin saya tak boleh cakap mungkin taubat jadi saya tak taulah tapi itu Trinity Corporation itu *it's a quite religious* maaf Dato' Speaker saya bukan *that intention* tapi saya nak mengambil masa sedikit sahaja untuk menerangkan saya tidak boleh nak berceramah sebab Sri Serdang lagi tidak hadir lagi dia tak tau besok apa nak saya terangkan walau bagaimanapun tujuan kita ialah untuk Talam ini pertama ialah *debt identification* mengenal pasti yang hutang-hutang ini adalah dibuat oleh Talam itu dipanggil *stage* pertama *it's debt identification* menentukan dan dalam penentuan itu bukan dalam hutang itu ada tulis

Talam hutang begini tapi dia tertulis dalam banyak syarikat dekat anak syarikat hartanah, anak syarikat PNSB, anak-anak syarikat UNISEL, semua itu jadi tujuan kita kalau kita cuba ambil hutang-hutang itu daripada satu-satu tempat agak sukar tapi kita kena kumpulkan dia dipanggil kita *identify the debt* kumpulkan dan untuk pengetahuan Dewan hutang pun ada *class*. Maknanya hutang pertama *class* itu dia ada cagaran apa semua *first class* hutang tapi kalau hutang yang dikatakan *unloan* apa itu tak ada hutang-hutang yang tak ada hutang-hutang biasa yang tak ada cagaran apa semua dia peringkat yang bawah. Jadi hutang-hutang itu ada *class*. Jadi kalau kita kelas yang bawah dah habis bayar hutang-hutang yang lain baru cari hutang itu malangnya kalau syarikat itu syarikat yang tidak berjaya hutang-hutang yang tertinggal itu memang tak di bayar memang tak boleh dibayar dah habis hutang lain dibayar. Jadi itulah sebabnya saudara mendapati satu usul yang di bawa ke Dewan untuk menerima bahawa Talam mempunyai hutang kepada Kerajaan Negeri Selangor RM390 juta yang mana kita serahkan kepada MBI untuk mengutipnya itu sebab ada bila kita Dewan itu sebab Dato' Speaker cuba menunjukkan betapa pentingnya kehormatan Dewan ini apabila Dewan meluluskan bahawa hutang diterima oleh Dewan sebagai hutang Talam kepada Negeri maknanya hutang kita dah *class up* sekali jadi kalau saudara merampas tanah Talam sukar dia hendak menolaknya sebab dia tak bayar hutang. Jadi oleh sebab itu saya letakkan ke tahap yang itu jadi itu saya rasa ada juga pihak dari kumpulan Kuala Kubu tak faham bahawa kita pula yang membayar hutang kepada Talam jadi itu yang saya kurang faham maknanya kita bukan satu sen pun tidak kita terima daripada Talam tapi kita hanya menentukan itu hutangnya jadi jangan di campur dalam kiraan itu jadi bila di campur itu maknanya saya pun tak tau kelulusan *accounting* dia boleh dapat kalau dia *book keeping* saja pun, macam mana dia boleh dia jadikan itu yang saya tak tahu jadi maknanya dia belum guru yang mengajar itu dia tak berapa cekap sikit saja jadi oleh kerana itu saya terima dan ada ditugaskan RM390 juta, silakan.

YB TUAN WONG KOON MUN: Terima kasih kepada Tuan Speaker so saya nak bertanya sendiri bahawa kami adalah wakil rakyat bermakna sebagai wakil rakyat kami mewakili rakyat bermakna rakyat berhak tahu bagaimana penstrukturan Talam dengan Kerajaan Negeri. Saya rasa Wakil Rakyat di sebelah sini pun tak faham kerana Yang Amat Berhormat janji 2009 hendak kemukakan kertas putih 2010 tapi hari ini sudah 2012 kami tak nampak lagi secara terperinci tanah mana Talam kita ambil. Kalau kita pergi laporan daripada Talam Corporation *annual report* itu kita faham bahawa tanah yang kita ambil itu adalah tanah yang tiada nilai, dalam bawah tanah, lompong ataupun lumpur yang sampai hari ini Talam masih ada tanah yang boleh dijual tapi tanah yang strategik saya boleh tunjuk, boleh siapa nak pergi saya terbuka mengapa tanah yang strategik tanah yang baik Kerajaan tak ambil tapi ambil semua kolam, lumpur itu sebab rakyat tanya-tanyakan. Sekian terima kasih. Terima kasih Speaker.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih banyak. Bagus *you* baru *pass standard* satu dulu nanti saya terangkan pertama saya nak tunjukkan jadi yang nak difahamkan jadi ini yang paling penting yang mesti dibangkitkan ada tak kita setuju sebagai Ahli Dewan yang kita mesti kutip RM390 juta dari Talam. Itu sudah diputuskan oleh Dewan dan Dewan juga bersetuju menyerahkan usaha untuk mengutip hutang-

hutang ini kepada MBI itu pun kita setuju dalam Dewan ini jadi maknanya saya hendak terangkan dalam Dewan ini bahawa kita bukan membayar Talam hutang tapi hutang Talam termasuk dalam kiraan kita yang diuruskan oleh MBI. Okey peringkat yang kedua yang itu kita dah bersetuju maknanya *debt identification and debt confirmation* dan perkara yang kedua kita juga menyerahkan kepada MBI untuk mengutip wang-wang tersebut, hutang-hutang tersebut jadi sekarang yang dibangkitkan oleh ramai ialah bagaimana kutipan hutang-hutang itu berlaku, apa statusnya lepas dari itu barulah kita keluarkan kertas putih untuk menerangkan apa yang berlaku, siapa yang terlibat dan bagaimana proses-proses itu dilakukan. Itu yang dia nak tunjukkan. Jadi apabila *debt confirmation* itu berlaku kita ada satu perjanjian dengan Talam dipanggil *what we called main agreement* bahawa Talam bersetuju membayar kepada MBI jumlah RM390 juta dengan memberi *cash* dan juga aset dan Talam juga bersetuju tentang aset-aset yang tidak mencapai tahap yang boleh memberikan RM390 juta aset-aset itu Talam *under right* apa yang dipanggil *under right* itu yang tak dibaca pihak yang mengkaji *under return by* Talam. RM390 million *under return by* Talam. Bukan dia bersetuju tapi dia *under right* jadi kalau saudara hendak ceramah *under right* dan terlalu yang sebenarnya dia akan *guarantee debt* jadi lepas pada itu dia memberikan kepada kita tanah-tanah tersebut dia *under right the value*. Bila dia *under right the value* itu tak ada tercapak bahawa yang saya hendak bangkitkan di sini Kerajaan Negeri tidak ada kena mengena dengan RM1.0 bilion yang dicanangkan oleh pihak MCA. RM1.0 bilion tak ada. Ini RM390 bilion RM1.0 bilion tak ada. Saya pun menunggu sampai hari ini RM1.0 bilion pun tak ada, *ever seen*. Tapi boleh jadi Yang Berhormat dari Kuala Kubu salahkan orang lainlah tak apa, itu saya terima. You salahkan orang lain saya terima tapi saya masih menunggu sebab apa dia katakan Kerajaan Negeri Selangor menyelewengkan RM1.0 bilion itu tohmahan untuk Negeri termasuk saya, penjawat awam termasuk Ahli Dewan semua ini. Jadi saya hendak tunjukkan itu tidak berlaku tapi saudara beritahu itu sebab kita bagilah tahu jadi jawapannya kita dah ada *master agreement* itu baru kita pergi tiap-tiap satu *agreement* jadi kita ini kalau saudara ada masa petang ini saya akan ada *press conference* saya tunjukkan *agreement* satu meja *agreement whole table of agreement* sebab saya nak *check* tiap-tiap kali Talam setuju saya tulis dalam *agreement and* dia punya *warranty* pun ada. Jadi maknanya saya buat supaya tak ada alasan yang TALAM boleh lari-lari. Itu sebab saya buat begitu. Saya suruh *agreement*. Jadi saudara dan saya nak bagi satu contoh yang Sungai Pelek pun juga terlibat. Yang Berhormat, dalam usaha nak menunjukkan Kerajaan Selangor tertipu, membayar lebih lepas tu kasihanlah rakyat negeri Selangor. Jadi oleh sebab itu, termasuk di kawasan Bestari Jaya. Jadi apa tu, yang berlaku ialah dia menyebut, saya nak terangkan ini. Dia menyebut ada 2,260 ekar tanah di Bestari Jaya dan oleh sebab itu, harga tanah yang dia cakap fasal lumpur-lumpur tu, harga tanah RM80.00, RM60.00 seekar RM60,000 seekar dan dibeli oleh Kerajaan Negeri dengan RM80,000 seekar. Jadi itu jawapan dia. Yang dibeli ialah penuh dengan air dan juga lumpur saya tak tahu tapi itu boleh jadi Yang Berhormat Kuala Kubu seorang *Engineer*, tapi boleh tahu tentang lumpur, tapi *that's i'm not sure*. Jadi saya nak tunjukkan untuk Dewan yang sudahnya apa yang berlaku. Apa yang berlaku ialah walaupun dia bagi kita tawar dengan harga RM80,000 seekar dan kita juga ada *second valuation*. Kita tengok ada *valuation* yang RM60,000, ada yang *valuation* yang RM85,000.

Jadi kita tengok, kita tengok, bukan MBI tak tengok, kita tengok. Tapi apa yang berlaku, kita minta anak syarikat kita cuba kalau ada *chance*, belilah tanah ini. Kita bagi *offer* pada dia. Jadi anak syarikat kita, PNSB pergi tengok tanah tu. Bukan dia tak tengok ada lumpur ke. Jadi apa PNSB buat, dia kata dia tak nak beli satu (1)..... 2000 semua. Dia tak nak beli tanah 2000 semua. Dia hanya nak beli ialah 1312 sahaja sebab dia kata, dia tinggalkan 950 ekar sebab dalam kawasan 950 ekar itu lebih daripada 45% tanah itu air. Jadi apa dia buat, dia ambil tanah yang tak ada air untuk dimiliki oleh PNSB. Yang ada air itu ditinggalkan sebab dia kata *you promised* MBI yang ini *you* boleh jual RM80,000, bayarlah pada MBI. Jadi tak adil, *so they have to accept it, they have to accept it*. Dia ambil yang boleh dia hendak dan tak hendak dia pulang balik pada TALAM. Tapi TALAM boleh jadi nasib baik atau pun macam mana dia boleh jual. Dia juga dijual, sekarang ada pembeli untuk kawasan itu. Bukan dengan harga RM80,000 seekar termasuk air. Jadi maknanya daripada segi *valuation* tak adalah timbul masalah saya, kita bagi subsidi apa semua. Itu saya nak terangkan, saudara boleh *check* dan ini..... Saya tak nak terangkan banyak kali, banyak kes yang dikatakan..... Saya tak nak terangkan kerana ini akan membuang masa kerana ini..... Apa yang saya lakukan sebagai..... Ada tiga ahli (3) Lembaga Pengarah MBI, tiga (3) bukan seorang. Saya sebagai Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri. Tiada orang lain, *it's a profesional setup* dan kita *employed profesional*. Jadi saya cadangkan, saya cadangkan sudah kita sudah didatangi oleh dua (2), tiga (3) bulan yang lepas oleh Audit Negara. Audit Negara pergi *review*. Saya pun jemput mereka *to review this* sebab kita bertanggungjawab *to review this*.

Lepas pada itu, sekarang saya akan umumkan supaya saya nak terlalu banyak Akauntan yang boleh, ada yang bertauliah, ada yang tidak. Jadi oleh sebab itu, saya telah akan umumkan lepas Dewan ini kita akan menjemput *five (5) selected international local firm* untuk seorangnya akan membuat *review* kesemua urusan niaga ini dan menentukan apakah keputusan-keputusan yang dibuat dalam menentukan bahawa MBI dapat mengutip RM391 juta ini. Jadi kita akan *review* dan *the review all this international accountant* ini akan kita berikan kepada Dewan supaya tidak ada lagi tohmahan yang cuba mengatakan kita tidak menolong TALAM dan membeli dengan harga yang mahal dan Kerajaan Negeri dan rakyat Selangor telah terpedaya.

Pertama, daripada kosong tak ada hutang, jadi RM390,000.00, RM31 juta. Lepas tu dah ada hutang, nak kritik lagi dan terus kritik dan kita akan tunjukkan hasilnya. Dan untuk menentukan pengelolaan usaha ini, kita juga telah menjemput bekas Akauntan Negara, Dato' Salleh yang saya akan umumkan untuk menentukan kerja-kerja yang dibuat oleh *Accounting Firm* itu bebas daripada pengurusan MBI. Jadi.....

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

YB TUAN WONG KOON MUN: Terima kasih, Tuan Speaker. So saya nak tanya soalan ni. TALAM memang masih letak bawah PN 17. Tetapi selepas perjanjian tandatangan oleh Kerajaan PR Negeri Selangor bahawa syarikat tersebut telah dikeluarkan status PN 17 dan kita difahamkan sebanyak RM266 juta sudah dibayar kepada institusi kewangan itu. Saya nak tanya wang dari mana dan siapa dibayar

wang itu? So kita nak tahu. Kita nak tahu siapa yang bayar? Tadi seperti yang dikatakan Selangor tak ada bayar satu sen pun. Itu sebab saya nak tanya. Sekian.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Saya, saya..... Tak apa, saudara boleh tanya dan audit itu akan menerangkan tentang pembayaran, urus niaga apa semua. Boleh kita jadi bukan kita, kita tak nak menjadikan di sini tempat itu sebab kalau saya nak terangkan satu persatu, jadi perkara ini pun mengambil. Jadi saya, jawapan saya, kita *let the profesional handle the evaluation*. Jadi kalau saya nak mengatakan macam *evaluation* apa tu Kuala Kubu Baharu tadi yang mengatakan penuh dengan apa tu, lumpur, parit apa semua dan ini akan dibincangkan dekat Dewan, saya rasa ini membuang masa saya dan kalau saya jadi konsultan, dia tak boleh nak bayar ini masa yang saya gunakan. Jadi walaupun rakyat tahu, rakyat tidak hendak melihat sebagai tohmahan. Rakyat nak tengok cara yang dibuat tu mesti cara yang betul. Jadi saudara diberi tanah itu berapa harga? Macam mana pembayaran. Kedua, kenyataan saudara, saudara baik nyatakan di luar apa ni..... supaya saudara boleh berhubung dengan *Trinity Corporation* yang mengatakan dari kajian saudara, dari kajian saudara, saudara mendapat kelepasan dari PN 17 hasil dari Kerajaan Negeri Selangor. Saudara boleh buat kenyataan di luar untuk menyatakan perkara tersebut. Jadi saudara kata daripada kajian saya, perkara ini berlaku. Saudara berhubung dengan anu..... kerana nak menolong rakyat Selangor, saudara mengatakan bahawa apa tu, *Trinity Corporation* telah mendapat hasil daripada rakyat negeri Selangor. Boleh tak Yang Berhormat Kuala Kubu buat begitu?

YB TUAN WONG KOON MUN: Terima kasih, Tuan Speaker. Tujuan Dewan ialah tempat untuk kita mewakili rakyat tanya. Saya tak cukup wang untuk bayar *sue*. Itu sebab saya nak cakap sini. Itu *you* kena jawab. Soalan-soalan mudah sahaja. Soalan mudah sahaja. Kalau seorang wakil rakyat, seorang Y.A.B. Menteri Besar yang *settle* RM266 juta. Soalan yang mudah tak boleh jawab di sini. Di mana saya nak soalkan? Seperti mana Y.A.B. Ijok kata, kalau saya sebut di luar nanti kena *sue*. Saya tak mampu bayar, saya tak mampu bayar, itu saya *surrender*. Saya masa banyak tapi wang tak ada. Tak serupa dengan Y.A.B., wang banyak, masa tak ada. Ha, lain.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tadi YB Dato' Speaker, saya nak nyatakan begini. Kebenaran itu benar di dalam Dewan dan juga di luar Dewan iaitu paling penting dari segi kebenaran. Kalau itu benar, saudara boleh nyatakan, tapi jangan gunakan Dewan tempat melempar batu dan menyorok tangan. Itu tak boleh. Itu sebab saya nak katakan tentang ini. Saudara kata Pegawai Kerajaan tak betul, *you* lempar batu. Lepas itu, saya bukan cakap itu, saya hanya cakap dalam Dewan, tak boleh. Itu yang nak saya katakan. Saya akan terangkan. Itu sebab saya minta *Auditor to audit*, terangkan. Betul tak? Apa sebab kalau dia buat? Adakah kerugian kepada Kerajaan Negeri? Apa risiko yang Kerajaan Negeri buat? Semua itu akan diaturkan, bukan boleh jawab sekarang. Sebagai contoh, Seri Serdang tadi, sebagai contoh. Pengalaman dalam korporat. Dia kata 30% kita sama kuat dengan orang 70%. Ha, itu dia cakap, 30% kita dah ada saham. Macam mana pula kita tak boleh untung besar? Kita ada saham. Dia untung, kita untung. Tapi dia kira 30%. Orang lain untung 70%. Yang merana rakyat juga, 70%. Itu saya nak terangkan. Jadi jawapan saya, saya tidak hendak terangkan

sekarang, Jadi saya nak terangkan melalui cara profesional sebab kalau dengan cara profesional, jawapannya bukan dijawab, *you* boleh jadi kata Menteri Besar *defence the thing*, tak ada. Saya suruh profesional supaya dia dapat buat, dia dapat betulkan semua. Jadi maknanya dia boleh tengok sebab buku tu terbuka untuk mereka. Jadi kalau saya suruh juga apa ni, Kuala Kubu membaca pun, boleh jadi Kuala Kubu seperti yang rakan, teman Kuala Kubu yang di sana pun, dia pun tak berapa betul bacaan dia. Itu sebab kita suruh *international accounting firm*. Lepas pada itu, kita boleh buat sidang Dewan. Saudara boleh bangkitkan tetapi kalau saudara mempunyai maklumat setengah di sini, suku di sana, tembak di sana, tembak di sini. Lepas tu tak tahu apa, kita tak dapat penyelesaian. Tujuan kita ialah untuk menentukan boleh tak kita dapat RM390 juta ini dengan secukupnya sebab dulu dia terhutang dengan kita. *That's is our first*. Kedua, tatacara kita buat ini tidak akan merugikan Kerajaan Negeri. Ketiga, kita mesti juga lakukan supaya tiada apa yang penyelewengan yang berlaku dalam perkara ini. Itu ketiga-tiganya mesti kita lakukan supaya kita dapat keputusan yang munasabah.

TUAN SPEAKER: Ya, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut "Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Aturan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan ini pada hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012 dibacakan pada kali yang kedua".

YB PUAN LEE YING HA: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'ya'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'tidak'. Usul dipersetujui. Ya. Permatang, silakan.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Terima kasih, Tuan Speaker. YAB Menteri Besar, saya ingin mohon tiga (3) penjelasan. Pertama, berapakah jumlah tunai sebagaimana disebut tadi? Berapakah jumlah tunai yang telah dibuat bayaran oleh pihak TALAM Corporation kepada Kerajaan Negeri? Bilakah bayaran tersebut dibuat? Atau pun belum dibuat atau pun sudah dibuat? Saya mohon penjelasan sebab dalam penjelasan Y.A.B. Menteri Besar, *stage* yang pertama bayar tunai. Kedua, *swaping* atau pun pengambilan tanah. Ok, bila bayaran tunai itu dibuat dan berapa jumlah yang dimasukkan ke dalam akaun MBI.

Penjelasan yang kedua, saya mohon kepada Y.A.B. Menteri Besar, apabila PNSB dalam taklimat tadi berikan hanya bersetuju beli 1312 ekar sahaja daripada kawasan yang berjumlah lebih 2260 ekar di Bestari Jaya. Yang PNSB bersetuju ialah beli 1312 dengan nilai RM80,000.00 seekar dan totalnya ialah RM104,960,000.00 dalam kiraan sayalah, lebih kurang sebab saya guna *handphone* sahaja sebab tak ada *calculator*.

Tetapi saya harap betullah. Jadi RM104 juta dan saya nak mohon penjelasan dari Y.A.B. Menteri Besar, RM104,960,000.00 ini dalam bentuk tanah. Betul atau tidak? Saya ingat betul sebab ada tanah belum dicairkan.

Soalan saya yang ketiga, penjelasan saya mohon dalam bajet yang lepas, Y.A.B. Menteri Besar beri peruntukan Geran Selangorku RM300 juta daripada MBI yang datangnya daripada kutipan TALAM. Waktu yang sama, aset ini masih berupa aset. Jadi daripada mana datangnya Geran Selangorku, RM300 juta yang dikatakan daripada TALAM. Sedangkan tanah itu masih dalam bentuk tanah yang belum dicairkan lagi. Jadi saya mohon penjelasan. Terima kasih, Tuan Speaker.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Ok. Itu soalan yang dikemukakan. Pertama, bukan sahaja tanah daripada Bestari Jaya iaitu kita ada tanah daripada Bukit Beruntung. Kita ada tanah aset yang sudah dicairkan yang seperti yang saya pada ingat pada tahun lepas orang bertanya berapa jumlah *cash* yang telah didapati oleh Kerajaan Negeri pada masa tersebut? Pada masa tersebut jumlahnya ialah RM50 juta. Lepas, sekarang kita sudah meningkat sehingga hampir RM200 juta. Jadi dengan RM200 juta ini kita boleh gunakan sebab saya telah tunjukkan semasa Dewan yang lepas. Bukan Dewan yang lepas, Dewan yang lepas saya ingat kita ada tunjukkan pameran mana hartanah-hartanah yang kita telah bangun hasil daripada ini. Saya ada tunjuk di depan galeri dan kita ada tender terbuka tentang perkara itu. Dan kita yang sebenarnya seperti yang saya katakan ini saya tidak hendak untuk dibincangkan di sini sebab kita bagi *Panel Accounting* yang buat tu. Nilai kita bukan sekarang kita kutip RM390 juta. Nilai yang sebenar hasil daripada usaha kita ini melebihi RM800 juta. Jadi oleh sebab itulah yang saya hendak itu sebab saya minta Ahli-ahli Dewan masa itu saya buat pameran supaya tengok apa yang berlaku bukan kita dapat sahaja duit hutang itu kita biarkan begitu. Jadi itu sebab saya berani, berani cukup berani mengatakan Geran Selangorku adalah hasil daripada Talam. Tapi saya tidak kata Geran Selangorku ini, kita dapat daripada Talam banyak duit, jadi kena pula orang tanya bahagiannya RM300 ribu, kenapa tak RM300 juta? Kenapa tak RM500 juta? Jadi pening kepala saya juga. Jadi oleh sebab itu saya gunakan perkataan RM300 juta. Jadi, itu kita dibentangkan. Ini semua ini saya rasa akan dibentangkan oleh audit yang kita akan lantik ini. Dia bentangkan. Dia tengok *the fund flow* dekat mana? Berapa bulan? Berapa hari? Semunya. Saya pun sudah dapat maklumat ini tapi saya tidak hendak nyatakan di sini sebab biar *diconfirm* oleh *Accounting Firm*. Yang ini *diconfirm* oleh akauntan saya, akauntan daripada MBI. Jadi pada saya kita tidak boleh menerimanya kerana nanti saudara akan tanya betulkah tidak? Betulkah lagi tidak? Jadi oleh sebab itu kita *confirmkan* dalam kajian yang dibuat oleh mereka.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Terima kasih Tuan Speaker. Boleh saya hendak teruskan sikit lagi pertanyaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kalau boleh untuk berlaku kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tunai yang dibayar RM50 juta kita terimalah dengan baik sangka sudah ada dalam akaun MBI, kita terima. RM104,960 dalam bentuk tanah di Bestari Jaya. Jadi saya hendak minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar teruskan apa lagi aset-aset lain yang dikata di Bukit Beruntung supaya kita dapat satu bentuk, supaya Ahli Dewan

dapat keadaan dan gambaran yang sebenar keadaan itu. Dan tadi pun mengenai Geran Selangorku saya rasa agak samar dengan jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kalau masih dalam bentuk RM104 juta ini masih dalam bentuk tanah, jadi bagaimana Geran Selangorku ini dikatakan dalam Dewan yang lepas kata sudah ada dalam MBI Corporation? Saya teringat Yang Berhormat Gombak Setia pernah bangkit, minta maaf. Gombak Setia pernah bangkitkan dalam MBI tak ada duit ini. Kenapa diumumkan Geran Selangorku yang duitnya tak ada lagi? Jadi perlu diperjelaskan supaya kita jelas. Saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat teruskan. Terangkan selain daripada Bestari Jaya di mana lagi? Bukit Beruntung itu lot yang mana, berapa jumlah? Supaya kita dapat buat notes. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Ok, terima kasih. Itu boleh kita berikan. Saya akan minta akaun memberikan termasuk juga hasil-hasil MBI yang lain. Bukan ini sahaja. Hasil-hasil MBI yang lain yang membawa kepada berlebihan daripada RM300 juta, kita boleh. Itu tak ada jadi satu perkara yang sebab duit itu sudah ada di dalam MBI sebelum kita membuat pengumuman. Jadi itu sebabnya kita telah lakukan. Dan saya, saudara juga, kita ada PNSB ada 2,000 ekar tanah yang kita beli dan PNSB itu membayar kepada MBI. Saudara mesti ingat bila kita bagi pada PNSB, PNSB membayar dalam bentuk duit kepada MBI. Jadi kalau saudara kali begitu, saudara akan dapat angka itu. Itu sebab PNSB membayar kepada MBI. Tanah itu daripada MBI, kita bagi PNBS, PNSB membayar kepada MBI. Dan tanah itu diberi kepada yang umpamanya dari, yang 950 ekar *land value* pembeli Kim Joo Realty akan membayar kepada MBI. Jadi daripada segi *cash* berada di MBI. Jadi saudara kalau tengok pada akaun, dia berada di MBI. Jadi itu sebab saya berani kata fasal RM300 juta itu. Tapi saya akan edarkan perakaunannya supaya dapat dibaca untuk semua orang.

YB TUAN SPEAKER: Batu Caves, ya.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Dato' Menteri Besar. Saya lihat apabila kita terpaksa untuk mengambil *auditor* bebas ini sudah pasti ia akan meningkatkan daripada segi kos pelaksanaan pengambilan Talam ini. Jadi daripada mana duit kita hendak ambil wang ini? Saya kalau boleh cadangkan sebab dah ditimbulkan oleh MCA kita bagi saja pada MCA *bill leader* supaya ia tak mengambil duit rakyat sebagaimana tuduhan yang dibuat oleh MCA sebelum ini.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Boleh jadi Yang Berhormat daripada MCA takkan menjawabnya tapi kalau mereka bersetuju kita, saman kita untuk RM1,000 juta kita, besar harapan kita akan menang dan dia akan bayar pada kita dan itu satu pelaburan yang barulah. Saudara sekalian, saya akan teruskan perkara mengenai UNISEL dan KUIS. Saya hendak bangkitkan perkara ini sebab ramai yang mengatakan tentang apa yang berlaku pada UNISEL sangat menakutkan dan oleh sebab itu kita mestilah, janganlah percaya bahawa UNISEL ini akan terus menjadi sebuah universiti yang menjadi kebanggaan Negeri Selangor. Saudara Yang Berhormat dari Permatang telah membaca akaun 2008, 2009 tapi akaun itu belum diaudit tapi dia dah baca. Maknanya saudara mempunyai maklumat yang belum diaudit. Sebab saya tak suruh audit. *Until we finish the 2000 and 11 account.* Itu sebab saya, apabila saudara cakap

sudah diaudit sebenarnya tidak, dia tak ada. Sebab saya pengerusinya, saya sign *the audit*. Dia tidak diaudit sejak 2007. Dan saya hendak tunjukkan.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Boleh penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar? Terima kasih Tuan Speaker. Dalam laporan audit ini saya melihat Yang Amat Berhormat Menteri Besar sudah menurunkan tandatangan pada tarikh 2hb. Ogos, 2011 juga ditandatangani oleh salah seorang Ahli Lembaga Pengarah, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri dan diperturunkan Pesuruhjaya Sumpah, S.Arosamy. Pada saya, saya menganggap ini laporan yang sudah diaudit dan diturunkan tandatangan oleh Pihak-pihak Berkuasa. Jadi saya rasa saya pun ada integriti dalam mengetengahkan laporan audit yang dibuat ini.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Ok, ada perkara yang saudara belum tahu iaitu walaupun audit akaun itu ditandatangani, dia mesti diluluskan dalam mesyuarat agung syarikat tersebut. *That's the issue*. Dia mesti diluluskan dalam mesyuarat agung. Jadi akauntan yang memberikan kepada saudara itu belum sebab bila diluluskan dalam mesyuarat agung, dia baru ditandatangani untuk dihantar ke CCM. Baru, *for public use*. Jadi integriti saudara juga dipersoalkan dari segi menerima, kalau saudara pakai *corporate corporation* punya akaun, itu boleh. Jadi itu saya hendak beritahu sahaja. Tapi tak apa saudara baca dan akaun itu sudah mula kita ubah. Itu sebab akaun itu tidak serupa dengan akaun saudara.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya tidak dapat laporan ini daripada akauntan yang menjalankan ini. Saya dapat daripada sumber yang saya ada sumber. Bukan daripada syarikat ini tetapi pada saya apabila sesuatu akaun itu sudah ditandatangani, bererti akaun ini telah disahkan oleh Lembaga Pengarah. Sebab yang menandatangani ialah Lembaga Pengarah. Jadi pada saya kalau ada perubahan selepas itu, ini saya fikir tidak ada maknanya sebab ada tandatangan Pesuruhjaya Sumpah yang diletakkan. Bagaimana boleh diubah kalau tak ada kebenarannya.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Saudara lemah dari segi undang-undang, boleh jadi. Sebab dalam mesyuarat agung biasa, dia boleh menolak akaun. Dia boleh menolak akaun juga bila akaun itu ditandatangani *that eve because he has to presented at the anual general meeting to be confirmed*. Dan dalam *general meeting*, ada juga akaun yang tak boleh *diconfirm*. *Then he has to be reauditor*, ada. Jadi saudara itu penting untuk saudara, saudara boleh tanya *secretary of company* yang menjaga syarikat dan juga saudara boleh tanya peguam-peguam dan saya sendiri pernah menjadi setiausaha syarikat Yayasan Pelaburan Bumiputera selama 17 tahun. Jadi maknanya dan *very old member of the secretary* dan itu jadi maknanya bukan untuk *presented to the anual report* dia mesti ditandatangani dan di sil, itu memang berlaku. Jadi itu sahaja hanya pengajaran bukan satu perkara yang perlu tapi bacalah supaya jangan takut besuk akaun yang saudara baca sudah *disign* oleh orang, saudara boleh beli syarikat itu. Lepas itu, bila saudara beli syarikat itu, sekali akaun baru datang daripada syarikat itu tengok *the next asset value is negative*. Saudara belajar daripada usaha tersebut. Jadi itu saya hendak tunjukkan *crateibility is very important*.

Kedua, saya hendak tunjukkan ialah pada sejak daripada 2007 dan keadaan akaun UNISEL ni menurun sebab *expenses* dia tinggi. Antara *expenses* yang besar ialah pinjaman B.O.T, *Bill Operate and Transfer*, maknanya B.O.T. Kalau itu *Bill Operate and Transfer* pinjaman itu besar. Kemudian, kita ada sewa beli pula. Maknanya kita dah buat membayar untuk membina asrama itu kita juga kena membayar, membayar sewa-sewa yang dikenakan untuk menyewa asrama tersebut. Itu pun termasuk dalam akaun UNISEL. Jadi beban UNISEL bukan sahaja beban untuk mentadbir, untuk pelajaran dan operasi tetapi juga beban untuk menampung *capital cost of some of the assets of UNISEL*. Itu ada. Jadi itu kita boleh tunjukkan. Kemudian dan juga hutang kepada kerajaan negeri ...73...sejak daripada 2007, tiga puluh juta tiga ratus enam ribu.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Tuan Speaker. YAB Menteri Besar, kalau dikatakan perbelanjaan itu meliputi juga yuran asrama yang terpaksa dibayar kepada pemegang konsesi, untuk maklumat YAB Menteri Besar yuran tempat penginapan dibayar oleh pelajar. Jumlah, kalau lima ribu, lima ribu orang pelajar lima ribu membayar sendiri penginapan, bukan dibayar oleh pihak universiti. Universiti mengutip yuran dan universiti mengambil bahagian-bahagian yang berkaitan dengan yuran-yuran dibayar diambil oleh universiti untuk tujuan-tujuan yang lain. Tetapi penginapan bukan tanggungjawab Universiti tetapi di *transfer* kan pembayaran itu kepada pelajar, pelajar yang bayar. Jadi kalau pelajar tu cukup atas penginapan yang disediakan kalau ...apa ni...*conventional* menyediakan sepuluh ribu tempat dan sepuluh ribu tempat itu diisi maknanya pelajar sendiri membayar yuran mereka. Jadi tak sepatutnya, itu tetap termasuk dalam tanggungan universiti sepatutnya dalam kos. Saya minta penjelasan.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Saya faham YB. Daripada Permatang arif dalam perkara ini. Nanti saya bincangkan masalah KUIS. YB. Daripada Permatang juga menghadapinya. Jadi itu saya akan terangkan. Saya nak tunjukkan macam manamacam mana YB....saya bincangkan di sini.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tunggu...saya tunggu di sini...

YAB DATO' MENTERI BESAR: Saya bincangkan ini, lepas tu saya bincangkan perkara yang kedua supaya YB. Faham tentang perjanjian yang dibuat. Perjanjian yang dibuat is 100% *occupancy*....100% maknanya kalau orang pun tak duduk kena bayar....100%. Kalau saudara baca perjanjian—perjanjian itu 100% *of occupancy*. Kemudian ada juga perjanjian yang termasuk *maintenance*. *Maintenance* juga....jadi bukan sahaja beban untuk membiayai pembinaan beban juga untuk membiayai penggunaan itu. Jadi kalau kita tolak beban itu dan tahun 2011 kita sudah bersetuju menolak beban itukita telah bersetuju. Kita ambil 200...100 pinjaman VOD, 227 juta itu kita tarikkita tarik daripada akaun. Itu sebab saya tak tunjukkan saudara akaun...apa tu...itu sebab saya tak “*approve*” sehingga akaun 2011 disatukan. Itu sebab...saya daripada pegawai Korporat, saya tahu dia punya anu tu disatukan....jadi saya nak tunjukkan sekarang dulu “*share holders fund*”....jadi kalau saudara tengok “*share holders fund*” pada 2010 pada 2007 lapan juta kemudian 2008 turun enam juta

apabila kita kena beban membayar banyak daripada segi asrama dan apa tu...*loan* beban itu kita sudah "*share holders fund*" telah menurun *minus....minus* enam juta...enam juta. Lepas tu pada 2010 *minus forty five million*. Pada 2011 dan saudara boleh tengok akaun tu pada 2011, kita do *restructure*, kita penyusunan semula UNISEL. Sekarang kalau saudara baca akaun boleh jadi yang dibagikan pada saudara dengan akaun yang saya ada pada saya sekarang akaun 2011 UNISEL *positive fifty five million* sebab Kerajaan Negeri ambil semua hutang-hutang tu untuk dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Jadi apa jawapan kita. Untuk menentukan UNISEL beroperasi, *all capital cost...all capital cost borne by the state*. *Operational cost* dibiayai oleh operasi Universiti. Maknanya dia dapat duit daripada pelajar dia gunakan duit daripada pelajar itu dengan pembayaran kepada pensyarah, gaji, *maintenance* dan seterusnya. *All capital cost*. Jadi tidak lagi universiti mempunyai beban. Jadi maknanya universiti UNISEL akan mula menunjukkan pertumbuhan dari segi pulangan. Kita tidak hendak duit daripada UNISEL tapi kita mahu UNISEL beroperasi dengan betul. Kita tidak pula hendak kita ambil bagi dia duit lepas tu dia tidak menjalankan tugasnya. Jadi oleh sebab itu dia kena mengajar betul dekat universiti dan dapat menarik ramai pelajar dan pendapatannya akan membiayai operasi Universiti. Itu yang kita telah lakukan. Dan saudara akan lihat iniitu sebab....dan kita telah *restructure*, kita beli balik *loan* itu...kita beli...kita beli oleh Kerajaan Negeri dan tahun depan saudara juga akan dapat bajet peruntukkan untuk membiayai...apa ni...UNISEL...kita dah mula *start* sepuluh juta...dah kita mula *start* mengambilnya dalam akaun Negeri dan ini tidak membuang *reserve* kita ini sebagai satu daripada usaha yang kita teruskan. Jadi jangan memberi tomanan bahawa kerajaan negeri membiarkan UNISEL...tak ada...tak ada...jadi saya dah tahu saudara boleh jadi setengah membaca akaun.....saya dah tahuitu sebab saya tunggu sampai Dewan saya ubah akaun. Jadi *you learn from a corporate map*. Jadi....saya boleh ubah. Maknanya akaun itu boleh diubah untuk mengubahsuaikan supaya kita akan dapatJadi apa yang jelas dalam perancangan yang dibuat sebelum 2008 tidak mengambil kira beban yang dihadapi oleh UNISEL dalam usaha pembiayaan *capital asset*. Itu yang masalah yang terbesar.....*Capital Asset*. Dan *Capital Asset* inilah yang menyebabkan UNISEL tidak dapat beroperasi dengan betul. Walaupun kalau saudara baca akaun UNISEL wang di tangan....ada akaun UNISEL...wang di tangan.....wang di tangan antara 68 juta ke 23 juta maknanya wang di tangan itu ada. Tapi *cash flow* tak cukuplah dia boleh gaji boleh bayar apa semua tapi hutang macam sepuluh juta untuk membiayai *borne* tak boleh bayar. Dua puluh juta untuk faedah tak boleh bayar. Itu ada. Jadi bererti....saya nak nyatakan di sini itu sebab Kerajaan Negeri mula menyusun semula akaun ini. Dan YB dari.....dari...apa tu....

TUAN SPEAKER: Sri Muda.....

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI: Terima kasih Ijok. Tadi YAB ada menyebutkan tentang permasalahan yang berlaku di UNISEL. Persoalan saya ialah apakah yang berlaku itu yang tidak diaudit ini ada disebabkan oleh salah pengurusan semasa zaman dahulu dan apakah yang...pada pandangan YAB ianya disebabkan oleh penglibatan daripada Permatang sendiri yang menyebabkan keadaan itu menjadi lebih bercelaru dan menimbulkan kesan buruk kepada UNISEL.

YAB DATO' MENTERI BESAR: YB. Sri Setia, tadi...Permatang dalam penyediaan akaun ini, Permatang tidak terlibat dalam UNISEL, dia terlibat dalam KUIS. Itu tak apa.....UNISEL pada saya tak ada ...dia tak ada...tak ada....daripada segi KUIS....daripada segi UNISEL tak ada.....Jadi walaupun dia wakil.....wakil Dewan di kawasan tersebut....itu saya.....jadi dia tak ada....jadi apa yang kita belajar daripada sini kita kena susun semula supaya dia lebih cekap, lebih efisien dan lepas tu kita akan pantau dari segi kualiti, pendidikan kualiti yang berlaku. Dan pada saya dalam tiga bulan ke lima bulan pada tahun 2012 UNISEL telah menunjukkan pertumbuhan pelajar yang sangat menggalakkan sehingga operasi dia akan menguntungkan. Itu saya boleh kata sekarang.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Tuan Speaker. YAB Menteri Besar saya rasa akaun yang ada ni tak betul. Cuma YAB Menteri Besar sebut tadi ia jadi positif kerana ada pelan penyelamat yang dibuat Kerajaan Negeri. Yang itu pun tak ada kesalahan. Pada saya kalau universiti ini nak di selamat olehnya sepatutnya. Itu betul. Sebab dengan membuat *restructure* balik, *borne issuance* dan sebagainya itu pelan penyelamat yang datang kemudian. Hakikatnya, realitinya memang berjalan perkara ini betul. Penyelamatnya datang kemudian dan di selamat oleh Kerajaan Negeri dan saya rasa itu sepatutnya. Dan tidaklah menyebabkan itu menjadikan tiba-tiba akaun menjadi positif kerana pelan penyelamat sahaja. Kalau itu YAB bersetuju dengan hujah saya, saya boleh terima. Kerana ada pelan penyelamat dalam Kerajaan Negeri dalam bentuk *capital injection* ataupun *bond issuance* dan sebagainya *reception* syarikat yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri, itu betul. Dan saya terima kalau itu berupa akaun yang positif kemudiannya tetapi hakikatnya yang sebelum ini tetap betul.

YAB DATO' MENTERI BESAR: YB Dato' Speaker, soalan kedua yang saya ingin jawab daripada Seri Setia...apa....Seri Muda....yang...yang...akaun yang saya nak terangkan boleh jadi akauntan yang jaga dia tidak....aa...tak betul. Jadi maknanya dia punya buku kira-kira....sebab kadang-kadang kita pilih orang yang tidak mempunyai keupayaan dari segi itu. Kedua saya harap Permatang bersetuju dengan saya. Saya membetulkan iniperkara ini bukan hanya berlaku pada 2008. Perkara ini sebelum 2008. Kontrak-kontrak ini berlaku sebelum 2008. Banyak lagi perkara-perkara yang menyebabkan UNISEL ini menerima beban yang saya masih uruskan lagi. Kalau bangunan tu boleh dibuat dengan harga lima ratus juta, dibuat dengan tujuh ratus juta. Jadi kosnya berlebihan tetapi *value for money* tak ada. Itu masih lagi kita buat ukuran. Jadi kita harap kita akan dapat selesaikan. Pada saya sebagai operator yang menjaga ni saya ambil, ambil peluang untuk menyelesaikan masalah fundamental. Buat dia supaya dia dapat berjalan berterusan baru selesaikan masalah-masalah penilaian dan seterusnya. Jadi itu telah saya lakukan. Untuk KUIS, untuk KUIS juga menghadapi masalah ini. Jadi saya diberitahu pada 2005, pada 2005 KUIS juga ada *bill corporate and transfer*. Satu pembinaan asrama dan...dan...dan...syarikat yang ada *paid up capital* of enam juta, *six million*, itu antara KUIS dengan RRSB dan nota yang diberikan oleh MAIS dan KUIS kepada saya ialah yang memilikinya ialah YB. Dato Sulaiman Razak ADUN Permatang mempunyai saham 90%, Puan Jamilah Kamarul 10% tapi

urus niaga ni betul ada *agreement* apa semua....tapi saya nak ingatkan kesan daripada itu juga akaun KUIS juga tidak dapat membayarnya. Jadi saya telah cadangkan untuk beli dari pemilik itu dengan harga yang berpatutan supaya yang pengusaha itu tidak rugi dan KUIS tidak juga menerima beban daripada usaha tersebut.

Sebab KUIS juga dalam keadaan itu, jadi kita beli maknanya kalau kerajaan meminjam kadar faedahnya murah sedikit. Kalau orang persendirian ataupun syarikat-syarikat meminjam kosnya tinggi. Kedua dan keuntungannya itu pun boleh diperbincangkan, jadi oleh sebab itu saya harap semua pihak akan bekerjasama supaya konsesi *agreement* ini dapat diselesaikan supaya kos itu tidak memberi beban yang sangat besar kepada KUIS.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker terima kasih. Yang Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Dewan walaupun Bukit Antarabangsa dia ada sebut, Meru pun tayang-tayang gambar daripada parti Keadilan punya laporan. Saya semalam membuat penghujahan memang saya tidak nak sebut perkara ini. Sebab saya nak tahu apa maklumat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, biar kita berhujah secara berdepan *I hear to give the answer* kalau perkara yang katakan oleh suara keadilan, saya cukup kesal Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ini peluang saya *ground* yang saya nak gunakan, walaupun ini telah dikeluarkan oleh Rafizi Ramli. Kenyataan akhbar ini pada 3 Mei 2012, 2 Mei saya cukup rasa terhina dengan kenyataan ini. Kerana apa kerana semua fitnah yang dilempar kepada saya ini dikeluarkan atas nama parti keadilan rakyat. Saya mengambil masa berdiam diri nak mengambil peluang di dalam dewan yang mulia ini sebab saya ahli dewan.

Yang kedua cukup menjejaskan reputasi saya sebagai ahli perniagaan dan juga sebagai wakil rakyat. Saya berasa amat sedih kerana fitnah ini disokong oleh Selangor Kini yang merupakan surat khabar rasmi Kerajaan Negeri yang dinaungi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan dimasukkan dalam perkara 4 ini Selangor Kini bertarikh 11 hingga 18 Mei 2012 dimasukkan dan diedarkan di seluruh negeri. Dan radio-radio buruk Pakatan Rakyat datang ke kawasan saya dan berhujah bahawa saya mendapat keuntungan berlipat kali ganda. Saya nak sebut pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam apa yang Rafizi sebut Yang Amat Berhormat kata ini saya lagi teruk akauntan mana dia dapat sijil. Rafizi Ramli Yang mana dalam laporan dia sebut keuntungan yang saya terima *the total revenue* RM508 juta tolak dengan kos pembangunan RM96 juta. *Loan* yang saya dapat RM126 juta saya sudah dapat keuntungan RM30 juta percuma apabila *loan* tolak dengan kos.

Dan dia mengambil pengiraan saya mendapat keuntungan 300 lebih peratus dengan mengambil kira total *revenue for the hole* 33 tahun tolak RM96 juta RM508 tolak RM96 juta dibahagikan dengan bentuk peratus akhirnya saya dapat keuntungan RM300 juta. 300 peratus lebih akhirnya membebaskan pelajar. Ini semua fitnah yang dibuat oleh Rafizi Ramli. Saya tidak tahu akauntan apa yang boleh kata total *revenue* tolak kos tidak ada kos-kos yang lain, saya dapat keuntungan banyak bakinya lebih kurang RM400 juta lebih. Saya nak tanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi orang yang berpengalaman saya tidak perlu bayar *loan*, saya pinjam RM126 juta, saya nak

beritahu kepada Dewan yang mulia ini kos sebenar yang kita buat KUIS ini bukan RM96 juta. Saya tidak malu nak beritahu ini walau pun ini PNC syarikat tetapi saya tak apa ini peluang Tuan Speaker untuk saya buat penjelasan. Dan memang saya ambil kesempatan ini supaya saya dapat jelaskan kepada rakyat dalam Negeri Selangor sebab ini kepentingan awam walaupun saya ada kepentingan peribadi.

Kos sebenarnya yang dicatat yang saya terpaksa pelaburan saya kepada KUIS saya tidak nafikan apa Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam laporan SSM betul saya sebagai pemilik saham dan penama kedua isteri saya. Saya terima betul, kos sebenar saya bukan RM 96 juta sebagaimana laporan Rafizi Ramli. Kos sebenar saya RM135,188,405.74, inilah jumlah pelaburan saya gunakan hasil daripada keupayaan ini. 2005 Rafizi Ramli sebut diberi kepada kroni UMNO yang berbau rasuah. 2005 saya bukan wakil rakyat, Meru, Bukit Antarabangsa, saya bukan ketua UMNO bahagian, saya bukan Timbalan atau Naib Ketua UMNO Bahagian, saya hanya ahli UMNO biasa, apa salah saya. Saya juga dapat kontrak ini secara merit dan keupayaan saya dan kemampuan saya, dan kepercayaan bank kepada saya baru saya dipilih dan saya mampu melaksanakan tanggungjawab ini, apakah itu satu kesalahan kepada saya. Dan hari ini reputasi saya terjejas sebagai ahli perniagaan ADUN kerana fitnah yang dilempar. Saya nak beritahu kepada Dewan yang mulia ini untuk berlaku adil jumlah yang kita bagi saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat Meru, Bukit Antarabangsa kalau besok sidang dewan habis sila datang ke KUIS dan tengok apa bangunan kita buat hebat tak hebat bangunan yang kita buat dengan teliti dan sebagainya.

Bukan kita buat *apartment-apartment* murah, kita buat *very futuristic* punya bangunan, bagaimana *management* yang dibuat oleh pihak *university* bukan kita yang buat dan kita dapat proses ini bukan satu perkara yang saya nak bagi kronologi apa ini Tuan Pengerusi. Daripada 2005 masuk kepada MTES, masuk ke MMKN dan semua perjanjian-perjanjian ini diteliti oleh pihak UPEN, pegawai kewangan negeri yang menentukan *rate*, juga pegawai dan penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri pada waktu itu menilai semua daripada *line-line* perjanjian konsesi ini apakah kita kalau ambil *spirit* Yang Amat Berhormat Menteri Besar adakah kita hendak menghina penjawat awam dan semua ini dilihat oleh pegawai undang-undang negeri pada waktu itu. Dan tidak ada manipulasi pun kenyataan Rafizi Ramli dan juga Bukit Antarabangsa yang lain jelaskan. Dan saya nak beritahu kepada dewan yang mulia ini, apa yang kita tawarkan *rate* yang kita tawarkan saya nak bagi perbandingan Yang Amat Berhormat Menteri Besar nak kata saya punya *rate* mahal. Saya nak bagi contoh ya kita ada 4 *tape* yang kita tawarkan dalam asrama ini. Harga yang kita tawarkan di KUIS untuk 4 orang *apartment* apa ini domentri RM5.50 sehari satu kepala, *twin sharing* RM6.50 lebih seringggit, *apartment 3 room*, 3 bilik, 3 orang RM7.50 sehari dan *apartment* yang mewah RM11.00 sehari yang mana untuk maklumat Ahli Dewan RM11.00 ini datangnya kerana *net of statement* daripada universiti pada waktu itu untuk memberikan ruang yang lebih selesa, lebih besar kepada pelajar-pelajar luar Negara. Dan unit ini pun bukannya banyak, tak banyak, unitnya sedikit lebih kurang 500 bilik sahaja. Yang besarnya demontri kerana nak tampung pelajar miskin. Saya buat banding *rate* saya dapat dengan *rate* daripada UKM, UKM menawarkan satu hari RM5.00 untuk *twin sharing* dan *single room* RM6.00 Universiti Kebangsaan. Universiti

Malaya untuk 4 orang sebilik RM6.50, *twin sharing* RM7.00, UIA untuk *twin sharing* RM6.50 *perhead perday* tiga contoh saya bagi universiti IPTA dibayar sepenuhnya oleh pihak kerajaan. *Poligrante* dibagi subsidi oleh pihak kerajaan membayar. Saya sebagai pengusaha swasta *rate* saya lebih rendah daripada *rate* yang ditawarkan oleh IPTA, *rate* saya lebih rendah dan untuk makluman tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat semua utiliti kos termasuk air, api di bawah tanggungan saya sebagai pemilik konsesi.

Di mana penjelasan yang menyatakan bahawa saya mengaut keuntungan beratus juta. Inilah fitnah, dan saya amat berpuas hati pada petang ini memang saya tunggu nak beri penjelasan ini dan semalam saya tidak ambil peluang ini kerana bila saya berhujah kerajaan tidak akan campur, saya dapat peluang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

TUAN SPEAKER: Cukup.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Inilah yang saya nak perjelaskan pada hari ini. Perjanjian ini berjalan dengan penuh adil dan teliti Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya cukup.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya rasa amat cukup tersinggung hampir 2 bulan terpaksa menanggung ini dan mengambil kesempatan dalam dewan yang mulia dan saya buka kalau ada penghujahan daripada Meru, Bukit Antarabangsa saya boleh terangkan tidak ada apa-apa pun. Saya buat dalam kenyataan dalam dewan yang mulia atas semangat kalau betul kita nak bantu pelajar-pelajar, anak-anak orang miskin Negeri Selangor, orang-orang Islam di universiti KUIS, saya dengan rela hati boleh bincang. Kalau Kerajaan Negeri nak ambil balik konsesi ini dengan syarat *term, condition* dan bayaran yang boleh dipersetujui tidak ada masalah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ok cukup. Baik.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasihlah banyak tetapi saya nak ingatkan beban kepada KUIS meningkat setiap tahun sekurang-kurangnya sehingga sampai RM20 juta setahun jadi saya nak tunjukkan *this is cost of build operate transfer* ini sangat tinggi. Itu sebab kita kena betulkan kira-kira kita, itu *build operate of transfer* sangat tinggi. Walaupun kosnya juga dibebankan kepada kontraktor ataupun pihak swasta sebab dia juga meminjam duit untuk mengendalikan pembangunan tersebut. Itu sebab kita berhati-hati tentang *build operate of transfer*. Kedua saya rasa daripada segi pandangan saya Tuan Speaker pada saya ini mesti diselesaikan sebab KUIS serupa juga macam UNISEL tidak mesti dibebankan dengan kos-kos ini sebab kalau dibebankan sudah tentulah dia tidak mempunyai dana yang cukup untuk operasi. Jadi *we have to* selesaikan masalah dan pandangan saudara tentang surat khabar serupa juga dengan juga pandangan Negeri tentang RM1 bilion selewengkan macam mana itu rasanya. Perasaan saya bila baca Straits Time minum pagi tengok baca eh ini keluar

Kuala Kubu Baharudah ada juga. *This is the issue. Issue is* itu sebab Kerajaan Negeri diambil sikap kalau betul kita tidak betul, kalau betul mereka tidak betul kita bicara di mahkamah. Itu saya punya sikap. Jadi maknanya tak payah bincang-bincang lagi kalau betul, betul, kalau tidak betul tak betul. Jadi senang supaya jangan ada seperti macam ini dan saya rasa Yang Berhormat dari Permatang ada organisasi selesaikan perkara ini. Kerajaan Negeri bersedia untuk melunaskan dengan tanpa seperti yang saya nak terangkan supaya saudara akan dengar. Itu sebab penyusunan semula air sangat penting, PUNCAK NIAGA dan pemilik saham SYABAS tidak rugi, tidak rugi. Tapi harta dipulangkan kepada Kerajaan Negeri supaya dapat harga air dipertahankan. Jadi kalau harga hostel itu tidak boleh dapat dipertahankan makin setiap tahun terpaksa dinaikkan sebab kosnya pembiayaan dan pembiayaan modal itu terpaksa dinaikkan. Jadi oleh sebab itu kita kena selesaikan perkara itu. Itu sebab saya nak tunggu Seri Serdang supaya dia faham tentang perkara tersebut. Kalau dia tidak faham seperti yang ini kecil, yang besar ini yang besar kita sudah bagi tawaran pada PUNCAK NIAGA RM9.5 ribu juta tapi dia hendak lagi satu perpuluhan lima ribu juta. Satu perpuluhan lima ribu juta bererti rakyat Selangor kena cari duit, satu perpuluhan lima ribu juta untuk membayar termasuk rakan kita Yang Berhormat daripada Sungai Burong. Bukan dia sahaja anak dia, saudara mara dia kena bayar jadi itu saya nak jelaskan bahawa ini kalau kerajaan negeri tahu masalah ini kerajaan negeri mesti cuba menyelesaikannya supaya beban itu tidak lagi kepada rakyat seperti juga Yang Berhormat dari Permatang tahu. Oleh kerana KUIS nak memperbetulkan masalah ini budak yang duduk sama-sama dalam asrama itu yang setengah kena bayar lebih daripada yang lagi satu. Sebab dia tahun pertama, dia duduk tahun pertama dia kena bayar boleh jadi RM5 dan Tahun Kedua dia masuk kena bayar RM5 sebab kita tidak boleh ubah apa itu pembayarannya tapi budak yang muda masuk tahun yang kedua dia kena bayar boleh kena RM6. Tidur sekatil sama tapi harganya berbeza itu sebab perkara ini berlaku, sebab kita hendak selesaikan perkara ini. Saya beri Sri Muda.

YB TUAN MAT SUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih. YB Tuan Speaker. Saya hendak berbalik akan yang disebutkan YAB Ijok tadi berkenaan dengan perkara yang berlaku di UNISEL di mana kita memberikan ruang cukup panjang kepada Permatang memperjelaskan, meluangkan rasa hati tetapi bagi saya sebagai ahli politik ini kita hendak ikut rasa hati payah lah kita sedikit tuduhan rasa hati...sedikit tuduhan rasa hati. Kerana kita kena bersedia menghadapi apa jua tohmahan saya sendiri juga tohmahan teruk raja pasir lah disebut, raja itu lah disebut banyak tetapi kalau kita yakin kita dipihak yang benar tak perlulah rasa bimbang dan takut. Saya mengambil sikap, mengambil ruang ini untuk menguji sikap Permatang yang tampil untuk membuat penjelasan, tetapi persoalannya di sini ialah saya ingin bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar apakah dalam siasatan atau audit yang di buat di KUIS itu terdapat proses pelantikan itu secara tender terbuka atau dibuat secara *direct* lantikan terus dan sebagainya kerana kita tahu tak mungkin satu proses yang melibatkan wang yang sebegini banyak dan sebegini besar dilaksanakan tanpa pelibatan atau campur tangan daripada pihak-pihak tertentu. Dan saya yakin apa yang usaha oleh Permatang ini walaupun disebut tadi beliau seorang ahli perniagaan pada waktu itu, tetapi mungkin atas pertimbangan politik. Kalau projek ini diberikan secara langsung mungkin atas

pertimbangan politik maka diberikan kepada Permatang. Jadi saya hendak tahu adakah YB Ijok mempunyai fakta tentang pelantikan bagi pembinaan KUIS ini.

YAB DATO MENTERI BESAR : Ada di depan saya ialah pada MMKN *meeting* Negeri pada 2005 *agree to for both* projek 3A BOT KUIS dan RRSP itu yang diberi tahu kepada saya.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Boleh saya buat penjelasan ya Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Jangan panjang lah sangat sekarang ini Y.A.B menggulung bukan Permatang gulung. Jadi saya minta kalau minta penjelasan ringkas.

YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: 1 minit terima kasih. Seri Muda saya beritahulah mungkin YAB Menteri Besar tiada rekod ini untuk maklumat kita masuk secara tender dan kita di senarai pendek 5 syarikat dan akhirnya kita diberi secara *attention to code* dan kita buat *proposed* dapat secara tender saya hendak buat penjelasan ya. Ok dan itu bukan menjadi isu dan saya telah memberi penjelasan Dato'. Cuma satu saya punya tak hendak panjangkan isu KUIS ini dan penjelasan saya telah buat dan YAB telah jelas. Cuma satulah mengenai surat khabar ini bukan kerana apa saya rasa tadi kalau YAB Menteri Besar kalau rasa MCA buat tak begitu tapi MCA hanya sebagai Dewan sebahagian besar luar tapi yang surat khabar ini kita semua dalam Dewan ini. Dan YAB sebagai Ketua Kerajaan dan mengetuai surat khabar ini jadi berlakulah adil kepada saya. Supaya saya tidak meminta Y.A.B. Menteri Besar meminta maaf kepada saya tetapi berlaku adillah supaya siaran ini sebenarnya ialah kenyataan yang merupa satu fitnah dan juga tidak tepat kepada saya sebab. Saya sebagai Ahli Dewan dan Dewan ini saya minta supaya bukan saya minta mohon maaf tapi sekurang-kurangnya meraih rasa kesal kepada kenyataan ini yang disiarkan dalam akhbar ini.

TUAN SPEAKER: Itu bukan akhbar Dewan ya. Itu akhbar pihak eksekutif. Ya.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Dato' Speaker. Saya tidak membaca itu tapi kalau saya baca ada benda yang tak betul saya betulkan dan kita keluarkan tapi ada benda yang penting iaitu kos kepada KUIS itu penting. KUIS terpaksa menyusun semula. Ok. Saya juga hendak menggunakan masa ini untuk menerangkan kepada YB Batang Kali dan juga Seri Serdang tujuan kita untuk penyusunan air operasi air operasi ini hanyalah untuk menentukan rakyat Selangor tidak membayar lebih daripada apa yang sepatutnya untuk penggunaan atau tarif air itu yang *objektif* yang pertama. Kedua ada yang mengatakan bahawa masalah kekurangan air ini terletak kepada Langat 2. Jawapannya tidak betul Langat 2 hanya beroperasi 2 tahun yang akan datang jawapannya tidak betul. Itu pun telah diterangkan juga sebahagian besar oleh Ahli EXCO kita. Jawapan yang ketiga yang diberi oleh sebab kita memiliki 30% dalam syarikat konsesi SYABAS ini. Oleh sebab itu kita tak perlu bimbang dia untung kita untung lepas itu. Jadi kalau saudara buat kira-kira betul kita akan menyalurkan 30% keuntungan kita kepada rakyat Selangor yang 70% juga pun kena bayar kepada rakyat Selangor. Kalau kita susun semula rakyat Selangor tak bayar apa-apa. Jadi itu yang

kedua yang paling penting ini dipersetujui oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum 2008 ini dipersetujui kerana kita terlalu banyak syarikat konsesi kita ada ABAS, kita ada PALS, kita ada PUNCAK NIAGA, kita ada SYABAS. *For management* jadi kos *management* itu *very high*, kalau kita selidik satu jadi kos *management*, berkurang jadi jawapannya kita perlu menyusun semula dan kita juga kena *genosid* dengan kerajaan persekutuan pasal Langat 2 sebab kita tak nak masukkan esok semua kos dimasukkan ke dalam syarikat operasi air di negeri Selangor jadi kita kena bincang sebab bila dia masuk dalam syarikat operasi air negeri Selangor rakyat Selangor dibebankan dengan kos pembiayaan tersebut, jadi bukan senang untuk umpamanya YB dari Kuala Kubu bertanya berapa banyak pinjaman kerajaan...kerajaan negeri kepada kerajaan persekutuan RM700 juta duit itu adalah kos pembayaran untuk air jadi kalau kita boleh susun semula kita tidak ada hutang RM700 juta maknanya kita sudah masukkan dalam operasi kita jadi maknanya kita menjelaskan banyak masalah kewangan dan juga operasi demi kepentingan rakyat Selangor dan mengatakan tak apalah itu Kerajaan Persekutuan punya kos, ini bukan kalau saudara mengkaji cara perbendaharaan buat kos itu dimasukkan ke dalam negeri Selangor tengok RM700 juta yang..yang kos itu ialah kos untuk pembiayaan dari kerajaan persekutuan tapi kalau dia buat dia masukkan sebagai pinjaman kerajaan negeri. Jadi maknanya apa pun kita cakap kita kena bayar dan oleh kerana kita pemilik saham kita tak kena bayar sebenarnya kita kena bayar. Lagi teruk pemilik saham sebab dalam hal ini nak untung dalam hal ini nak tolong rakyat mana tahu nak untung nak tolong rakyat jadi naknya kita pun tidak boleh membuat keputusan yang terbaik untuk rakyat yang itu. Silakan.

YB TUAN MAT SUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih. Tuan Speaker saya hendak bertanya kepada Y.A.B. Ijok yang selaku ketua kerajaan negeri tentang tawaran daripada Pembangkang yang kononnya mereka bersedia untuk menyokong sekatan kenaikan jika ada sekiranya projek Langat 2 diluluskan. Jadi sebenarnya Y.A.B. Dato' Menteri Besar selaku ketua kerajaan negeri melihat ini satu proses mungkin apa udang di sebalik batu atau sebagainya. Kerana kita melihat benda ini jarang berlaku kita minta dulu untuk sokong dikembalikan pun kekebalan raja-raja mereka pun tak sokong tapi dalam hal ini hendak sokong pula apa komen Y.A.B.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Sokong Y.B jangan cakap tak boleh itu yang saya pun terimalah...jawabannya perkara itu akan berlaku sama ada kita sokong tak sokong perkara itu akan berlaku duit cukai rakyat digunakan untuk pembinaan ini siapa yang bayar rakyat seluruh negara atau bayar ataupun rakyat Selangor akan bayar. Jawapannya oleh sebab penggunaan air ini untuk rakyat Selangor apa jawapan yang terbaik rakyat Selangor yang kena bayar. Jadi bukan satu perkara dia pun sokong pun boleh cakap saya *protes* bagi pihak rakyat Selangor boleh, tapi sama ada didengar atau tidak oleh kerajaan persekutuan walaupun sama parti tidak mesti sebab saya tengok pembiayaan-pembiayaan negeri Selangor juga semasa Barisan Nasional juga tidak juga umpamanya boleh jadi ada setengah Ahli Dewan tak nak menandatangani apa itu perjanjian ini konsesi air ini tak nak, tapi terpaksa jadi buatlah jadi jawapan kita...jawapan kita apa pun yang kita katakan kita akan saya akan percaya kalau kita akan berjumpa rakyat supaya tidak ada lagi kenaikan air yang tidak sesuai untuk rakyat Selangor itu boleh tapi hendak pergi beri tahu kerajaan persekutuan sebab oleh sebab

Langat 2 maknanya kita sebenarnya cakap sahaja bukan perkara yang benar akan berlaku. Sebab hutang dengan Jepun kena bayar, hutang dengan kontraktor kena bayar. Jadi oleh sebab itu kita bersedia dalam penyusunan semula yang saya cadangkan kita masukkan Langat 2 ini saya akan panjangkan bayaran tersebut sehingga kita tidak bebankan. Sebab saya pernah tak lebih daripada 12%. Jadi kita dah panjangkan itu sebab masa Y.B Permatang masalah kos tinggi jadi kita beli dia balik kepada dia kita beli balik daripada dia, kita ubahsuai supaya kos itu lebih rendah dan barulah dapat selesai sebahagian daripada masalah ini. Silakan.

YB TUAN WONG KOON MUN: Terima kasih kepada Tuan Speaker. Yang saya rasa tadi daripada Sri Muda tadi adalah satu andaian yang tak betul kerana seperti mana yang kita tahu di pihak sana sering kali berjumpa rakyat dia kata kita tak nak luluskan Langat, projek Langat 2 kerana apabila projek itu dilulus tarif air akan naik. Oleh sebab dari pihak kita Barisan Nasional hari ini kita tawarkan kalau kita bersama-sama untuk menjaga kepentingan rakyat kita sokong bahawa kalau Langat 2 diluluskan supaya tarif air tidak dinaikkan, kami akan sokong kerana tarif air ini tertakluk kepada kerajaan negeri bukan daripada pusat. Maka hari ini kita dengan ikhlas tawarkan diri kita bersama-sama kepentingan rakyat kita sokong tarif air tidak dinaikkan kalau Langat 2 diluluskan. Sekian, terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Speaker, boleh jadi Yang Berhormat daripada Kuala Kubu tu kena fikir setapak lagi. Kita boleh menerima Langat 2 jika penyusunan semula itu dibuat sebab kalau tak ada penyusunan semula itu dilakukan tidak boleh kita mengenakan kita tidak menahan tarif air itu dinaikkan, itu penting, itu penting, kalau saudara setuju tentang perkara itu penyusunan semula itu mesti dilakukan bukan perkara ini boleh dirundingkan, bukan Langat 2 sahaja tapi kedua-duanya mesti dibuat sebagai satu pakej yang diterima, yang diterima pada bulan Januari 2008 yang sudah diterima oleh kabinet Malaysia pada Januari 2008, kita ada minitnya. Jadi itu sebabnya, jadi kalau saudara betul ikhlas kita boleh bersama-sama berbincang menunjukkan bahawa ini boleh berlaku. Kedua, kedua kita tahu kalau betul dia tahu Selangor ada kuasa untuk menahan kenaikan air kalau ada kuasa kenapa kita dibawa kes ke mahkamah. Jadi itu sebab saudara Yang Berhormat dari Kuala Kubu kena tahu kes dibawa ke mahkamah menyaman kita kerana menahan kenaikan harga tarif air. Kalau kita ada kuasa memang dia tak boleh tapi kita lawan jadi bukan satu perkara yang tidak tapi menunjukkan mentaliti yang ada pada mereka-mereka yang sudah mendapat konsesi ini. Itu sebab jadi saudara Yang Berhormat saya berharap perkara ini dapat diselesaikan dan saya ada dua perkara ringkas kalau tidak saya tidak berlaku adil kepada Yang Berhormat Puan Hannah Yeoh.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Kajang..

YB TUAN LEE KIM SIN: Ya, terima kasih Tuan Speaker dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Berkaitan dengan kemungkinan kita nak menyerap projek Langat 2, loji Langat 2 dan juga kos daripada penghantaran air mentah daripada Pahang, ini nampaknya macam satu langkah ya walaupun satu peringkat cadangan yang merupakan satu langkah macam *built-up* juga, projek ini sebenarnya tidak relevan

langsung. Projek Langat 2 pun tidak relevan kerana kalau kita ikut apa yang dibentangkan waktu forum air dan mengikut cadangan yang dibuat oleh YB EXCO daripada Sri Andalas, kita nampak ada teknologi-teknologi yang tidak melibatkan tempat yang begitu luas dan air mentah pun mencukupi, maka dengan adanya loji-loji yang kecil yang melalui *membrane technology* atau *ultra filter session*, kita dapat menjimatkan kos yang memang amat berbeza besar daripada projek mengambil alih ataupun menyerap kos Langat 2 dan juga kos penghantaran air. Jadi pada Kajang ingin menyoalkan sama ada adakah langkah ini wajar ataupun tidak?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kajang. Jawapannya saya terima pandangan Yang Berhormat daripada Kajang kalau kita ada opsyen-opsyen yang lebih baik, kita fikirkan sekarang kita dalam satu situasi yang mana terdapat perjanjian antara kerajaan negeri Selangor dengan juga kerajaan Pahang, kita ada situasi bukan tak ada perjanjian tetapi dalam perjanjian itu nasib baik kita boleh menentukan bila kita nak gunakan air tersebut, jadi itu ada, saya gunakan perkara tersebut tetapi dalam perjanjian, kita ada perjanjian seperti juga saya nak selesaikan masalah di KUIS, saya betulkan perjanjian, kita selesaikanlah. Jadi tujuannya ialah kalau kita nak marah pun tak boleh jadi kita betulkan sampai satu peringkat yang semua pihak akan merasakan mereka tidak *shock changed by this*, itu sebab saya lakukan, bukan pula saya nak menjatuhkan *shock changed* tapi pada saya kalaulah kita tak lakukan perkara ini sampai kenaikan harga air itu sangat banyak dan merugikan rakyat. Jadi pada saya tanggungjawab kita mengingatkan perkara ini, jadi adalah kes-kes yang saya boleh terima. Mengenai pencapaian kutipan cukai semasa untuk tahun 2008 – 2012, kita dapati peningkatannya agak baik sampai 80%, walaupun ada 20% yang masih tidak membayar salah satu daripada masalahnya ialah kita menggunakan dua sistem, dua sistem maknanya pengutipan lain sistem, rekod lain sistem, jadi alamat tu ada kalanya tidak di*updated*, alamat tak di*updated*. Mereka sangat takut *to merge the two systems*. *Merging the two systems* dia ada lebih kurang 1.5 juta nama dengan 1.5 juta nama kalau kita *merge* tak betul boleh jadi lebih banyak alamat yang tak betul, itu sebabnya *it is* itu sebab kita buat berperingkat. Jadi itu sebab kita *correct line by line updating*. Sebab sepatutnya boleh buat tetapi saya dengar dia punya cerita jadi saya terima penjelasan bahawa mereka nak buat berperingkat-peringkat, jadi itu jawapannya. Walau bagaimanapun tidak dihantar ke alamat semasa penduduk bil dihantar ke alamat perjanjian jual beli. Perjanjian jual beli itu *to record the ownership*, perjanjian cukai tu rekod di mana alamat. Ada orang pindah pun alamat ini tidak ditukar perkara ini berlaku. Jadi saya berharap perkara ini dapat kita selesaikan lagi satu sebelum saya masih lagi saudara kita dari hari ini daripada Permatang mengenai peranan JAIS dalam mesyuarat agung tetapi saya tak tahu jawapannya agak keras sedikit tetapi saya bacalah. JAIS tidak terikat untuk melantik Jawatankuasa yang mendapat undian majoriti, itu dia punya *clause* yang dia beritahu saya, tapi pada saya itu akan kita dapat usahakan kita akan *check* kerana itu kuasa JAIS, dalam kuasa JAIS. Mungkin salah faham timbul apabila dibuat pengundian di peringkat masjid, menganggap mereka yang mendapat undian yang tertinggi akan dilantik, itu dia punya, itu dia punya jawapan tetapi kita mesti lebih penjelasan yang lebih bermakna daripada itu lah. Jadi tujuannya baik tapi ini adalah mengikut enakmen yang dikatakan tapi saya rasa enakmen ini adalah perlu kita lihat daripada konsep mesyuarat lah. Maknanya kita

bersama-sama mencari supaya jawatankuasa atau kepimpinan masjid ini dapat menarik begitu ramai mereka-mereka yang dapat beribadah di masjid. Tauliah kepada penceramah, mereka mesti dapat tauliah tapi rekod-rekod menunjukkan baru-baru ini kurang sedikit bukan banyak tapi rekod-rekod sebelum ini pun menunjukkan bukan banyak yang ceramah yang berunsur politik, pada saya konsep ini pun perlu dibincangkan sebab sekarang Jemaah Islamiah yang berada di *Egypt* telah mengatakan kesemuanya dalam Islam juga politik. Itu pula satu perkara yang perlu kita bincangkan, itu, itu bukan maknanya politik maknanya untuk membangunkan ummah sebagai satu pasukan, itu yang YB Dato' Speaker itu lah sahaja saya berharap perbincangan ini akan dapat memberi manfaat .

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Minta maaf, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Minta maaf Yang Amat Berhormat Tan Sri, saya ingini merujuk kepada beberapa perkara yang dibahaskan dalam tempoh dua hari ini saya bersetuju mungkin Yang Amat Berhormat tidak ada kesempatan untuk menjawab semua perkara yang dibangkitkan dalam tempoh perbahasan namun ada beberapa perkara yang saya kira penting untuk kerajaan negeri melihat dan meneliti semula tentang cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya memohon pertimbangan kerajaan negeri untuk memberikan tambahan kepada peruntukan untuk beberapa program yang akan memberikan faedah langsung kepada rakyat dan juga menjana pertumbuhan ekonomi di negeri Selangor. Salah satu perkara yang dibangkitkan oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat ialah untuk kerajaan negeri melihat keperluan peruntukan khas bagi menambah baik medan-medan selera dan gerai-gerai di negeri Selangor dan juga ada satu peruntukan khas untuk membaik pulih surau-surau dan masjid dalam negeri Selangor selaras dengan keperluan yang agak mendesak ekoran pertumbuhan dan juga penghijrahan rakyat Malaysia ke negeri Selangor dan juga kepadatan penduduk yang semakin meningkat. Saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Amat Berhormat sekiranya tidak dapat dikemukakan pada petang ini mungkin kerajaan negeri meneliti dan memberikan jawapan secara bertulis. Terima kasih Tuan Speaker.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya akan mengadakan perbincangan dengan pihak UPEN tentang peruntukan yang diminta kerana pada kebiasaannya kerajaan negeri juga mempunyai apa yang dipanggil *contingency budget* tapi dia tidak boleh dikemukakan dalam Dewan jika ianya tidak merupakan satu *fund* yang baru kita agak sukar sebab itu mesti memasuki apa yang dipanggil *considerate of fund* tapi ada *contingency budget* yang biasanya boleh digunakan bukan lah maknanya 100% boleh disalurkan tetapi prosesnya sudah mula dilakukan supaya apabila kita ada peluang untuk memasukkan dalam tahun 2013 dan kita boleh terus masukkan penggunaan itu sudah dilakukan. Jadi itu dia punya cara dan saya tidak nak membangkitkan perkara ini dalam Dewan kerana perbahasan itu akan mempersoalkan *vote* mana nak digunakan, dan ini tidak berlaku kalau kita tidak buat kajian yang betul. Jadi itu sebab saya rasa ada dalam pentadbiran perbendaharaan Malaysia pun ada mempunyai peruntukan-peruntukan seperti itu dan tidak lepas itu kita akan laporkan di Dewan tentang penggunaannya yang memang boleh diterima kerana penggunaannya adalah untuk kepentingan rakyat.

TUAN SPEAKER: Subang Jaya.

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Tuan Speaker minta penjelasan. Yang Amat Berhormat Ijok, saya dalam perbahasan saya telah membangkitkan beberapa isu yang melibatkan beberapa agensi kerajaan seperti PKNS, Jabatan Pengairan Selangor, Pejabat Daerah Tanah Petaling yang belum dijawab. Jadi saya nak tahu sama ada agensi-agensi ini ada memberikan maklum balas kepada pihak EXCO terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Saya ada jawapan, kadang-kadang jawapan itu pun saya pun tak boleh nak membacanya dengan betul sebab jawapannya macam, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor adalah organisasi yang komited dengan agenda membangunkan sektor perbandaran dan sektor ekonomi dengan tujuan menyusun masyarakat Selangor agar seimbang dan harmoni. Jadi saya pun sendiri kalau macam itu saya draf sendirilah maknanya saya tak baca sebab saya perlu berbincang bagaimana usaha itu dilakukanlah. Kadang-kadang Menteri Besar sekali dia dapat pandang sekali, sekali dia dapat pandang dia tak baca dah sebab dia tak bolehlah macam ni, pada saya berapa perkembangan yang boleh kita lakukanlah. Tapi itu adalah operasi yang sebab saya tak jawab tu, kebanyakan ialah mengenai operasi, saya tumpukan pada polisi, polisi utama dan kedua baru saya masukkan dalam bidang operasi sebab itu is *within the control of the EXCO and* pentadbiran negeri.

YB TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih, Tuan Speaker. Rasa saya Yang Amat Berhormat masih belum jawab dua isu yang saya ambil dalam perbahasan saya. Satu ialah mengenai tapak perkuburan bersepadu dah jadi keputusan muktamad ke belum, jadi minta penjelasan.

Dan saya tidak mengatakan kalau tidak ada bukti yang kukuh saya tidak akan fitnah, buat tohmahan bahawa orang daripada Bandar Tun Razak atau Parlimen Seputih hantar ke Sepang. Ini surat khabar yang senior EXCO kita yang cakap untuk kegunaan Selangor Selatan termasuk Wilayah Persekutuan. Kalau saya baca Yang Amat Berhormat pun tak faham, tak apa, rujuk kepada senior EXCO kita. Jadi bukan saya nak buat tohmahan fitnah, tidak, saya ikut apa yang ada di dalam surat khabar. Kalau bukan silapnya *reporter*, silaplah cakap senior EXCO kita, saya tak tahu mana yang berlaku kesilapan.

Nombor dua ialah saya harap apa, saya tahu Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah orang yang berkuasa di atas segala urusan tanah. Dan saya mohon bahawa apabila kerajaan sudah mengambil menggunakan Akta Tanah untuk mengambil alih tanah syarikat swasta tu di sebelah SJK See Ching Ming itu biarlah Kerajaan Negeri menanggung segala duit perbelanjaan itu kerana pihak sekolah kena cari lagi dana pada masa yang akan datang untuk mengadakan bangunan dan saya pasti akan bantu,

sebelum ini saya bantu dan kalau ada saya bantu lagi, itu tak ada masalah. Cuma saya tidak mempertikaikan kakitangan-kakitangan kerajaan daripada JPBD yang buat perancangan pasal tapak perkuburan di Sepadu di Sepang. Saya tidak berniat cakap macam itu tapi Yang Amat Berhormat yang *pusher* ke sana. Saya hanya mengemukakan apa pandangan, apa cadangan, apa maklum balas daripada masyarakat saya sebagai tanggungjawab saya bawa ke dewan ini untuk dapatkan jawapan supaya kita buat semua kerja dengan lebih elok, lebih sempurna dan *win-win situation*, itu yang saya mohon. Jadi

TUAN SPEAKER: Cukuplah tu.. Yang Amat Berhormat yang menggulung bukan Sg. Pelek, ya.

YB TUAN YAP EE WAH: Ya. Jadi itu soalan yang saya mohon.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih, Dato' Speaker. Itu pun perkara operasi yang saya tidak sentuh. Kedua Sepang bukan satu kawasan yang kecil. 500 ekar pun dia kalau kita berjalan daripada hujung Sepang ke hujung Sepang pun, sekurang-kurangnya 35 minit, 40 minit jadi

Kedua, jangan bererti bila kita kata Sepang tu, seluruh Sepang akan menjadi tempat perkuburan, tidak. Sebagai sebahagian yang difikirkan sesuai dan jalan-jalan itu boleh tidak melintas Sg. Pelek ataupun Bandar Sepang, boleh tadi tak ada. Jadi semua ini kita telah ambil dalam perbincangan, walaupun adalah tanggungjawab kita memberikan kenyataan ini supaya mendapat kepercayaan dari rakyat di Sepang sebab mereka juga rakyat Selangor dan berhak untuk mengetahui keadaannya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sg. Pelek. Jadi perkara itu bukan satu isu yang tidak boleh dibincangkan tetapi kita akan menunjukkan fakta-fakta yang mana lebih sesuai, mana yang tak lebih sesuai, itu.....

Kedua, Yang Berhormat dari segi pengambilan tanah. Pengambilan tanah ini bukan mesti ada undang-undangnya, siapa yang mengambil tanah. Tanah itu tanah kerajaan untuk, kalau tanah kerajaan untuk kegunaan apa, tapi untuk ini adalah lebih baik, kerajaan mengambil alih tanah itu untuk kegunaan sekolah tersebut. Saudara mesti tahu apabila diambil alih untuk kegunaan sekolah maknanya nilainya berbeza daripada ambil alih untuk kegunaan komersial, nilainya ada berbeza. Itulah sebabnya kita kena, borang itu kita tulis untuk, mengambil untuk sekolah. Sekolah itu maknanya tidak boleh lagi ada bangunan 7, 8 tingkat ataupun 30 tingkat, boleh dibuat. Jadi itu sebabnya kita kata ambil alih dulu atas nama sekolah lepas itu kalau tidak boleh dibayar kita akan bagi sokongan. Jadi konsep kita ialah konsep menunjukkan kita adil kepada pemilik tanah yang lagi satu. Maknanya kalau kerajaan ambil tanah itu, teruskan bagi pada sekolah, maknanya kita ambil tanah, rampas daripada pemaju, pemilik persendirian untuk dibagikan pada sekolah. Tapi kalau kita ambil alih bagi pihak sekolah, maknanya kita mengambil untuk tujuan sekolah. Jadi itu ada, kalau saudara lihat banyak kes-kes mahkamah mengenai prosedur bukan mengenai tujuan air, prosedur itu kalau tak betul pun akan memberi kesan kepada penilaian, itu sebab EXCO kata ambil walaupun saudara tahu tak pernah dalam zaman Barisan Nasional yang tiap-tiap tahun ada RM6

juta sekurang-kurangnya untuk kegunaan sekolah-sekolah di Tiong Hwa. Jadi jawapannya ada, tapi jawapan itu tidak boleh dijawab sekarang, tidak boleh dijawab sekarang sebab, kalau kita jawab sekarang maknanya kita tak tahu, kita belum nak janji. Saya takut bila kita bincang sekarang, bincang sekarang dan pengusaha atau pemilik tanah itu jual pada kawan dia dan nilai yang akhir itu kita kena *consider*, yang itulah yang paling penting, itu sebab saya tak hendak sebab dalam mengurus niaga kita mesti berjaga-jaga tentang bila kita berbuat keputusan tersebut.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih, Tuan Speaker. Masalahnya itu sahaja. Dua-dua bidang tanah, tuan tanah itu kita kenal. Kita pernah bincang dengan dia, dan dia hendak jual dalam lingkungan harga RM1 juta. Itu masalahnya.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, ini dah jawab dah ulang pun Yang Berhormat, dah jawab.....sekarang...

YB TUAN YAP EE WAH: Ya...

TUAN SPEAKER: Sekarang peringkat Yang Berhormat dah gagal, sebab itu kerajaan ambil tindakan. Selepas ini kalau kerajaan dah kata, kalau masalah kerajaan sokong, dah habis. Macam mana nak dapat, sekarang nak dapat jawapan apa. Yang Berhormat dah gagal sebab itu minta kerajaan ambil tanah, kerajaan ambil tanah kata mahal, kerajaan kata akan beri sokongan. Selesailah peringkat ini. Apa hendak lagi, betul tak.

YB TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Kita tak perlu buang masa, peringkat Yang Berhormat kata, peringkat... Yang Berhormat dah gagal, dia tak setuju dan sekarang kerajaan ambillah, isu notislah, biarlah prosesnya jalan dulu. Kerajaan dah kata akan beri sokongan. Cukup. Ya, Kajang, sila dulu, kalau berhenti.....

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Tuan Speaker, berhubung dengan perkara yang sama. Kajang ingin mengucap ribuan terima kasih kepada kerajaan negeri yang begitu prihatin, prihatin tapi perlu diingatkan, urusan pengambilan tanah, tanah ini seharusnya seperti yang disebut oleh Kajang semalam, tanah itu harus sebenarnya diminta oleh pihak Suruhanjaya Tanah Persekutuan untuk kegunaan sekolah dan sepatutnya pihak Barisan Nasional patut mendapat bantuan daripada Kementerian untuk membiayai kos tanah ini dan pihak kerajaan negeri telah berjanji nak bantu dan kita berharap pihak BN juga dapat minta persekutuan untuk membiayai kos tanah ini. Apa pendapat Yang Amat Berhormat.

TUAN SPEAKER: Ini pun hujah dah ulang saja. Ya, ya..jadi tidak ada. Ya, ya, baik., ya.. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cadangan di hadapan dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-undang ini bernama satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan wang yang disatukan negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan sidang pada petang ini, di hadapan saya terdapat permohonan untuk membuat ucapan penangguhan dan bersesuaian dengan Peraturan Tetap 16.2. saya mempersilakan Yang Berhormat Kg. Tunku untuk membuat ucapan penangguhan melainkan beliau menarik diri.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker. Boleh saya tarik diri sebab isu ini telah pun saya rasa telah dijawab oleh pihak pentadbiran semasa penggulungan. Saya tak pasti sama ada ini dibenarkan atau tidak.

TUAN SPEAKER: Terpulang, sebab ini permohonan saya terpaksa luluskan mengikut peraturan tetap. Kalau nak menarik balik, itu terpulang kepada Yang Berhormat. Saya Cuma cadangkan sahaja.

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya rasa isu ini berkenaan dengan isu Syabas dan air dan saya rasa tak perlulah kita bincang buat masa sekarang. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baik, Kg. Tunku, dengan itu saya menangguhkan sidang dewan pada petang ini sehingga hari esok hari Khamis 12 Julai 2012 bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang)